

Membangun Negara

M A D A N I

Visi dan Kerangka
Dasar Reformasi

ANWAR IBRAHIM

keMampunan
kesejAhteraan
Daya cipta
hormAt
keyakiNan
Ihsan

Membangun Negara

M A D A N I

Visi dan Kerangka Dasar Reformasi


Anwar Ibrahim

Membangun Negara

M A D A N I

Visi dan Kerangka Dasar Reformasi

Anwar Ibrahim



The Centre for
Postnormal Policy
& Futures Studies

Shah Alam, Selangor

Cetakan Pertama, Oktober 2022
Cetakan Kedua, Januari 2023

Diterbitkan oleh
IDE Research Centre Sdn. Bhd. (1138903-V),
45, Jalan Tukul P15/P, Seksyen 15,
40200 Shah Alam, Selangor,
Malaysia

Dengan Kerjasama
The Centre for Postnormal Policy
and Futures Studies

@ Hak Cipta Anwar Ibrahim
Hak Cipta Terpelihara

www.anwaribrahim.com
www.cppfs.org
www.postnormaltim.es
www.ideselangor.com

Pereka Bentuk Aras: Siti Naquiah Mohammad Isa
Pereka Bentuk Kulit: Muhammad Hariz Hamdan
Font: Acumin (10.5/14 pt)

خَيْرُ أُمَّتِكُمُ الَّذِينَ تُحِبُّونَهُمْ وَيُحِبُّونَكُمْ،
وَتُصَلِّونَ عَلَيْهِمْ وَيُصَلِّونَ عَلَيْكُمْ

Sebaik-baik pemimpin adalah mereka yang kamu kasih dan mereka pula mengasihi kamu, serta mereka yang sentiasa kamu doakan dan mereka pun selalu mendoakan kamu.

(Riwayat Muslim)

Kandungan

9	Mukadimah
27	Visi Kita
29	Naratif MADANI
31	Kerangka Dasar MADANI
39	Dasar Rukun MADANI
41	keMampanan
59	kesejAhteraan
73	Daya cipta
91	hormAt
107	keyakiNan
127	Ihsan
145	MADANI untuk Malaysia Pasca-COVID
163	Dasar MADANI buat Menangani Masalah Kos Sara Hidup
181	Dasar Keutamaan Menuju Negara MADANI
187	Epilog
191	Penghargaan
195	Sumber

Madani/^[Ar] maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (bukan masyarakat, generasi dan sebagainya) usaha untuk membentuk masyarakat - dengan menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan. Manhaj itu terarah kepada pembinaan masyarakat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

MUKADIMAH

Kita telah bersama mengharungi beberapa dekad yang getir dan sukar. Tatkala bangun dinihari kita bertekad memberikan yang terbaik untuk mengangkat martabat dan maruah diri, keluarga dan masyarakat dan Malaysia tercinta. Beberapa tahun mutakhir ini lebih mengesahkan kenyataan ini. Usaha setiap rakyat **murbalah** yang telah menjadikan Malaysia negara yang makmur dan indah seperti yang kita saksikan kini. Malangnya kemendungan dan kekecewaan mengaburkan masa hadapan bangsa ini.

Saya secara peribadi turut merasakan rasa sinis rakyat yang hilang keyakinan terhadap elit politik, dan lebih parah lagi, rasa hilang kepercayaan sesama kita. Namun jangan sesekali kita lupa bahawa pengorbanan, ketabahan dan kecekalan untuk meneruskan perjuangan ini, itulah yang telah membawa kita mengharungi detik-detik sukar semasa pandemik global, yang diburukkan lagi dengan kemelut politik dan ekonomi. Kemajuan ibarat sungai yang sentiasa mengalir, dan kita tidak boleh biarkan ia terhenti atau terbantut.

Justeru kita telah tiba pada suatu detik penting dalam sejarah, di mana di sebalik kemajmukan yang ada kita harus memikirkan bagaimana untuk menjamin kesejahteraan rakyat, melawan kebobrokan dan kebejatan rasuah, penyelewengan dan ketidakadilan. Bagaimana kita mampu memenuhi impian para pewaris bangsa, mempersiapkan mereka untuk kejayaan-kejayaan yang lebih besar daripada kejayaan kita dan meletakkan cita-cita yang lebih murni daripada kita, serta bagaimana untuk membentuk masa hadapan yang lebih berdaya maju untuk rakyat Malaysia.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Upaya kita tidak harus terbatas pada memenuhi keperluan terhad. Seharusnya kita mesti ubah dari sikap pasif yang terperangkap dalam pemikiran "keadaan pasti berubah. Kita harus secara lebih ghairah bertindak untuk merubah keadaan." Kita juga tidak seharusnya lupa bahawa kita bermula dengan kekuatan.

Sebagai sebuah negara, kita bangga dengan tatanan negara berdasarkan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Menunjangi budaya menghormati hak dan kebebasan rakyat adalah prinsip-prinsip perlembagaan yang menetapkan Islam sebagai agama persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, penetapan hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera serta kedaulatan Raja-Raja Melayu, yang menjadi sendi kepada kestabilan dan teras identiti rakyat Malaysia.

Sementara itu, kemajmukan dilihat secara positif kerana kita mewarisi sejarah dan warisan yang agung. Walhasil kepelbagaian kita jadikan sebagai sumber kekuatan utama. Untuk menuju ke masa hadapan yang sejahtera, sayugia kita merangkul seluruh kekuatan dan bekerja bersama. Setiap rakyat harus memikirkan apa yang boleh disumbangkan untuk negara. Apabila kita bersatu hati, kita mampu memperbaharui kontrak sosial, melupakan ketakutan dan prasangka yang merencatkan kemajuan kita menerusi ketelusan dan tatakelola yang baik.

Sewajarnya harus ada tekad untuk merubah persepsi yang *jumud* terhadap rakyat Malaysia, dari sebuah bangsa yang terkongkong pemikirannya atau sekadar menjadi pendengar dan pengikut setia, kepada suatu bangsa yang berperanan aktif mencorak dan menentukan masa hadapan kita dan anak cucu. Tanggungjawab ini milik kita bersama, dan jika digalas dengan semangat Reformasi yang sebenar kita mampu menegakkan keadilan, kesaksamaan dan kesejahteraan yang kita dambakan selama ini.

Sejarah politik negara yang dilakar dengan janji palsu harus tamat di sini. Setiap rakyat berhak untuk mendapat jaminan yang jauh lebih baik daripada sekadar 'tunggu dan lihat,' atau menyerahkan diri mereka kepada perancangan oleh sekelompok elit penguasa yang memohon agar rakyat memberi kepercayaan penuh kepada mereka. Untuk berdekad lamanya, kerajaan demi kerajaan telah menjanjikan transformasi dan perubahan yang tidak berkesudahan, sehingga terluput sudah makna sebenar daripada kalimat itu.

Hatta kalimat 'baharu' juga telah tercabut dari maknanya – ironinya sikap lama dan usang lebih banyak menjelma semula ketimbang azam baharu. Mengumandangkan 'normal baharu' juga mengelirukan terutama saat cara pengurusan negara masih sama, tidak mengambil iktibar daripada kesilapan dan tiada penambahbaikan. Maka negara kekal diselubungi 'normal lama' dengan pengurusan yang lemah, rasuah, kronisme dan persaingan kem politik serta pertelingkahan yang akhirnya mengorbankan rakyat dan negara.

Tiada kesungguhan tekad untuk menyelesaikan masalah yang meruncing seperti kemiskinan orang Melayu dan rakyat terpinggir, kemusnahan alam sekitar, persengketaan masyarakat dan ekonomi yang merudum gara-gara kepentingan sekelompok elit bangsawan, korporat dan ningrat, serta bertumpuknya hasil mahsul negara di tangan segelintir manusia.

Keluhan rakyat miskin dan kegusaran rakyat marhaen apatah lagi, langsung tidak dipedulikan. Justeru mereka berterusan menanam bibit ketakutan dan prasangka kalangan rakyat. Rakyat seakan telah tenggelam punca, bukan sekadar dalam masalah kesenjangan status ekonomi, tetapi juga dalam masalah pendidikan dan kesihatan.

Di peringkat antarabangsa, jika pun tidak yang paling mengaibkan, Malaysia dilihat sebagai tidak stabil, tidak bermoral, tidak signifikan dan lebih parah lagi, dianggap sebagai sebuah negara perkauman. Maka terdapat keperluan mendesak untuk kita mengangkat tatakelola yang telus dan bertanggungjawab.

Kita harus membina semula negara dengan masyarakat yang berjiwa ihsan, peduli dan berkasih sayang, yang meraikan kepelbagaian masyarakat sehingga orang luar tertarik datang ke sini sama ada untuk melabur atau berlibur. Masyarakat kita disulami dengan tatacara dan nilai daripada latar belakang agama dan etnik yang berbeda, yang berasaskan penerimaan dan kerjasama.

Dengan kerjasama semua, kita mampu membina sebuah Malaysia yang lebih adil dan bersatu ke arah perubahan yang positif. Ada pihak yang cuba memadam hakikat ini dan mempropaganda rekaan sejarah dengan niat membakar api perkauman. Kita haruslah sentiasa berwaspada, dan membina suatu visi baharu untuk dikongsi bersama sebagai alternatif.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Visi ini tidak sekadar merujuk ke masa lalu, atau berpaksikan ideologi yang tertentu, tetapi yang bertunjangkan sikap saling menghormati, serta visi masa hadapan Malaysia yang dikongsi bersama. Mencambah demokrasi Malaysia memerlukan pembabitkan seluruh warganegara ke dalam dialog yang menegaskan idea ini. Kita harus mendepani perubahan dengan ilmu, usaha dan daya cipta, serta saling berhubungan sesama kita untuk mempromosikan nilai-nilai progresif keadilan, kesamarataan dan keseimbangan.

“ Kita boleh bergerak dengan menerima kenyataan bahawa 'keadaan berubah'; atau kita boleh juga memilih untuk 'merubah keadaan.' Sindrom keadaan-berubah memaksa kita mengambil langkah-langkah sementara sebagai reaksi terhadap perubahan persekitaran, sementara merubah-keadaan dalam kerangka jangka masa panjang memerlukan penakkulan yang jernih dan tindakan yang rasional melalui proses berfikir yang berterusan dan sistematik, berdasarkan nilai dan norma yang jelas, serta meneliti matlamat-matlamat yang dirumus dari kesepakatan rakyat.”

Anwar Ibrahim, *'From Things Change to Change Things,'* halaman 21

Kendati begitu, matlamat murni tidak mungkin tercapai melalui kaedah biasa. Kita harus menerima kenyataan bahawa dunia kini telah mengalami perubahan ketara.

Pemesatan perubahan sudah menjadi suatu kelaziman. Walhasil hubungan kita semakin mencapah; media sosial dan segala pelantar permesejan berhasil menyampaikan maklumat kepada jutaan pengguna dalam sekelip mata, menjentik minda di seantero dunia. Sebaliknya lingkungan sosial yang lebih tertutup pula cenderung menerima maklumat berbeda, yang dalam kebanyakan ketika palsu.

Percanggahan dalam bentuk ideologi dan sikap yang berlaku, termasuklah pertelingkahan secara terbuka, telah melunturkan kepercayaan terhadap politik dan ahli politik. Keunggulan nilai serta idea yang dijunjung pada hari ini boleh terlangkup semalaman – kebenaran pada zaman pasca-kebenaran kini tidak lagi meyakinkan. Hatta bukti sains seperti yang dibentangkan dalam isu perubahan iklim, boleh ditepis begitu sahaja dan dianggap tidak relevan.

Kemunculan dron, robot, kecerdasan buatan (*artificial intelligence* atau *AI*), cetakan 3D, dan kejuruteraan genetik semuanya sedang merubah dunia kita. Dunia kini kian rumit, di mana setiap masalah saling berkait dengan masalah lain, dan tiada lagi satu penyelesaian yang segera dan mudah.

Kemelut demi kemelut muncul bertimpa-timpa secara serentak, dalam era globalisasi yang serba berhubung, ditambah dengan percanggahan yang berleluasa, kerumitan dan kekacauan yang semakin pantas telah mengusung kita ke suatu zaman yang disebut sebagai zaman pasca normal.

“Kunci kepada kemajuan dan kesejahteraan tidak terletak pada kepuasan menikmati apa yang telah dicapai, tetapi pada keazaman yang utuh untuk melakukan yang lebih daripada itu pada masa hadapan.”

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Rancangan Malaysia Pertama, 1965

Kesan perubahan iklim telah memberikan kita isyarat buat kesekian waktu, dan kini kita sedang menyaksikan dampaknya yang membinasakan di peringkat sekunder dan tertier mula timbul. Kesan trauma secara kolektif dan gangguan yang kita hadapi lantaran pandemik COVID-19 telah mengesahkan hakikat pasca normal ini.

Menggunakan pendekatan konvensional untuk menyelesaikan masalah atau menggubal dasar tidak lagi akan berkesan dalam zaman pasca normal. Kelaziman menganggap sesuatu sebagai normal atau biasa, walhasil dipandang secara sambil lewa, sehingga kini tidak berupaya menangani serangkai masalah rumit yang kesemuanya saling terkait.

Pendekatan ekonomi ortodoks yang dipelopori oleh Adam Smith, kian disanggah dan menzahirkan andaian-andaian yang keliru atau salah. Kian ramai ahli ekonomi progresif menanggapi ekonomi sebagai suatu sistem beradaptasi yang rumit sebenarnya. Ia terbentuk daripada himpunan perilaku, yang terbit daripada hasil interaksi sejumlah komponen dan reaksi balas, dengan kesan yang tidak terjangka daripada tindakan individu, persatuan syarikat dan kerajaan, dan juga daripada

MEMBANGUN NEGARA MADANI

benda yang hampir tidak terlintas di fikiran, seperti virus mikroskopik yang zahirnya tampak tidak penting. Menggunakan kaedah biasa dalam merancang dan menggubal dasar kini nyata tidak mencukupi.

Kemunculan data raya (*big data*) telah merubah landskap ramalan dan strategi kita. Kerumitan pula mencambah kejahilan yang sering dilepas pandang dan disalahfahami. Hanya ketidaktentuan yang kini menjadi sandaran kepada kenyataan, suatu hakikat yang turut diakui oleh Bank Dunia sehingga mereka mengorak langkah bersama untuk mengasaskan 'Pertubuhan buat Menentukan Keputusan dalam Dunia Serba Tidak Tentu.' Selama dua tahun telah kita saksikan kerajaan dan kementerianya seakan tenggelam punca dek kegalauan dan ketidak tentuan pada zaman pasca normal.

Rakyat yang menderita ditimpa bah besar di seluruh tanah air tahu bahawa pemimpin mereka meletakkan beban kepada Tuhan untuk menutup kelemahan mereka. Sedangkan hakikatnya bencana melanda akibat daripada kealpaan orang-orang jahil yang mementingkan diri sehingga memudaratkan masa hadapan kita dan anak cucu.

Lantaran itu kita perlukan sebuah kerangka dasar yang bertunjangkan kesiapsiagaan terhadap zaman pasca normal, dengan menyedari bahawa kebanyakan masalah kita saling berkait dan menuntut langkah yang serentak di pelbagai bidang dan sektor – suatu usaha raya yang memerlukan rangkulan seluruh anggota masyarakat – serta kesedaran akan keperluan dan cabaran masa hadapan. Kita harus melengkapi diri dengan ilmu pengetahuan serta belajar untuk bergerak dalam dunia pasca normal

Di era terdahulu, tatkala para pemimpin mencari hala tuju baharu, idea atau slogan politik, mereka seringkali mencedok dari luar. Pentadbiran lama mengambil pendekatan memandang ke Jepun atau China (Dasar Pandang ke Timur), seringkali ke Barat, seakan negara-negara luar ini telah atau mampu menyelesaikan segala-galanya. Mereka telah mendewakan nilai, adat dan kejayaan dari luar, serta meremehkan idea untuk menjadikan tradisi, budaya dan sejarah tempatan kita sebagai asas membina kejayaan.

Di sinilah kita harus berubah. Kita tidak bermaksud untuk menepis segala idea dan budaya masyarakat di luar, kerana kerangka dasar

yang ingin diketengahkan ini akan mengambil pendekatan terangkum yang menghargai kerencaman idea. Akan tetapi kita bermula pada suatu titik yang tidak pernah dimulakan oleh mana-mana kerajaan sejak kemerdekaan negara 65 tahun yang lalu, yakni untuk mencerakinkan intisari kemajmukan yang menakrifkan kita sebagai Malaysia. Benar, kini kemajmukan masyarakat merupakan sebahagian daripada kita, namun menggalas tugas ini tidak mudah. Waima demikian, menyemangati roh kemajmukan adalah mustahak demi memajukan negara serta memenuhi potensinya yang terpendam.

Dasar yang diperlukan Malaysia sekarang harus merubah kebiasaan yang telah merencatkan kemajuan kita, harus menumpukan kepada memahami kenyataan dunia pasca normal pada hari ini, di samping mengekalkan nilai-nilai tradisi Malaysia yang dikongsi bersama. Demikian ikhtiar kita menerusi kerangka dasar MADANI. Fokus kita adalah pada nilai keMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta atau inovasi, hormAt, keyakiNan dan lhsan, yakni rangkuman intisari MADANI. Pemerksaan rakyat bermula dengan rencana kita untuk menakrifkan semula istilah dalam kerangka MADANI, menjelaskan matlamat dan visi negara mengikut manhaj kita. Penakrifan ini disusuli dengan ikhtisar tentang matlamat dan visi atau wawasan yang ingin kita capai menerusi penerapan setiap istilah.

Konsep kemampanan (*sustainability*) telah mengalami perubahan dan transformasi sejak ia diperkenalkan. Asalnya penakrifannya terbatas sebagai 'memenuhi keperluan semasa tanpa meremehkan upaya generasi penerus untuk memenuhi keperluan mereka,' justeru digabungkan dengan idea pembangunan dan menjadi **angkubah** yang positif untuk mengawal pembangunan yang tidak terbatas. Namun aspek masa hadapan seringkali dilepaspandang, sedangkan secara takrifannya kemampanan itu berteraskan masa hadapan. Tanpa pertimbangan tentang masa hadapan, tiada yang boleh dianggap sebagai mampan. Atas dasar itu, istilah 'pembangunan yang mampan' telah dikritik keras; sementara istilah 'masa hadapan yang mampan' dilihat lebih seimbang dan berorientasikan masa hadapan.

Justeru yang kita hasratkan adalah suatu ekologi dan alam sekitar yang mampan buat Malaysia. Selaras dengan kedudukan manusia sebagai khalifah beramanah untuk mengelola alam yang luas ini, tanggungjawab

MEMBANGUN NEGARA MADANI

murni buat memastikan kesejahteraan hidup semua makhluk di bumi harus menjadi prinsip utama dalam kerangka besar MADANI. Kekayaan sumber asli negara serta kepelbagaian flora haruslah dipelihara. Kebajikan haiwan harus terbela sementara segala bentuk penganiayaan mesti dihentikan. Ini mensyaratkan suatu penggubalan dasar yang selari dengan matlamat sebuah masa hadapan yang mampan. Dan lebih daripada itu, kita ingin wujudkan kemampuan masyarakat, pembangunan bandar dan luar bandar, kepelbagaian budaya dan kekayaan warisan, demokrasi serta kesejahteraan ekonomi dan psikologi rakyat kita.

Kemampuan harus difahami sebagai suatu agenda holistik dan saling berkait yang menyentuh setiap sisi daripada kehidupan kita. Seperti juga kemampuan, tiada satu takrifan muktamad untuk kesejahteraan. Namun lazimnya, ia dikaitkan dengan kekayaan wang ringgit dan konsumerisme, yakni suatu ideologi yang berteraskan pilihan individu untuk berbelanja bagi memenuhi keinginannya. Kita telah berhasil meningkatkan kuasa beli kepada segmen masyarakat yang lebih luas ketimbang sebelum ini, namun masih gagal membina satu wawasan kemakmuran yang mampan dan teragihkan.

Antara dampak negatif gejala konsumerisme yang tidak terkawal adalah timbulnya rasa ketidakcukupan diri di mata manusia. Nilai seorang manusia itu diukur berdasarkan apa yang dimiliki dan dipamerkan, justeru semakin banyak perhiasannya maka semakin tinggilah harga dirinya. Kesannya yang begitu ketara kesenjangan yakni kian melebarnya jurang antara rakyat yang maha kaya dengan rakyat yang miskin melarat.

Justeru itu, kita perlu menakrifkan makna kemakmuran dan kesejahteraan yang tidak semata duniawi, tebal dengan kebendaan (materialistik) dan menjadi pengguna tanpa kawalan (konsumeristik), tetapi sebagai suatu faham kesejahteraan yang lebih menyeluruh dan *syumul* atau holistik. Kesejahteraan yang berdasarkan kepuasan melakukan kebaikan secara fitrahnya telah tertanam dalam diri setiap anggota masyarakat ketimbang pengejaran harta yang tidak berkesudahan. Kesejahteraan ini meletakkan tanggungjawab sosial ke atas individu; suatu keadaan yang mempertanggungjawabkan kita terhadap yang lain, yakni manusia haiwan, tumbuhan dan persekitaran.

Justeru, kesejahteraan turut merangkumi kemampunan. Sebagai analoginya, sebatang pokok tidak akan terus tumbuh sampai bila-bila; akan tiba pada satu tahap di mana ia berhasil memberikan kecukupan kepada segala yang hidup dalam lingkungannya. Bahagian inilah yang tidak berubah dalam persamaan itu, yakni sumber kepada identiti dan kekudusan kita, rahsia kepada kesejahteraan.

Perjalanan menuju idea kesejahteraan holistik harus bermula dengan kesedaran bahawa dasar ekonomi neoliberal yang hanya menguntungkan konglomerat besar telah gagal dalam menangani kesenjangan dan penyertaan sosial. Kita juga sedia maklum bahawa kapitalisme kini sedang meruntuh, dan lebih banyak mengakibatkan krisis ketimbang penyelesaian.

Dasar neoliberal telah membuka pasaran bebas yang sebebasnya tanpa sebarang kawal selia, memberi pemotongan cukai terhadap golongan maha kaya, penjimatan fiskal yang mengesankan rakyat miskin, jurang pendapatan yang semakin melebar serta kelemahan pengurusan ekonomi. Ekonomi harus ditanggapi sebagai suatu sistem yang rumit, dengan elemen yang saling berkait dan bergantung antara satu sama lain.

Sebuah kebun misalnya, tidak pernah mencapai kestatikan: ia sentiasa bertunas dan menguncup. Dan seperti sebuah kebun juga, jika ekonomi dibiarkan tanpa kawal selia, nescaya akan hilang keindahan dan keseimbangannya kerana semak-samun dan belukar yang menghalang pertumbuhan pohon-pohon lain. Justeru ekonomi perlu dikawal selia agar jelas buat kita akan pertumbuhan jenis apa yang bermanfaat buat negara, jenis bagaimana yang akan memudaratkan rakyat, jenis bagaimana yang akan meningkatkan keterangkuman, jenis bagaimana yang mampan dan jenis bagaimana yang akan memusnahkan alam sekitar.

Maksudnya, ada keperluan mendesak untuk beralih kepada ekonomi yang berasaskan kemampunan, atau apa yang sering diungkapkan oleh cendekiawan ekonomi sebagai menuju kepada 'ekonomi yang berasaskan kesejahteraan terangkum.' Usaha ini lebih daripada sekadar pengelolaan biasa pasaran dan kewangan; bahkan ia turut menumpukan usaha pembasmian kemiskinan, kesejahteraan rakyat, keterangkuman sosial, kesamarataan, perubahan iklim serta

MEMBANGUN NEGARA MADANI

kemampuan alam sekitar dan masyarakat. Yang ditekankan adalah bahawa kerajaan harus menjamin kemaslahatan awam demi merungkai masalah yang dihadapi rakyat serta mendorong perkembangan teknologi ke arah masa hadapan yang lebih mampan.

Kesejahteraan negara mensyaratkan suatu perubahan yang radikal, pada masa yang sama mencipta sistem kewangan yang berpandukan pertumbuhan inklusif dan saksama serta percukaian yang adil dan ekosistem yang melibatkan perkongsian risiko. Demi memecahkan monopoli yang memangsakan rakyat dan merugikan pekerja, suatu anjakan besar mesti dilakukan di mana peranan penting setiap anggota masyarakat dan ekonomi diiktiraf dalam sistem kita, yang menggalakkan sikap saling menghormati untuk memperbaiki ketempangan lama dan mencapai keharmonian dalam kalangan rakyat.

“Dalam masyarakat yang rasuah, rasuah mempengaruhi kehidupan harian kita secara berkala. Anak-anak didedahkan kepada pengaruh buruknya sejak di sekolah rendah lagi dan rasuah menjadi senario yang ditontonnya. Seluruh generasi kanak-kanak membesar di bawah bayang-bayangnya. Pastinya ia akan mempunyai kesan negatif kepada personaliti seorang.”

Syed Hussein Alatas, *Rasuah: Sifat, Sebab dan Fungsi*, halaman 96'

Kerangka ekonomi kita harus menyeimbangkan antara matematik pertumbuhan dengan soal akhlak dan maruah seorang manusia tanpa mengira pangkat dan kedudukan. Inilah kerangka ekonomi manusiawi yang ingin kita laksanakan, yang memberi insentif kepada syarikat-syarikat dan perusahaan agar mereka menyokong segala usaha demi mensejahterakan rakyat dan negara secara amnya.

Segala yang sedang diusahakan tatkala ini – daripada mewujudkan kemampuan alam sekitar kepada menegakkan tatakelola yang baik, daripada membasmi kemiskinan orang Melayu kepada meringankan hutang pendidikan siswazah, daripada menyelesaikan kemelaratan para petani dan pekebun kecil kepada merungkai beban hutang peneroka FELDA, daripada menegakkan keadilan kepada mengembalikan kebebasan institusi, daripada memperbagus sistem kesihatan kepada mereformasi sistem pendidikan, daripada menangani masalah harga barang kepada mengurangkan inflasi dan kos sara hidup, daripada

mengurus dampak konflik serantau dan antarabangsa kepada menjadi pemain penting di pentas dunia yang serba rumit- kesemuanya itu memerlukan sebuah ekonomi yang kukuh dan mampan.

Kunci untuk mencapai hasrat itu adalah dengan cara menyuburkan budaya daya cipta dalam masyarakat kita. Kita harus maju ke hadapan meninggalkan pemikiran usang dan persepsi lapuk yang menyekat kita daripada berfikir secara kritis, yang menghambat kemampuan untuk meneliti masalah, dan melemahkan kesanggupan untuk menjana penyelesaian yang berdaya cipta, sekaligus mensia-siakan segala peluang keemasan yang tersedia.

Justeru ditegaskan bahawa setiap sektor pembuatan harus mendakap prinsip daya cipta dan melakukan perubahan radikal untuk mempersiapkan negara bagi menghadapi kerancangan industri 4.0, teknologi pertanian serta gelombang perubahan yang lain, sama ada yang telah kita fahami atau pun belum.

Pasaran kerja pada masa hadapan hampir pasti akan berubah dengan adanya robot, automasi, data raya, analitik yang canggih, kecerdasan buatan dan pelbagai lagi perkembangan teknologi digital di luar kotak fikiran. Persediaan yang secukupnya bagi menghadapi perubahan landskap pekerjaan, apabila pekerjaan sedia ada akan digantikan dengan teknologi baharu, harus disegerakan. Hatta konsep tempat kerja juga sudah berubah dengan drastik belakangan ini. Munculnya konsep bekerja dari rumah dan beransurnya mesyuarat-mesyuarat ke alam maya menjadi petanda berpindahnya kita ke zaman pasca normal.

Negara harus dipersiap untuk menghadapi perubahan pesat yang dipacu oleh **ekonomi gig** untuk mengelakkan kejutan dan kesusahan kepada rakyat. Turut perlu dipersiap adalah generasi penerus demi menghadapi pasaran kerja yang mencabar di mana kreativiti dan daya cipta akan menjadi keperluan asas. Justeru inisiatif *Digital Native Agenda* (DNA23) yang telah kita gerakkan sejak tahun 2019 merupakan langkah awal untuk mengembangkan pengetahuan kita mengenai teknologi masa hadapan.

Usaha seperti DNA23 membantu kita menjangka potensi gangguan dalam ekonomi digital agar kita mampu bersedia untuk pergantian tenaga kerja yang diakibatkan oleh kecerdasan buatan dan automasi dalam industri. Peralihan ke arah Malaysia yang lebih berdaya

MEMBANGUN NEGARA MADANI

cipta mampu dikendalikan dengan ilmu, kepakaran, pengalaman dan persediaan, agar sebarang kerugian dapat dikurangkan semampunya sambil memanfaatkan peluang ekonomi yang tersaji dalam era digital. Dalam tekad perubahan ini, tidak ada seorang pun yang akan ketinggalan atau dilupakan. Kesilapan yang dilakukan sebelum ini tidak akan berulang kembali. Cukuplah dengan dasar dan pendekatan yang dangkal dan sementara, yang tidak berasaskan penyelidikan lantas sekadar ikut-ikutan, yang telah mengorbankan masa hadapan negara.

Sebagai usaha untuk menyuburkan kreativiti dan pemikiran kritis, program daya cipta akan diterapkan seawal sistem pendidikan rendah lagi. Kemudiannya di universiti, tatkala masalah yang rumit dan saling berkait dalam zaman pasca normal memerlukan perspektif dan amalan yang rentas bidang, antara bidang dan pelbagai bidang. Pada hari ini, struktur bidang di universiti lebih cenderung untuk menghambat perkembangan rentas, antara dan pelbagai bidang ini ketimbang menggalakkannya. Kita harus merobohkan tembok halangan dan maju melangkaui pembahagian yang memisahkan.

Dalam zaman pasca normal, para siswazah harus dipersiapkan untuk mampu bekerja, berfikir, dan berhubung rentas, antara dan pelbagai bidang. Anak muda bukan sahaja perlu bersedia untuk Industri 4.0 dan Pertanian 4.0 tetapi juga segala apa yang akan berlaku selepas itu, serta bagaimana mereka mampu berperanan semasa menghadapi kemelut jatuh bangun ekonomi pada masa hadapan. Oleh itu, universiti haruslah membina jaringan yang lebih berkesan dengan pemain industri, pertanian, pembuatan, dan perniagaan serta institusi sosial dan budaya agar masalah ketidakserasian dapat ditangani.

Kaedah pengajaran dari atas ke bawah juga hendaklah digantikan dengan pengajaran yang menggalakkan penyertaan dan kerjasama. Begitu juga penekanan mesti diberikan kepada aspek kemampunan, celik masa hadapan, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kreativiti dan kebolehsuaian, serta kesedaran sosial dan budaya. Bagaimana cara mereka belajar itu sama pentingnya dengan apa yang kita ajar, dan kadangkala mengakui kejahilan diri itu jauh lebih penting daripada memikirkan bahawa diri itu tahu. Ternyata ini bukan sekadar semakan kurikulum mudah yang perlu dilakukan, tetapi suatu rombakan besar yang melibatkan masyarakat dan budaya.

“Punca kemiskinan orang Melayu dapat dikesan pada empat sebab utama: produktiviti yang rendah, eksploitasi dan pemangsaan, pengabaian dan dasar-dasar kerajaan yang berpihak kepada bandar.”

Ungku Abdul Aziz, Jejak-jejak di Pantai Zaman

Rakyat Malaysia dalam golongan pertengahan menghadapi cabaran yang jauh lebih mencabar. Yang dikatakan kelas pertengahan itu – yang menjadi tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara – sebenarnya tidaklah statik bahkan berubah-ubah. Mereka di lapisan terbawah pada bila-bila masa boleh tergelincir ke dalam kategori miskin sementara mereka di lapisan atas pula hanya memenuhi kelayakan minimum untuk secara konvensional dipanggil sebagai kelas pertengahan.

Kelas pertengahan yang ampuh adalah mereka yang bukan sekadar mampu membayar bil tetapi juga mampu meningkatkan mutu kehidupan dengan keselesaan yang seadanya sambil mengetahui bahawa keselamatan mereka terjamin dan kerajaan mereka boleh dipercayai. Mereka mampu tidur nyenyak pada waktu malam, mengetahui bahawa kerajaan yang ada sedang melakukan segala yang termampu untuk memastikan mereka selamat, dan akan bertungkus-lumus untuk membantu pada saat-saat yang sulit.

Rakyat merupakan sumber kekuatan paling utama; benih kepada pertumbuhan ekonomi kita. Justeru demikian mengapa nilai hormat menjadi sangat penting dan perlu menjadi agenda utama kita. Tanpa mengira latar belakang, setiap anggota masyarakat haruslah diperlakukan dengan penuh bermaruah serta bebas daripada segala bentuk gangguan, termasuklah dalam isu menghukum para pesalah.

Kita harus **menyemangati** nilai hormat dan menghormati integriti dan kejujuran. **Teras keamanan dalam sebuah masyarakat majmuk terletak pada sikap menghormati mereka yang berbeda dengan kita, termasuklah dalam soal kepercayaan dan cara hidup.** Bermula dengan menghormati pasangan kita, ibu bapa dan keluarga kita, para pekerja dan penjawat awam, jangan dilupa bahawa kita juga harus menghormati diri sendiri, dengan memelihara akhlak dan maruah, serta menghormati hak tubuh badan, dengan menjaga kesihatan jasmani dan mental.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Dalam dunia media, termasuklah media sosial dan media arus perdana, kebenaran, keadilan dan privasi haruslah dihormati, di samping bebas daripada laporan tidak beretika, prasangka, dan campur tangan politik. Ini justeru memerlukan penyuburan budaya hormat-menghormati, yang merupakan sendi dan darah daging rakyat Malaysia.

Tetapi budaya hormat ini harus mencakupi politik, sehingga kita mampu mencapai tahap politik hormat-menghormati, yang tidak terhad sebatas menghormati proses demokrasi melalui pelaksanaan pilihan raya yang bersih, adil dan bebas rasuah, tetapi juga melalui pembentukan sebuah kerajaan yang telus dan bertanggungjawab, yang sedia mendengar keluhan rakyat dan bertindak, serta memberi perhatian serius kepada keperluan mendesak negara, dan tidak segan untuk belajar daripada kesilapan serta melakukan sedaya upayanya untuk memperbetulkannya.

“Rasuah dikenal pasti sebagai salah satu sebab utama yang membantutkan pertumbuhan ekonomi, menghilangkan minat pelaburan asing, meningkatkan kos pentadbiran dan urus niaga, meniadakan rakyat daripada mendapat perkhidmatan, serta mendorong berlakunya ketidakstabilan politik. Rasuah mengakibatkan pembangunan tidak lestari, pencemaran alam sekitar, pengagihan kekayaan tidak seimbang dan ketirisan khazanah negara.”

DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfurlah, 2022

Namun, setelah kerajaan mandat rakyat yang sah digulingkan oleh kerajaan pintu belakang, dan mereka yang telah merompak kekayaan negara berbilion ringgit melalui pelbagai skandal rasuah dan pecah amanah kembali ke tampuk kuasa hasil sokongan para pengkhianat, keyakinan rakyat terhadap pentadbiran negara kita mula terhakis dengan begitu dahsyat. Kerajaan yang baharu dibentuk pula gagal sama sekali dalam mengurus COVID-19 dan kebajikan rakyat, walhasil menggunakan wabak itu untuk mengeratkan cengkaman kuasa, malah menghalang ahli parlimen daripada hadir ke Parlimen dengan kawalan ketat pihak keselamatan.

Kini kita telah menyaksikan dua kabinet gemuk dengan jumlah menteri yang terlalu ramai mula menggondol kekayaan negara tatkala

rakyat menderita dengan kenaikan mendadak harga barang. Seorang demi seorang daripada gerombolan elit perasuah yang terlepas daripada keadilan tatkala ada ibu bapa yang miskin mencuri untuk menyuap anak mereka yang kelaparan dihumban ke dalam penjara. Jadi, tidak mungkin kita setuju kembali kepada cara usang, yakni kebiasaan lama yang telah sekian lama kita dan gerakan Reformasi berkerat rotan berpatah arang menentanginya sejak dua puluh tahun yang lalu.

Kegagalan dasar kerajaan serta muslihat berterusan sesetengah ahli politik yang menumpuk kekayaan untuk diri mereka sendiri telah merugikan rakyat. Jangan kita pandang enteng terhadap kecenderungan rakyat yang mula bersikap sinis terhadap ahli politik. Keyakinan mereka terhadap tautan suci antara kerajaan dan rakyat kian luntur akibat kecurangan dan pengkhianatan. Dalam Pilihan Raya Umum ke-14, rakyat Malaysia telah menyuarkan hasrat mereka untuk melihat perubahan yang lebih baik, dan mengatakan kepada sang penguasa yang bobrok dan rasuah, "sudahlah."

Adapun kami, yang telah kalian beri amanah dan kepercayaan, masih berhutang untuk melaksanakan agenda Reformasi serta memulihkan keyakinan yang telah luntur. Keyakinan bukanlah sesuatu yang boleh dituntut atau diminta. Keyakinan hanya akan berputik dalam sanubari sekiranya jelas ternampak bahawa tindakan yang diambil selaras dengan tekad Reformasi.

Keyakinan yang ingin dibina oleh kerangka ini pula bukanlah sekadar keyakinan yang hanya untuk menjaga air muka, akan tetapi keyakinan menyeluruh yang mencerminkan sikap bertanggungjawab menjalankan amanah serta memeliharanya daripada dikhianati. Keyakinan, seperti juga solat atau ritual dalam agama lain, haruslah dihayati dan disemangati sentiasa. Setiap hari kita harus tanyakan apa yang wajar dilakukan untuk memastikan keyakinan terus bersinar. Justeru, kita harus bekerja keras untuk memulihkan semula keyakinan antara ahli politik dan rakyat.

Dalam usahamembina jambatankeyakinanini, tugasmenyatupadukan rakyat dengan segala kemajmukan dan kerencamannya akan digembleng, dibingkai dalam visi besar merealisasikan kemampanan dan kesejahteraan, didorong oleh daya cipta dan diperkukuh dengan nilai hormat sesama anggotanya. Keyakinan dan kepercayaan sesama

MEMBANGUN NEGARA MADANI

rakyatlah yang akan memperbaharui tekad kita untuk membina sebuah Malaysia yang lebih adil dan madani pada masa hadapan. Namun keadilan tidak tertegak secara mandiri kerana kebijaksanaan Ilahi menentukan luasnya sifat rahmah dan kasih sayang. Justeru penekanan harus diberikan kepada nilai ihsan.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Sesungguhnya Allah memerintahkan agar berlaku adil dan berbuat ihsan, serta memberi bantuan kepada kerabat, dan Dia melarang perbuatan keji, kemungkaran, dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu beringat mengambil iktibar..

Surah al-Nahl, ayat 90

Pengajaran beberapa dekad ini harus menjadi asas untuk kita membina sebuah masyarakat madani yang bersifat ihsan, peduli, berkasih sayang dan merasai keperluan orang miskin, yang terpinggir, dan yang sehingga kini diabaikan. Membela kebajikan asas mereka bermula dengan memastikan pendapatan mereka adalah pendapatan yang bermaruah untuk meneruskan hidup secara mampan.

Sikap ihsan, peduli dan kasih sayang juga harus diterapkan dalam hubungan kita dengan alam sekitar dan masyarakat, termasuk para pekerja yang sering ditindas dan dianiayai. Keutamaan dan kebajikan rakyat wajib menjadi pertimbangan dalam merancang keuntungan hasil perniagaan, sementara institusi-institusi negara perlu menerapkan belas kasihan. Kerangka undang-undang perlu dibangunkan untuk memastikan nilai ihsan dan belas kasihan menjadi ciri penting kehidupan seharian kita. Golongan miskin dalam masyarakat kita tidak semata menderita dek **kelembaban** ekonomi, malah mereka juga diabaikan, dikelirukan, dihina dan diinjak maruah mereka, sehingga mereka hidup sengsara dan melarat. Percubaan untuk mengukur tahap kemiskinan daripada sudut angka atau statistik juga adalah sia-sia, kerana ketimbang mengikhtiar penyelesaian, mereka yang berkuasa sebaliknya menggunakan angka-angka statistik untuk menutup bangkai gajah dengan harapan masalah ini akan lesap.

Sedangkan fenomena miskin desa telah pun digariskan oleh Almarhum Profesor Diraja Ungku Aziz, pakar ekonomi dan mantan Naib Canselor Universiti Malaya sejak akhir 1950-an. Namun sehingga hari ini, keadaan mereka tidaklah bertambah baik hatta pada kadar paling minimum ketimbang pembangunan dan kemajuan yang dinikmati negara. Justeru dengan mencorakkan masa hadapan negara atas prinsip ihsan, dasar yang akan digubal akan meletakkan keutamaan terhadap membela nasib mereka berpandukan kerangka dasar MADANI.

Kerangka MADANI merupakan suatu ikhtiar yang bersepadu dan holistik: kesemua enam komponennya tidak berfungsi secara berasingan; ada kesalinghubungan yang rapat antara setiap komponen, sementara ketergantungan mereka antara satu sama lain menjadikan segala dasar yang digubal menjadi lebih manusiawi, yang sentiasa ditambahbaik menerusi musyawarah dan maklum balas rakyat. Justeru secara kolektifnya, kerangka ini akan meletakkan asas untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang madani, maju, terampil dan terangkum.

Anjakan demi anjakan yang berlaku begitu pantas memaksa kita untuk mengambil kira keadaan persekitaran yang sentiasa berubah-ubah. Namun kita tidak akan bermula dengan sifar. Sejarah Malaysia yang panjang dan kaya menjadi landasan utama, dan daripadanya kita belajar memperbetul kesilapan serta membuka jalan menuju kejayaan. Justeru, kepelbagaian agama, kerencaman bahasa, sejarah suku kaum, dan kekayaan tradisi budaya adiwarna akan menjadi binaan asas kepada segala pendekatan kita. Sudah tiba masanya kita noktahkan segala percaturan mengejar kuasa yang semata-mata demi memenuhi tembok peribadi dan nafsu serakah, serta menolak rasuah, politik wang dan prejudis sempit masa lalu, dan mara ke hadapan bersama, bertindak demi kepentingan rakyat dan negara. Kita tidak berhasrat untuk merubah segala-galanya, sebaliknya menuntut suatu penambahbaikan yang radikal.

Dengan mewujudkan suatu kerajaan yang kukuh dan jujur, kita tidak hanya akan memimpin di depan, sebaliknya bergandingan bersama-sama rakyat untuk mendepani perubahan dan menghasilkan dasar yang kukuh untuk tindakan. Dasar ini laksana denyut nadi rakyat, ia bertanggungjawab membela rakyat dan memperbetul segala kesilapan lalu dan sekarang. Komitmen jelas kepada prinsip ketelusan diikrarkan,

MEMBANGUN NEGARA MADANI

bermula dengan membasmi kerosakan dan salah laku, dan bermatlamat untuk memberdaya rakyat melalui pertukaran pandangan dalam sebuah polilog demi manfaat semua.

Dasar ini komited untuk memastikan rakyat celik akan masa hadapan serta membangunkan pendekatan yang berupaya mengemudi arah dalam zaman pasca normal. Kita mara ke depan sebagai sebuah masyarakat yang mampan, berintegriti dan bermaruah, dengan kesedaran tanggungjawab antara satu sama lain sebagai warganegara tanah air tercinta, bergandingan bersedia untuk menghadapi apa sahaja yang tersedia pada hari esok untuk kita.

“ Sayugia seorang pemimpin itu membentangkan permaidani keadilan buat rakyatnya, menegakkan khemah keselamatan dan mengibarkan panji kesabaran yang bergemerlapan buat mereka. Beliau harus membiarkan sungai-sungai kebajikan mengalir, menahan tangan-tangan zalim daripada menyentuh mereka, sambil membasahi mereka dengan amalan mulia. Sifat yang terpalang penting harus ada padanya adalah keadilan.. ”

Shihab al-Din Ahmad al-Nuwayri, Nihayat al-Arab fi Funun al-Adab, halaman 96

VISI KITA

Untuk membangun tanah air yang lebih mampan dan makmur berteraskan ruh daya cipta, nilai hormat, keyakinan dan ihsan, di mana keterangkuman dan kesaksamaan menjadi teras utamanya – yakni sebuah masyarakat Malaysia yang adil.

Naratif MADANI

“ MADANI: kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, nilai hormat, keyakinan, dan ihsan – kata kunci kepada sebuah agenda rakyat untuk membina masa hadapan yang madani buat Malaysia.. ”

Matlamat kita adalah untuk merubah Malaysia menjadi sebuah negara yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati serta bersikap ihsan berdasarkan keyakinan antara satu sama lain. Kata kunci visi ini adalah MADANI, yang pada asasnya merupakan kepercayaan antara kerajaan dengan rakyat atas dasar ketelusan dan kerjasama.

Ia mengiktiraf hak setiap warganegara Malaysia tanpa mengira latar belakang untuk hidup dalam persekitaran yang mampan dan menyumbang kepada kesejahteraan bangsa. Ia menyokong usaha-usaha ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya cipta dan kreatif.

Ia memupuk sikap saling menghormati sesama rakyat sebagai norma sosial dan budaya untuk memastikan keterangkuman semua. Ia menyuburkan sifat ihsan, peduli dan kasih sayang dalam setiap anggota masyarakat untuk mewujudkan keamanan.

Kerangka Dasar MADANI

Agenda dasar kita tidak hanya memberikan tumpuan kepada menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan semasa di negara kita, tetapi juga pada mencorak masa hadapan dan memenuhi potensinya. Ia mengambil kira segala bentuk perubahan yang telah merubah dunia; ia bercita-cita untuk mengemudi negara dalam zaman pasca normal yang serba rumit, bercanggah dan berkecamuk. Bahasa, konsep dan budaya tempatan Malaysia merupakan teras kepada kerangka ini.

Penekanan diberikan terhadap sintesis, yakni menggabungkan amalan sedia ada dengan kaedah baharu yang direka untuk menangani isu-isu baharu dan ketidakpastian. Enam rukun utama MADANI – kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan ihsan – merupakan cerakinan daripada perintah Allah SWT yang terkandung dalam al-Qur'an al-Majid serta cerminan daripada keperibadian dan ketokohan junjungan besar baginda Nabi Muhammad SAW.

Ia merupakan kerangka dasar yang saling berkait dan bersepadu, setiap satunya menguatkan yang lain. Kerangka ini dibina dengan kesediaan menerima perubahan mengambil kira sumbang saran dan pendapat daripada semua lapisan masyarakat. Dengan kerangka ini, semoga kita mampu segera memulihkan negara kita melalui Reformasi yang substantif, sekaligus melangkah bersama rakyat menuju masa hadapan yang lebih cerah, Insha Allah.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

“ Kita haruslah sentiasa beringat bahawa perlembagaan bertulis hanyalah semata-mata lembaran kertas. Yang lebih penting adalah harus ada dalam sanubari dan akal fikiran mereka yang diamanahkan untuk mentadbir dan memelihara Perlembagaan, suatu kepercayaan pada nilai dan prinsip yang menghidupkan dokumen luhur itu.”

DYMM Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin Shah Ghafarullahulah, Jubli Emas Keperlembagaan dan Kedaulatan Undang-Undang

Untuk setiap rukun akan digariskan:

Takrifan Kebiasaan

Kefahaman biasa terhadap istilah tersebut.

Takrifan Kami

Apa yang kami maksudkan dengan istilah tersebut dan bagaimana ia ditakrifkan dalam konteks negara kita.

Visi

Visi khusus yang dibentuk untuk istilah tersebut.

Masyarakat atau Kawasan Sasaran

Kepada siapa atau di mana sesuatu dasar itu disasarkan?

Mencorak Dasar

Antara elemen penting dalam pembuatan dasar untuk setiap rukun yang akan diteroka:

- Ekonomi dan Kewangan
- Perundangan
- Institusi
- Pendidikan
- Kemasyarakatan
- Kebudayaan
- Bandar
- Luar bandar

KERANGKA DASAR MADANI

Dalam membina kerangka besar ini kita harus memikirkan sejenak beberapa perkara. Pertamanya, kesalingkaitan antara keenam-enam rukun MADANI harus sentiasa diperkukuh. Dalam erti kata lain, bagaimana setiap rukun mampu berhubung dan menyumbang kepada rukun yang lima. Pada masa yang sama, setiap rukun harus mengambil kira sejarah semasa negara. Misalannya, apakah struktur, sistem dan idea sedia ada yang boleh ditambah baik, atau yang harus disingkirkan.

Kita juga harus memikirkan mengenai berbagai potensi yang wujud. Apabila sesuatu tindakan diambil, kita tidak hanya harus memikirkan bagaimana sesuatu dasar itu boleh dibikin, tetapi juga kesannya, yang baik dan yang buruk.

Keduanya, sisi pasca normal turut menjadi pertimbangan dalam pembentukan dasar ini. Dalam dunia pasca normal, dasar-dasar MADANI harus bersedia untuk menghadapi kelajuan, skala, skop dan keserentakan; percanggahan yang begitu banyak; kerumitan yang kian bertambah; serta kemampuan untuk menghadapi kekacauan. Kesemua ini akan perlu menjawab beberapa persoalan penting yang dibangkitkan.

Kerumitan

Persoalan yang perlu dijawab adalah apakah kita memiliki mekanisme untuk menghadapi kerumitan yang muncul, bagaimana kerumitan dapat dikurangkan, bagaimana penyelesaian yang ringkas dapat membantu kita menguruskan keadaan yang rumit, dan bagaimana untuk menyedari bahawa dalam dunia global yang serba terkait ini, sentiasa wujud risiko sistemik dalam dan luar negara yang mampu memberi dampak besar kepada negara kita.?

“**Kerumitan** itu wujud antara keteraturan dan kerawakan. **Kerumitan** juga sukar dijelaskan, diubah, dicipta atau diramal.”

Scott E Page, Diversity and Complexity, halaman 32

Percanggahan

Misalannya, apakah potensi percanggahan yang akan wujud dalam dasar kita, dan daripada manakah datangnya halangan yang menghasilkan percanggahan kepada dasar itu, apakah ianya institusi, birokrasi, kumpulan berkepentingan, parti-parti pembangkang, demonstrasi, gerakan radikal, atau perhimpunan jalanan.

Percanggahan juga hadir dalam bentuk risiko, justeru harus difikirkan apakah jenis risiko yang boleh dijangkakan, serta bagaimana untuk menyingkirkan segala halangan.

Kekacauan

Adakah kita terlepas pandang sebuah peristiwa yang berpotensi mewujudkan kekacauan pada masa akan datang, apakah elemen kemasyarakatan dan kebudayaan yang mampu mengakibatkan kekacauan, apakah kita mampu mengesan dan memantau pergerakan yang menuju kepada kekacauan, adakah kekacauan itu sendiri boleh ditanggapi, dan apakah persediaan kita.

Juga harus diingat bagaimana untuk memastikan rakyat Malaysia sentiasa dimaklumi akan perkembangan semasa dan terus kekal utuh pada saat-saat yang kacau.?

Keserentakan

Dasar yang rumit memerlukan pendekatan keserentakan, yakni bertindak secara serentak di sektor, institusi dan pertubuhan yang berbeda. Bagaimana untuk menjalinkan hubungan dan memastikan dasar serta matlamat – meski sebahagiannya tampak bercanggah – diterapkan secara serentak oleh semua pihak yang terlibat: institusi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan masyarakat dan sukrelawan serta NGO. Ketiganya, kita harus mengambil kira keadaan yang sentiasa berubah, kemungkinan-kemungkinan dan masa hadapan yang mungkin berlaku.

Masa Hadapan dan Perubahan

Adakah semua dasar yang akan dibuat bersedia untuk menghadapi perubahan yang pantas, adakah perubahan yang sentiasa berlaku akan menjadikan dasar itu lewah, bagaimana kita seharusnya merubah dasar untuk beradaptasi dengan perubahan, apakah perbezaan antara dasar semasa dengan dasar yang akan kita gubal, apakah corak perkembangan isu semasa yang akan menuntut kita meneliti semula dasar-dasar, apakah bentuk senario yang berpotensi untuk berlaku dan bagaimana ia mampu membantu kita melakar masa hadapan yang kita inginkan?. Akhir sekali, kita akan melihat bagaimana dasar-dasar ini boleh dipantau, dan sama ada perlunya perkara baharu diusulkan untuk memastikan rakyat meraih manfaat daripada dasar MADANI ini.

Pemantauan

Untuk memastikan dasar-dasar yang telah digubal dapat membuahkan hasil, justeru diperlukan pemeriksaan dan pemantauan. Maka perlu dijawab persoalan adakah kita memerlukan suatu mekanisme untuk mendapatkan maklum balas, bagaimana dapat kita pastikan kesemua dasar itu saling berhubung di setiap peringkat dan memastikan segala isu yang melibatkan percanggahan, kerumitan dan keserentakan dapat ditangani dengan baik, dan adakah kita mampu untuk memantau dan menghalang kekacauan daripada berlaku.

Institusi Pemberdayaan

Kunci utama membangun dasar dalam sebuah sistem ekonomi yang rumit adalah dengan adanya suatu penglibatan aktif untuk memperbaharui institusi-institusi penting yang mampu berdepan dengan kerumitan, kekacauan dan mengatasi percanggahan. Apakah jenis institusi baharu dan berdaya cipta yang diperlukan agar dapat diberi kepercayaan membimbing dan memantau perjalanan dasar dari awal hingga akhir, termasuklah dalam memastikan jentera dan birokrasi kerajaan melaksanakan tugasnya, mewar-warkan dasar kepada rakyat, serta merubahnya mengikut keperluan semasa.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Terkait dengan pelbagai masalah dan pembaziran yang berlaku akibat kabinet gemuk, dasar ini secara amnya cenderung untuk mengurangkan bilangan menteri dan tidak menggalakkan pembentukan institusi baharu, terutamanya yang tidak berfungsi. Namun sekiranya diperlukan sebuah institusi yang dapat memainkan peranan untuk melaksanakan dasar ini dengan sebaiknya maka institusi kerajaan sedia ada akan diserap, diperkasa atau digarap sesuai dengan matlamat agar birokrasi kerajaan mampu menjana perubahan yang diperlukan oleh rakyat.

Kerangka MADANI bukanlah sesuatu yang mudah dan bersifat sehalu. Rajah di halaman berikutnya cuba untuk memaparkan kepelbagaian sisi kerangka MADANI dan bagaimana ia berkait dengan masa hadapan serta isu-isu pasca normal. Adakah semua dasar yang akan dibuat bersedia untuk menghadapi perubahan yang pantas, adakah perubahan yang sentiasa berlaku akan menjadikan dasar itu lewah, bagaimana kita seharusnya merubah dasar untuk beradaptasi dengan perubahan, apakah perbezaan antara dasar semasa dengan dasar yang akan kita gubal, apakah corak perkembangan isu semasa yang akan menuntut kita meneliti semula dasar-dasar, apakah bentuk senario yang berpotensi untuk berlaku dan bagaimana ia mampu membantu kita melakar masa hadapan yang kita inginkan?

Akhir sekali, kita akan melihat bagaimana dasar-dasar ini boleh dipantau, dan sama ada perlunya perkara baharu diusulkan untuk memastikan rakyat meraih manfaat daripada dasar MADANI ini.

Institusi Pemberdayaan

Kunci utama membangun dasar dalam sebuah sistem ekonomi yang rumit adalah dengan adanya suatu penglibatan aktif untuk memperbaharui institusi-institusi penting yang mampu berdepan dengan kerumitan, kekacauan dan mengatasi percanggahan.

Apakah jenis institusi baharu dan berdaya cipta yang diperlukan agar dapat diberi kepercayaan membimbing dan memantau perjalanan dasar dari awal hingga akhir, termasuklah dalam memastikan jentera dan birokrasi kerajaan melaksanakan tugasnya, mewar-warkan dasar kepada rakyat, serta merubahnya mengikut keperluan semasa.


Terkait dengan pelbagai masalah dan pembaziran yang berlaku akibat kabinet gemuk, dasar ini secara amnya cenderung untuk

KERANGKA DASAR MADANI

mengurangkan bilangan menteri dan tidak menggalakkan pembentukan institusi baharu, terutamanya yang tidak berfungsi.

Namun sekiranya diperlukan sebuah institusi yang dapat memainkan peranan untuk melaksanakan dasar ini dengan sebaiknya maka institusi kerajaan sedia ada akan diserap, diperkasa atau digarap sesuai dengan matlamat agar birokrasi kerajaan mampu menjana perubahan yang diperlukan oleh rakyat.

Kerangka Dasar MADANI



Ⓜ A D A N I

ke**M**ampuan

KEMAMAPANAN

Takrifan Kebiasaan

Kemampuan merujuk kepada keperluan untuk membangunkan dasar dan model yang sesuai untuk kelangsungan hidup manusia dan kesejahteraan bumi; untuk memenuhi keperluan semasa tanpa menggadaikan keperluan dan kebajikan generasi penerus. Wacana popular cenderung menyempitkan takrif kemampuan kepada perbincangan seputar alam sekitar serta pengurangan pencemaran dan pengurangan penggunaan sumber yang tidak boleh diperbaharui.

Kemampuan juga sering dikaitkan dengan konsep-konsep seperti daya tampung, jejak karbon, dan titik kemuncak untuk membentuk masa hadapan yang mampan dan adil. Persekitaran yang dimaksudkan merujuk kepada atmosfera, hutan hujan, laluan air, lautan, tanah, dan segala bentuk kehidupan yang berinteraksi dengan mereka.

Takrifan Kami

Kemampuan dalam kerangka kita merujuk kepada kelewahan majuan mutu kehidupan bangsa dalam acuan yang seimbang antara manusia dan alam, bernuansakan citra Malaysia yang unik. Kemampuan mengandungi konotasi kebersamaan, yakni upaya untuk meringkai kerjasama secara kolektif dan berterusan, merangkumi semua lapisan masyarakat termasuklah yang tinggal di luar bandar dan di kawasan bandar.

Kemampuan juga mensyaratkan kesejahteraan dan keseimbangan, dengan pengertian saling menghormati dan mengasihi sesama manusia, dan juga terhadap alam sekitar termasuk haiwan dan tumbuhan. Justeru

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ
 اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾ وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَّاحَ بُشْرًا بَيْنَ
 يَدَيْ رَحْمَتِهِ حَتَّىٰ إِذَا أَقْلَتِ سَحَابًا ثِقَالًا سَقَنَاهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنْزَلْنَا بِهِ
 الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ كَذَلِكَ نَخْرُجُ الْمَوْتَى لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
 ﴿٥٧﴾ وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبثَ لَا يَخْرُجُ إِلَّا
 نَكِدًا كَذَلِكَ نَصْرِفُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾

Dan janganlah kamu berbuat kerusakan di bumi setelah ia berada dalam keadaan baik (*islahiba*). Berdoalah kepadaNya dengan rasa takut dan penuh pengharapan. Sesungguhnya rahmat Allah teramat dekat dengan orang-orang yang berbuat kebaikan (*muhsinin*). Dialah yang meniupkan angin sebagai pembawa khabar gembira, sebagai mendahului kedatangan rahmatNya, sehingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami bawanya ke suatu daerah yang tandus, lalu Kami turunkan hujan di daerah itu. Kemudian Kami tumbuhkan dengan hujan itu berbagai macam buah-buahan. Seperti itulah Kami membangkitkan orang yang telah mati, mudah-mudahan kamu mengambil pelajaran. Dan tanah yang baik akan menumbuhkan tanaman-tanamannya subur dengan izin Tuhan; sementara tanah yang buruk, tanaman-tanamannya akan tumbuh merana. Demikianlah Kami menjelaskan berulang kali tanda-tanda bagi orang-orang yang bersyukur..

Surah al-A'raf: 56-58

kemampuan yang kami takrifkan lebih daripada sekadar pemeliharaan alam sekitar, tetapi juga soal memelihara kebajikan haiwan dan mutu kehidupan manusia.

Visi Malaysia yang Mampan

Matlamat yang ingin dituju adalah membangunkan kemampuan berdasarkan piawaian global untuk mempromosikan budaya yang mampan dalam semua aspek kehidupan serta mengurangkan potensi bencana alam.

Masyarakat dan Kawasan Sasaran

Kerangka MADANI sememangnya dibangunkan untuk kebajikan seluruh rakyat Malaysia, merangkumi semua peringkat dan kawasan. Namun untuk memulakan proses ini, adalah penting untuk mengenal pasti sasaran yang sesuai untuk bermula agar proses penggubalan dasar boleh ditumpukan ke arah itu.

Dalam aspek kemampuan, maka yang disasarkan adalah seluruh tapak semula jadi di negara kita, terutamanya kawasan yang dilindungi undang-undang khas seperti hutan simpan, sumber air dan hidupan liar. Yang menjadi pembolehubah dalam persamaan ini adalah kawasan yang ditanda (atau menunggu kelulusan, atau yang dipertikaikan) untuk tujuan pembangunan atau penambakan.

Kepentingan pihak pemaju, perniagaan dan industri di satu sisi, dan kepentingan penduduk sama ada di pesisir, pedalaman, bandar dan luar bandar juga akan menjadi perkiraan dalam dasar yang diwujudkan. Ia adalah kunci kepada dasar kemampuan yang lebih menyeluruh buat negara.

Mencorak Dasar

Usaha untuk mewujudkan sebuah Malaysia yang mampan tidak akan tercapai dengan penglibatan oleh segelintir pihak sahaja. Usaha mencorak dasar haruslah melalui tindakan secara kolektif oleh seluruh rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Cabaran yang dihadapi susulan kegagalan kita mewujudkan kemampanan, seperti bencana banjir dan tanah runtuh, adalah cabaran bagi seluruh rakyat Malaysia. Justeru pertimbangan untuk dasar yang mampan harus disepadukan dalam semua bidang ekonomi, perdagangan, perniagaan, undang-undang, pendidikan dan institusi. Kita juga perlu memberi dukungan kepada kemampanan dalam aspek kebudayaan serta menggalakkan kemampanan dalam tingkah laku sosial dan individu.

Ekonomi dan Kewangan

Kemampanan bukanlah sesuatu yang asing dalam banyak keadaan, tetapi untuk agensi-agensi ekonomi dan kewangan di Malaysia menerapkan aspek kemampanan dalam dasar mereka, ianya merupakan sesuatu yang amat penting, terutama dalam menterjemah nilai-nilai tersebut kepada tindakan. Ini justeru mensyaratkan pembangunan sebuah ekonomi baharu berasaskan etika yang mampan.

Kita harus memansuhkan konsesi cukai dan insentif tidak sihat kepada syarikat perniagaan dan perusahaan yang tidak mampan serta yang tidak mempamerkan sikap kepedulian terhadap rakyat dan alam semula jadi. Cukai kemampanan yang terkait dengan aspek alam sekitar seperti perubahan iklim, keadilan sosial, dan isu-isu khusus di peringkat tempatan dan antarabangsa wajar diperkenal untuk memastikan tekad kerajaan dalam melaksanakan agenda kemampanan negara dapat diteruskan.

Kita juga harus peruntukkan sejumlah dana yang memungkinkan penerokaan terhadap kaedah baharu untuk memanfaatkan sumber tenaga yang boleh diperbaharui, terutamanya dengan cara memberi dukungan terhadap penyelidikan kemampanan di pusat pengajian tinggi. Objektif yang mampan harus dimasukkan ke dalam strategi untuk meningkatkan keuntungan, sementara syarikat perniagaan pula haruslah berperanan lebih besar dalam hal ini dengan membangunkan sasaran dan matlamat jelas untuk mampan.

Insentif boleh diberikan buat mendorong perniagaan agar menjadi lebih mampan di seluruh negara. Dalam kita mengambil pendekatan yang lebih mampan terhadap dasar ekonomi, jambatan yang

menghubungkan antara yang miskin dan kaya juga perlu diusahakan. Kegiatan ekonomi yang positif harus digalakkan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Begitu juga, kita harus mempertimbang secara serius kemasukan ekonomi gig dalam pendekatan ekonomi konvensional untuk manfaat semua, agar tidak ada seorang pun yang tercicir dan ketinggalan. Program insentif kitar semula yang baharu perlu diperhalusi dan dibangunkan agar mampu memberi pulangan sewajarnya.

Perundangan

Membangun infrastruktur undang-undang dan duluan berteraskan kemampunan adalah amat penting sebagai landasan bagi program ini. Kita harus mulakan dengan membangun tatacara amalan yang mampan untuk syarikat dan institusi.

Undang-undang dan dasar sedia ada harus dinilai semula agar pematuhan kepada prinsip kemampunan dapat ditingkatkan. Undang-undang baharu juga harus mengehadkan penggunaan tenaga, pelepasan karbon dan pencemaran.

Penambahbaikan boleh dilakukan melalui penguatkuasaan dan juga dengan cara mengenakan hukuman yang lebih berat bagi semua undang-undang yang terkait dengan kemampunan, seperti yang terkait dengan keselamatan jalan raya bagi pejalan kaki atau penggunaan pengangkutan awam, serta kesalahan mencemar dan memusnahkan alam sekitar seperti pembalakan dan perlombongan tidak terkawal dan tanpa permit. Ini termasuklah menggubal undang-undang untuk melindungi udara bersih serta memperkenalkan hak dan perlindungan bagi hutan hujan, bukit, sungai, tasik, flora dan fauna.

Untuk memerangi rasuah dalam kegiatan ini, denda dan hukuman yang lebih berat perlu dikuatkuasakan berdasarkan dapatan daripada kajian dan penilaian kegiatan terhadap alam sekitar, yang akan dijalankan oleh badan bebas. Turut menjadi keutamaan kita selain kemampunan alam sekitar adalah kemampunan ekonomi rakyat.

Dasar terkait gaji minimum, gaji bermaruah dan pendapatan asas sejagat yang lapuk perlu dinilai semula untuk mencari jalan terbaik bagi

MEMBANGUN NEGARA MADANI

membasmi kemiskinan. Negara juga harus bersedia untuk mengkaji undang-undang terkait automasi untuk mengurangkan kehilangan pekerjaan pada masa hadapan.

Memperkasa undang-undang negara untuk menghukum pelaku jenayah terhadap generasi akan datang demi mengawal amalan yang tidak mampan dan pembaziran akan memberikan Malaysia kelebihan daripada sudut undang-undang yang diperlukan untuk mengemudi masa hadapan.

Institusi

Untuk memastikan negara kita terus mampan, institusi kita haruslah terlebih dahulu mampan. Kita harus memastikan semua kakitangan kerajaan dan syarikat persendirian sedar akan dasar kemampanan ini dan komited untuk melaksanakannya, justeru ia memerlukan penglibatan semua pihak.

Waktu bekerja yang panjang harus menjadi lebih efisien, cuti yang sewajarnya diberikan dan pada masa yang sama menggalakkan syarikat dan persatuan memberikan kaedah bekerja yang fleksibel untuk bekerja dari rumah bagi mengurangkan kesesakan, serta memberikan pertimbangan untuk kebajikan kesihatan mental mereka. Skim pencen yang sesuai yang akan menggalakkan cara persaraan yang mampan perlu ditentukan.

Begitu juga dengan akaun mereka yang bekerja sebagai petani, usahawan gig ekonomi dan lain-lain yang tidak memiliki akaun persaraan perlu dibuat. Tuntasnya, mana-mana bidang yang tidak memiliki institusi khusus bagi melaksanakan dasar Malaysia yang lebih mampan, maka perlu diasaskan institusi baharu untuk berkhidmat ke arah itu, termasuklah dalam menerapkan amalan kitar semula, pemeliharaan udara dan air yang bersih serta pengurangan jejak karbon.

Dalam jangka masa panjang, Malaysia mampu mendepani negara lain dalam menggariskan piawaian kemampanan serantau dan global. Untuk itu, haruslah ditubuhkan terlebih dahulu sebuah pasukan petugas khas di bawah kementerian alam sekitar dan sumber asli yang bertugas membangunkan suatu rancangan ampuh untuk mencapai keselamatan tenaga, peralihan ke tenaga alternatif, serta penghentian secara total pelepasan gas rumah hijau ke udara.

Turut diperlukan adalah pihak ketiga yang mampu berperanan sebagai pemudah cara antara perkhidmatan kutipan sisa, perkhidmatan perlindungan alam sekitar, pemimpin setempat, syarikat-syarikat dan individu agar komunikasi menjadi berkesan demi masa hadapan negara yang lebih mampan.

Akhirnya, penilaian terhadap prestasi dan gerak kerja kita menuju kepada Malaysia yang lebih mampan perlu kepada pemeraksanaan kakitangan kerajaan dan penjawat awam, serta penyerapan kementerian dan agensi yang bertindih peranannya agar tidak berlaku kelewahan dan ketidakcekan. Walhasil, ini akan menatijahkan sebuah Kementerian Kemampanan, yang akan diamanahkan khusus buat melaksanakan dasar-dasar kemampanan serta memantau dan menguatkuasa tindakan terhadap amalan yang tidak mampan.

Pendidikan

Membangunkan Malaysia yang mampan bermula dengan pendekatan yang diterapkan dalam sistem pendidikan kita. Pendidikan dan amalan yang mampan perlu diperkenal seawal peringkat rendah dan menengah. Untuk memaksimumkan potensi pendidikan kita, maka harus diperhalusi tahap rentas bidang dan antara bidang di universiti, terutamanya dalam hal kemampanan.

Di peringkat infrastruktur, pengubahsuaian sekolah dan kampus untuk memupuk kreativiti perlu dilakukan. Misalannya, pembentukan saiz kelas yang lebih kecil, beserta cakupan teknologi dalam seni bina yang hijau atau mesra alam untuk menggalakkan budaya mampan, di samping menyediakan sebuah ruang khas untuk projek kemampanan sekiranya kemelut melanda lagi, sebagai iktibar yang diambil daripada pandemik COVID-19.

Membangun infrastruktur yang diperlukan untuk pembelajaran jarak jauh merupakan pelaburan jangka masa panjang yang diperlukan. Pembelajaran di luar bilik darjah juga sayugia digalakkan, melalui penerokaan kawasan berbeza seperti dalam bandar, pedalaman, kawasan semula jadi, termasuk juga dalam suasana pendidikan-pekerjaan, ruang yang dikongsi, serta kemudahan lengkap untuk penjagaan dan perkembangan awal kanak-kanak.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Pembangunan kurikulum yang menggabungkan dasar hijau dan masa hadapan dengan citra kepelbagaian budaya dan perpaduan perlu dilaksanakan, tanpa mengesampingkan nilai Islam dan agama-agama di Malaysia, khususnya yang terkait dengan akidah dan prinsip akhlak. Kita juga harus mewujudkan pusat kajian kemampanan serta institut penyelidikan di institusi pengajian tinggi yang mengkaji secara mendalam mengenai perubahan iklim bagi mempersiapkan negara untuk menampai dampak buruk daripada kemelut iklim dan alam sekitar.

Kemasyarakatan

Daripada sudut kemasyarakatan, membina asas bermula dengan tunjang negara – melancarkan kempen dalam kalangan perkhidmatan awam untuk menggalakkan budaya mampan. Masyarakat madani, media sosial dan arus perdana harus digunakan kerana keupayaan berkesan mereka yang mampu mempromosikan pilihan yang lebih mampan, di samping menggalakkan budaya mengurangkan penggunaan dan menggalakkan kitar semula melalui kempen awam.

Dasar yang lebih agresif sebagai kesinambungan kepada amalan pengurangan penggunaan plastik sekali guna (terutamanya untuk barangan runcit, bekas dan penyimpanan makanan) harus berjalan selari dengan usaha untuk memperkenalkan pengganti kepada plastik pada harga yang lebih rendah untuk pengeluaran dan pengguna.

Prakarsa mampan seperti pertandingan dan pemberian geran untuk projek-projek pembersihan bersama anak muda akan mendidik kesedaran akan kemampanan serta menggalakkan agensi untuk menganjurkan kegiatan yang berdaya cipta, dan ini seharusnya berlaku di setiap peringkat.

Di peringkat setempat ia akan melibatkan individu dan usaha persatuan, sementara di peringkat yang lebih luas insentif akan diberikan untuk ruang kongsi, pengurangan pengangkutan, seni bina hijau, dan gaya hidup yang mesra alam. Jika kita menginginkan perubahan yang berkesan dan kekal utuh, kita harus memimpin melalui teladan dengan merubah cara dan budaya kerajaan ke arah pendekatan yang lebih mampan.

Kebudayaan

Dalam takrifan yang lalu telah dijelaskan hakikat bahawa kerencaman budaya di negara kita telah matang seiring perkembangan zaman, dan sarat dengan nilai yang menghargai alam dan kemampanan hidup. Justeru harus diteruskan proses untuk mengembangkan budaya kemampanan ini kepada kaedah moden seperti kitar semula, pengurangan sisa plastik, elektrik dan kumbahan, prakarsa pembersihan, menjaga kawasan kejiranan, kempen dan program pendidikan, serta usaha akar umbi yang komited terhadap agenda kemampanan.

Kemampanan mampu menjadi elemen penyatuan rakyat kerana keberadaannya dalam setiap agama dan kaum di Malaysia. Dalam memperkukuh budaya setempat melalui elemen kemampanan, pembangunan semula atau pengubahsuaian dalam bandar dan luar bandar boleh dilakukan untuk menghubungkan rakyat, dari bandar-bandar besar hingga ke ceruk kampung melalui pembangunan yang mampan dan nilai-nilai yang dikongsi bersama.

Bandar dan kampung juga boleh dihubungkan dengan menyediakan infrastruktur sewajarnya untuk pejalan kaki, penunggang basikal, dan pengangkutan awam, sekaligus menggalakkan gaya hidup yang lebih mampan serta menjauhkan rakyat daripada konsumerisme yang berleluasa. Apabila kemampanan mula menjadi budaya yang kian mengutuh, negara akan lebih bersedia untuk membangunkan kemudahan yang lebih banyak untuk pelancongan hijau buat pengunjung dari dalam dan luar, serta menggerakkan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar yang lebih meluas.

Bandar

Telah sekian lama pusat-pusat bandar dianggap sebagai ancaman terbesar kepada kemampanan, namun tanggapan ini boleh dicabar apabila kita memikirkan bagaimana bandar sebaliknya mampu memainkan peranan yang penting dalam merubah Malaysia menjadi sebuah negara yang mampan. Tentunya bermula dengan memperkenalkan mekanisme perlindungan udara untuk memelihara mutu kebersihannya serta memerangi jerebu, asap kenderaan dan ancaman alam sekitar yang lain. Aspek kemampanan sosial di bandar diterapkan dengan memastikan akses yang mencukupi dan mampu

MEMBANGUN NEGARA MADANI

milik kepada perumahan dan perkhidmatan asas untuk golongan miskin dan terpinggir agar mutu kehidupan mereka terjamin.

Peruntukan juga perlu diturunkan untuk memajukan sistem penjagaan kesihatan yang mudah alih untuk manfaat golongan miskin bandar dan luar bandar. Ini justeru memerlukan pembinaan infrastruktur baharu yang mampan dan berdaya tahan, atau pengubahsuaian struktur sedia ada dengan perubahan yang mampan terhadap seni bina tradisional.

Selain itu, akses kepada ruang awam hijau juga harus diberikan sesuai dengan keperluan rakyat, terutamanya mereka dengan keperluan khas. Penekanan diberi terhadap upaya mereka bentuk semula bangunan agar mesra alam, perkongsian kenderaan, membaik pulih pengangkutan awam, penggunaan kenderaan elektrik, menggalakkan jalan kaki melalui penyediaan laluan yang selamat, serta penggunaan pengangkutan lain yang akan mengurangkan jejak karbon.

Seiring kemajuan teknologi juga kita harus bersedia dengan peningkatan penggunaan kenderaan elektrik atau hibrid dan sumber tenaga alternatif. Ini akan memerlukan perubahan infrastruktur seperti pemasangan pengecas untuk kereta elektrik serta ruang berteduh yang lebih banyak untuk pejalan kaki dan penunggang basikal. Langkah-langkah yang akan diambil untuk melaksanakan usaha ini tentunya akan mengambil kira pandangan rakyat setempat, dan rakyat akan dilibatkan secara aktif untuk perancangan dan pengurusan penempatan yang mampan.

Luar Bandar

Kerangka ini tidak memerlukan kita untuk merubah segala-galanya untuk mewujudkan kehidupan yang lebih mampan, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Langkah pertama adalah dengan mengenal pasti dan mengekalkan amalan baik sedia ada di kawasan luar bandar. Di mana ada kekurangan, justeru kita akan memperkenalkan kaedah yang lebih mampan, seperti amalan pertanian mampan yang memanfaatkan kaedah baharu untuk saluran, penggiliran tanaman, dan sumber tenaga alternatif.

Membangunkan masyarakat luar bandar yang mampan adalah penting dalam mewujudkan Malaysia yang mampan. Atas dasar itu, teknologi baharu menggunakan tenaga boleh diperbaharui di kawasan luar bandar akan diperkenal, termasuk menjadikan ladang pertanian suatu ranah subur yang memanfaatkan tenaga suria dan angin, juga sebagai strategi untuk pemeraksanaan setempat.

Untuk mengelakkan keciciran, masyarakat luar bandar juga akan didorong untuk terlibat dalam rangkaian dan penggunaan teknologi digital yang kian meluas serta amalan mampan yang lain, digabungkan dengan kaedah dan kebijaksanaan tradisi, agar dapat memberikan akses yang sama kepada masyarakat luar bandar dan lebih penguasaan ke atas kerja mereka, tanpa melunturkan atau mengancam adat kampung dan kebudayaan.

Usaha besar akan digerakkan untuk menggalakkan masyarakat luar bandar terlibat dalam memperoleh ilmu buat mendepani perubahan serta mendapatkan kemahiran dan latihan yang diperlukan untuk masa hadapan. Maka, kita harus membiayai projek-projek luar bandar yang bertujuan untuk membekalkan panel suria ke rumah-rumah, menawarkan subsidi untuk pemasangan kipas pengumpulan tenaga angin serta membiayai usaha pembersihan saluran air dan langkah-langkah yang diambil untuk mengitar semula sisa.

Bagi memastikan kemampunan kawasan luar bandar, akses yang seluasnya kepada pendidikan serta pembukaan pusat-pusat baharu yang tumpu mengkaji keperluan pertanian dan luar bandar, serta berperanan sebagai ruang kreatif dan berdaya cipta untuk kegunaan masyarakat luar bandar, akan diusahakan.

Kerumitan

Untuk memastikan keberhasilan dasar kita dalam menjadikan Malaysia sebuah negara yang mampan, faktor kerumitan haruslah diambil kira. Kita harus melakukan segala yang termampu untuk mengelakkan daripada menggunakan pendekatan yang dangkal atau terlampau sulit dalam menangani isu. Justeru adalah penting untuk dibangunkan sebilangan dasar yang saling melengkapi sesuai dengan kepelbagaian yang ada, serta untuk mengimbangi isu yang kecil dan besar dalam soal kemampunan.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Selain itu harus juga dibina jaringan kemampunan bagi memudahkan individu, masyarakat, institusi dan kerajaan untuk bertukar pandangan secara bebas serta bekerjasama untuk menjayakan agenda kemampunan. Memandangkan isu yang kita hadapi kian menjadi rumit, kita juga harus membangunkan pendekatan yang juga tidak kurang rumitnya, yang turut mengambil kira jangkaan, pihak dan pandangan yang berbeza sebagai cerminan kemajmukan budaya dan kerumitan Malaysia.

Ruang awam juga harus diperkasa agar perbincangan mengenai konsep-konsep yang saling bercanggah seperti global dan tempatan, tradisi dan perubahan, *musyawarah* dan ketentuan individu serta risiko dan kebolehlaksanaan boleh berlaku. Mengambil kira perubahan besar yang harus dilakukan untuk mewujudkan Malaysia yang mampan, kita perlu mewujudkan sistem ekonomi dan percukaian yang kompleks namun seimbang untuk mewujudkan ekonomi yang mampan, dengan mengambil kira kos dan manfaat.

Adapun di peringkat masyarakat, kerumitan yang wujud atas dasar kemajmukan agama dan kaum, bandar dan luar bandar, peringkat usia, jantina dan lain-lain menjadi pertimbangan kita untuk membangunkan kefahaman yang lebih baik serta membina jambatan yang menghubungkan kita. Barang harus diingat agar kesedaran mengenai dasar kemampunan mesti dikekalkan dan berterusan sementara perpecahan dalam kalangan rakyat, institusi dan kerajaan mesti dielakkan.

Percanggahan

Kerangka dasar yang baharu ini akan menzahirkan semula pelbagai percanggahan yang sekian lama telah terpendam dan hampir dilupakan. Justeru harus kita mulakan dengan mengakui akan wujudnya percanggahan secara meluas, yang turut termaktub dalam faham kemampunan yang lama dan baharu. Dari situ kita membangunkan strategi serta membuat jangkaan untuk mengatasi percanggahan yang terbit daripada unsur politik, kepentingan peribadi, syarikat besar dan konglomerat, serta segala usaha lain yang boleh menjejaskan agenda kemampunan negara.

Peraturan sedia ada yang mampu memastikan adanya komunikasi berkesan antara dasar-dasar yang dibuat, menangani ketegangan

dan pertembungan, serta menyelesaikan konflik kepentingan akan membantu dalam mengurangkan percanggahan yang berleluasa dalam struktur kita. Sebagai langkah melindungi agenda perubahan kita daripada gangguan percanggahan, kita haruslah memupuk kerjasama merentasi semua kelompok untuk meningkatkan daya tahan bersandarkan kemajmukan.

Justeru kita harus merangkul kekuatan pihak berbeda – daripada masyarakat bandar dan luar bandar, perusahaan, pekerja, penghijrah, pembiaya, institusi sosial, penyelidik, dan guru – bersama-sama untuk menghasilkan kebarangkalian yang lebih tinggi dalam melahirkan hasil yang produktif dengan cara mengiktiraf kepakaran dan serta pengalaman mereka dalam sebuah polilog yang lebih besar.

Kekacauan

Dasar kita tidak akan ke mana-mana sekiranya tiada perhatian diberikan untuk memahami kekacauan dalam dunia semasa. Ini bermula dengan pemantauan terhadap kekacauan yang berpotensi untuk menjejaskan kemampunan dalam semua bentuknya yang rumit.

Untuk pergi lebih jauh, kita harus mengkaji fenomena yang boleh membawa kepada keruntuhan ekologi di Malaysia. Hal ini mustahak, dan kita harus berterusan menilai prestasi ekonomi yang rumit serta peristiwa-peristiwa dalam sebuah ekonomi yang mampan untuk mengelakkan peristiwa kacau yang mampu melumpuhkan negara.

Begitu juga kita harus menilai dampak domestik dan global perubahan iklim terhadap negara, termasuklah menilai kesan kenaikan paras air laut dan kemasinannya di rantau ini. Dalam pemantauan ini, kita akan memastikan keselamatan serta kepentingan negara dan setiap individu terpelihara.

Pantauan terhadap media sosial akan dilakukan agar corak perilaku kacau dapat difahami, sekaligus mengqadimkan perkara yang tidak diinginkan. Selain itu, banyak jalan penyelesaian yang mampu diikhtiarkan untuk menyelesaikan isu waktu bekerja yang begitu panjang, waktu persekolahan serta aktiviti yang berkaitan untuk mengurangkan kesesakan serta menjimatkan masa dan tenaga.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Pembangunan pasti akan mengakibatkan kesan sampingan yang tidak diinginkan di luar perbatasannya. Justeru harus dibendung tempas kekacauan yang mengganggu alam semula jadi dengan cara mempertingkatkan perlindungan untuk spesies terancam.

Kita juga harus membangunkan perundangan dan konvensyen kehakiman untuk menangani dampak bencana alam sekitar, terutamanya yang diakibatkan oleh tindakan manusia, ke atas individu atau korporat. Pembelaan hak yang kompleks, serta perjanjian terkait alam sekitar sama ada yang ditandatangani dalam negara atau di luar juga harus diketengahkan.

Keserentakan

Segala dasar yang telah digariskan bukan semata memerlukan perancangan yang rapi, tetapi juga tindakan yang serentak antara rukun dengan sasaran yang berbeda, dan juga pada sesama rukun itu sendiri. Persediaan yang kita perlukan untuk bertindak serentak harus mengambil kira ketekalan dalam pembuatan keputusan oleh kementerian dan institusi yang berbeda. Sayugia kita pastikan bahawa isu-isu terkait soal kemampanan dijawab di semua peringkat. Misalannya, menangani isu perubahan iklim di peringkat domestik dan antarabangsa, perubahan fiskal dan perundangan di peringkat kebangsaan, penggunaan tanah di peringkat luar bandar, isu penempatan dan pembangunan di peringkat bandar dan sebagainya.

Undang-undang menjadi alat penting bagi memastikan adanya komunikasi berkesan antara dasar luar bandar dan bandar, menangani ketegangan dan pertembungan, serta menyelesaikan konflik kepentingan. Mengendalikan tugas ini secara serentak tentunya tidak terlepas daripada amalan, tatacara, undang-undang dan tatacara pengendalian piawai yang menegaskan pentingnya untuk belajar daripada kesilapan lalu, lantas bersedia untuk mewujudkan kestabilan dan keberlangsungan tatkala menghadapi kemelut.

Kejayaannya bergantung kepada komunikasi yang berkesan oleh majlis tempatan, kempen perkhidmatan awam, institusi, media arus perdana, media sosial, kerajaan dan semua pihak lain dalam menyalurkan maklumat yang jelas serta menggalakkan polilog mengenai kemampanan Malaysia.

Masa Hadapan dan Perubahan

Masa hadapan yang terhijab dari balik tirai waktu memaksa kita untuk bekerja dalam keadaan yang serba berubah, membuat jangkaan serta memantau kebarangkalian berlakunya kemelut ekonomi dan alam sekitar. Perkiraan kita akan diperteguh dengan cara mengkaji corak dan isu semasa yang berpotensi menjejaskan kemampuan negara, masyarakat, keluarga dan individu. Kita juga perlu lebih cerdik dengan membuat jangkaan dampak di peringkat kedua dan ketiga (yang tidak disengajakan) hasil daripada dasar, tindakan dan tingkah laku semasa.

Secara amnya, kebolehsesuaian dalam penerapan dasar perlu menjadi budaya agar sebarang bentuk penilaian undang-undang boleh dilakukan secara berterusan dan pembetulan segera dilakukan. Waspada harus sentiasa ada terhadap dasar-dasar semasa yang memberi dampak kepada kehidupan rakyat hari ini atau masa hadapan, terutama saat teknologi baharu dan perkembangan sosial mampu menatijahkan gangguan terhadap persekitaran ekonomi, fizikal, kemasyarakatan dan kebudayaan, lantas menggagalkan dasar-dasar yang mampan.

Kita juga harus peka terhadap isu-isu penting yang telah dilepas pandang, yang berpotensi memberi dampak besar pada masa hadapan, serta mengqadimkan peristiwa-peristiwa kacau pada masa hadapan. Akhirnya, kita juga memerlukan beberapa tokoh daripada berbagai sektor untuk bantu membangunkan senario masa hadapan untuk Malaysia yang lebih mampan.

Keunikan yang dimiliki oleh negara kita dan tidak dimiliki oleh negara lain harus dijadikan asas untuk mereformasi dasar hubungan dagang dan antarabangsa, dengan kesedaran untuk berwaspada terhadap dasar perlindungan, pengasingan dan nasionalisme melampau. Pencerahan perlu digerakkan untuk terus memperluas lagi kecelikan terhadap masa hadapan dalam kalangan rakyat Malaysia agar masa hadapan kita tidak ditentukan oleh orang lain.

Pemantauan

Untuk memantau perkembangan dan kejayaan dasar-dasar kemampuan yang kita usulkan, kerajaan haruslah mewujudkan proses pemantauan

MEMBANGUN NEGARA MADANI

yang berkesan, yang memungkinkan penilaian berterusan dan kebolehsesuaian terhadap keadaan dan keperluan yang berubah-ubah.

Ini justeru perlu dibangunkan sebuah sistem bagi memantau pelaksanaan dasar-dasar yang mampan, memantau perkembangan di setiap peringkat, menerima maklum balas serta mempengaruhi perubahan yang sesuai apabila diperlukan. Untuk memperkukuh mekanisme pemantauan ini, kita harus mengenal pasti dan mengurus interaksi antara sektor yang penting seperti ekonomi, perundangan, institusi, sosial, budaya, bandar dan luar bandar. Mutu dasar ditentukan melalui penilaian kedudukan Malaysia dalam penarafan dan piawaian antarabangsa, tanpa mengabaikan perjanjian sedia ada dalam mencapai piawai kemampanan global yang lebih tinggi.

Pemantauan yang berkesan membolehkan kita untuk meneliti semula dasar-dasar yang terkesan dengan isu semasa dan agar sentiasa peka dengan potensi berlakunya kekacauan. Saluran komunikasi yang berkesan juga dan diterima kerajaan juga harus dibangunkan agar maklumat di bawah sampai kepada mereka, pada masa yang sama menjamin ketelusan kepada rakyat agar dasar-dasar kemampanan boleh terus berlangsung.

Institusi Pemberdayaan

Pemberdayaan bermula dengan kerajaan, segala infrastruktur kerajaan semasa akan dikaji semula agar selaras dengan hasrat kemampanan negara. Kelewahan akan dikurangkan sementara struktur kementerian dan jabatan kerajaan akan diperkemas agar lebih cekap dan tidak membazirkan wang rakyat yang membayar cukai.

Walhasil kabinet yang akan dibentuk lebih kecil bilangannya daripada yang sedia ada, justeru dapat mengoptimumkan keupayaannya untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan. Melalui proses ini, kementerian yang berkaitan akan digabung untuk mewujudkan satu Kementerian Masa Hadapan atau Kementerian demi Masa Hadapan yang Mampan.

Dalam proses penstrukturan ini, seorang menteri yang bertugas mendepani perubahan iklim akan menyelia usaha mempercepat kabinet kerajaan sehingga misi asas untuk memastikan kesemua kementerian melaksanakan agenda masing-masing dalam kerangka kemampanan tercapai, sehinggalah jawatan tersebut tidak diperlukan lagi.

KEMAMPANAN

Amalan mewujudkan jawatan sebagai suatu sogokan politik demi meraih sokongan akan dinoktahkan serta-merta. Apa jua jawatan, baik kementerian atau agensi kerajaan, haruslah mempunyai matlamat yang jelas, dan sekiranya matlamat itu telah dipenuhi, atau berubah mengikut keadaan semasa, maka jawatan itu akan dimansuhkan untuk memberi ruang kepada tugas baharu yang mendatang.

Pada masa yang sama, suatu jaringan rakyat akan diwujudkan bertujuan untuk mempromosi kemampunan, kesedaran dan celik masa hadapan untuk mempersiapkan mereka menghadapi cabaran hari esok. Kursus dan latihan masa hadapan yang mampan akan digerakkan untuk memulakan polilog, sementara pusat penyelidikan akan ditubuhkan di universiti-universiti untuk menilai dasar ini.

Pertubuhan bukan kerajaan yang bukan sekadar komited kepada agenda kemampunan, bahkan mendidik semua lapisan masyarakat akan diberi dukungan kerajaan. Bermula di bandar-bandar utama, hab kebudayaan dan kemampunan masa hadapan akan ditubuhkan. Di sini, bahan pendidikan seputar perubahan iklim dan kemampunan akan dipamerkan, yang mana menjadi antara elemen penting untuk perubahan budaya yang ingin kita lihat.

Kajian untuk mencari kaedah terbaik buat menjalinkan kerjasama antarabangsa untuk membudayakan kemampunan akan dilakukan, dengan hasrat menjadikan polilog kemampunan Malaysia suatu polilog global. Rakyat Malaysia yang berkunjung ke luar negara juga akan digalakkan untuk mengekalkan amalan mampan semasa di luar.

Pada masa yang sama, ikhtiar sewajarnya akan dilakukan untuk merapatkan jurang kemampunan terutama oleh para pengunjung dari luar negara ke sini. Tentunya cadangan ini semua bersifat permulaan, dan kita harus bersama-sama meneroka dasar-dasar lain bagi menghidupkan visi untuk mewujudkan Malaysia yang lebih mampan.

“Masa hadapan tidak datang dengan sendiri, ia terbit sama ada dari tindakan atau ketidaktindakan kita..”

Ziauddin Sardar, *Future: All That Matters*, halaman 5

M (A) D A N I

kesej**A**hteraan

KESEJAHTERAAN

Takrifan Kebiasaan

Kesejahteraan difahami sebagai suatu kehidupan yang baik, dan sering dikaitkan dengan kedudukan kewangan yang stabil serta rasa selesa dan selamat.

Kesenangan diraih melalui kerja keras, namun bukanlah satu-satunya penyebab kerana ia turut tergantung kepada nasib, yang tentunya dipengaruhi oleh masa, tempat dan budaya.

Takrifan kesejahteraan juga biasa difahami sebagai suatu tahap yang melepasi kebimbangan. Hidup sejahtera bererti hidup tanpa kebimbangan, tiada kerisauan mengenai wang atau keperluan jasmani yang lain.

Takrifan Kami

Kalimat sejahtera sering membawa makna keseimbangan, atau lebih tepat lagi kehidupan dan segala sisinya yang terangkum dalam keseimbangan. Kesejahteraan juga ada hubungan yang bersejarah dengan kalimat bahasa Arab '*al-falah*', yang bermaksud kejayaan dan kebahagiaan yang dirasai hasil daripada pengalaman kerohanian membersihkan jiwa dalam mentaati perintah *Allah Azza Wajalla*.

Mewujudkan kesejahteraan rakyat justeru haruslah mengambil kira sikap yang baik dan mampan. Maka yang dicari tidak semata kesejahteraan duniawi, sebaliknya kesejahteraan yang menyeimbangkan keperluan jasmani dan rohani. Kesejahteraan yang digalakkan ini juga akan bersifat progresif dan merangkumi seluruh rakyat Malaysia, di mana rakyat mampu mengembangkan potensinya dan menaiki satu demi satu anak tangga tanpa perlu mengorbankan pihak lain.

Visi Malaysia yang Sejahtera

Matlamat kita adalah mewujudkan sebuah negara sejahtera melalui pertumbuhan ekonomi yang mampan dan seimbang di satu sisi, kesuburan amalan kerohanian di satu sisi yang lain, justeru memperkasa semua seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira agama, kaum dan latar belakang.

Masyarakat dan Kawasan Sasaran

Visi kesejahteraan negara ini menyasarkan seluruh rakyat Malaysia daripada pelbagai latar belakang tanpa seorang pun yang terkecuali.

Mencorak Dasar

Proses pensejahteraan Malaysia adalah proses berterusan yang memerlukan keterlibatan dan sumbang saran daripada semua lapisan masyarakat. Kesejahteraan merupakan hasil sintesis daripada kemampanan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

Dasar yang ingin digubal haruslah mengambil kira keragaman masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan budaya. Sekiranya berjaya, dasar yang sejahtera ini tidak hanya melonjakkan martabat dan prestasi Malaysia, bahkan berupaya menjadi satu piawai dan contoh kepada masyarakat luar demi kesejahteraan mereka.

Ekonomi dan Kewangan

Kesejahteraan dari sudut ekonomi dan kewangan tidak dicapai dengan cara menabur wang, sebaliknya bermula dengan cara meneliti semula prinsip asas ekonomi kita. Kita memerlukan sistem etika baharu dalam pemikiran ekonomi yang tegas memperjuangkan kesejahteraan rakyat. Menubuhkan kluster ekonomi yang mendukung prinsip-prinsip MADANI demi kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan, bermula dengan Khazanah Nasional Berhad yang akan menjadikan MADANI sebagai teras model tersebut.

Penyelidikan khusus buat memahami Industri 4.0 serta teori-teori ekonomi utama terkait transformasi dan amalan kapitalisme yang baik perlu dilaksanakan, di samping meraikan keberadaan komponen lain

yang sesuai demi mensejahterakan rakyat. Hasil daripada pengetahuan baharu ini akan menjadi sumber dana baharu buat menampas dampak kemelut ekonomi pada masa hadapan, serta menyelesaikan pelbagai kemelut semasa, termasuklah menyeimbangkan kepentingan semua dalam soal penangguhan pinjaman, pembatalan hutang dan subsidi gaji.

Simpanan rakyat dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang telah berkurang atau dihabis guna susulan daripada kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan dijana semula, pada masa yang sama melindungi dana pencen itu sebagai persediaan sekiranya berlaku lagi krisis kewangan pada masa hadapan.

Proses permohonan pinjaman oleh industri kecil dan sederhana serta dana permulaan perniagaan juga akan disegerakan. Untuk menampung kos, sistem cukai akan direformasi agar memberi manfaat kesejahteraan kepada rakyat dan menghentikan pertumbuhan yang tidak terkawal serta kekayaan yang ditumpuk atas penderitaan rakyat, dengan cara menyalurkan hasil cukai untuk tujuan sosial yang akan mengurangkan kesenjangan dan memberi manfaat kepada rakyat. Hukuman denda dan yuran juga akan ditambahbaik agar kutipan daripada pelanggaran undang-undang dapat disalurkan untuk tujuan pendidikan, perlindungan sosial dan kesihatan.

Dasar kesejahteraan yang utama melibatkan pemansuhan kutipan tol untuk golongan B40 (mereka akan diberi 'Pas Tol') sementara kutipan tol untuk golongan M40 dan T20 akan dikawalselia dan dipantau, dengan jaminan ia akan digunakan untuk menyelenggara jalan raya, sementara kita berusaha ke arah pemansuhan tol sebanyak yang mungkin.

Tabung dana untuk jaringan keselamatan sosial akan ditambah bagi menampas dampak bencana alam dan ketidakpastian ekonomi seperti pandemik COVID-19. Langkah konkrit buat membasmi kemiskinan bermula dengan memansuhkan pembayaran semula pinjaman Perbadanan Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk kelompok B40.

Kerjasama bersama kerajaan dan segala inisiatif untuk menyumbang ke arah kesejahteraan rakyat akan digalakkan. Bagi memastikan dasar kesejahteraan yang menjamin pemerataan ekonomi dan kewangan,

MEMBANGUN NEGARA MADANI

hubungan ekonomi yang rancak antara kawasan-kawasan bandar dengan luar bandar harus disemarakkan, yakni dengan cara mendukung pembangunan pasaran teknologi.

Negara kita juga harus bersiap siaga untuk mencapai sasaran menjadi hab logistik serantau, seperti pusat serantau bagi syarikat semisal Amazon atau Alibaba, yang tentunya akan membuka sebuah pasaran baharu pada masa hadapan.

“Sementara kesejahteraan menjadi asas keprihatinan biasa dalam kalangan pakar ekonomi, elemen keterangkuman menuntut: pertamanya, penilaian kita terhadap semua pihak yang menerima dampak, dan bukan sekadar menyatakan secara purata; keduanya, menyertakan dalam faham kesejahteraan yang lebih umum perkara-perkara yang tidak semestinya berpunca daripada wang seperti kesihatan, perubahan iklim dan hak-hak politik.”

Economics for Inclusive Prosperity, Economics for Inclusive Prosperity, halaman 1

Perundangan

Suatu langkah penyeimbangan yang berhati-hati perlu dilakukan bagi mempersiapkan rakyat negara kita menuju kesejahteraan. Pertamanya, harus dicerna semula undang-undang sedia ada bagi memastikan ketekalannya dengan hasrat murni untuk mensejahterakan Malaysia, pada masa yang sama meneroka undang-undang baharu yang diperlukan untuk menghadapi Industri 4.0.

Dalam soal kebajikan hak pekerja, kita telah ketinggalan untuk menggubal undang-undang yang mampu melindungi hak-hak pekerja, terutama dalam menghadapi tantangan yang diakibatkan oleh automasi dan robot. Demi kemaslahatan generasi seterusnya, pertimbangan wajib dibuat untuk menjenayahkan tindakan merosakkan alam sekitar sebagai suatu jenayah terhadap masa hadapan. Untuk itu, badan kehakiman harus terus bebas agar kesejahteraan rakyat dapat dilindungi.

Institusi

Institusi-institusi di Malaysia harus menyemangati maksud sebenar kesejahteraan demi kebaikan dan manfaat kepada rakyat. Selain itu, kerajaan haruslah bersedia untuk belajar dan berubah mengikut perkembangan terbaharu hasil penyelidikan yang berterusan dan berpandukan data raya.

Penubuhan unit masa hadapan dalam Jabatan Perangkaan Malaysia akan membantu dalam memantau perkembangan-perkembangan terbaharu dalam dan luar negara. Keupayaan membuat jangkaan dan bacaan di semua peringkat pentadbiran akan diusahakan agar wewenang selayaknya dapat ditetapkan untuk memastikan dasar kesejahteraan negara dilaksanakan dan diubah mengikut tuntutan semasa.

Kita juga harus memastikan sisi keragaman di Malaysia diterjemahkan ke dalam pelbagai institusi ekonomi dan perniagaan. Antara langkah besar adalah dengan menubuhkan satu badan yang akan memberi tumpuan dalam menggalakkan syarikat korporat untuk menggerakkan kerja-kerja kebajikan. Kita juga akan memperkenalkan Indeks Kesejahteraan khusus untuk Malaysia serta senarai garis panduan bagi menyesuaikan semula institusi-institusi yang mempunyai infrastruktur dan keupayaan dalam memupuk kesejahteraan di Malaysia.

Pendidikan

Sistem pendidikan harus direformasi untuk membentuk fikrah yang ingin mencapai kesejahteraan hakiki dalam kalangan pelajar dan mahasiswa, dan tidak terhad sebatas pengejaran kekayaan dan kebendaan semata. Ia harus bermula dengan pengenalan kepada kurikulum dan amali di peringkat rendah dan menengah yang mendukung pendekatan dan kerangka MADANI. Kurikulum terbaharu ini haruslah disokong dengan piawai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang terbaik di seluruh sektor dan lapangan pendidikan, dengan infrastruktur yang cukup dan sesuai serta guru-guru yang benar terlatih.

Para guru dan tenaga pengajar harus merangka satu pelan dan pendekatan baharu yang melibatkan tahap kesejahteraan individu

MEMBANGUN NEGARA MADANI

di semua peringkat di dalam sistem pendidikan kita. Penilaian Mutu menjadi sangat penting terutamanya bagi memantau prestasi penerapan kerangka MADANI di semua institusi pengajian tinggi.

Universiti-universiti kita harus diasuh dan diberi dukungan untuk membidani kemunculan sarjana yang memberi tumpuan dan penekanan terhadap teknologi-teknologi baharu serta mampu mendepani keperluan semasa. Bagi mencapai hasrat ini, perlu ada dorongan dan dukungan kepada institusi pengajian tinggi dalam mewujudkan bidang-bidang pengajian baharu, termasuk bidang ekonomi dan kesejahteraan. Bidang ini penting terutamanya dalam membantu negara mengemudi ekonominya pada saat-saat yang genting, dan langkah ini semestinya akan melindungi sistem pendidikan tinggi negara.

Tindakan harus diambil untuk mengurangkan gejala penghijrahan golongan intelektual (*brain drain*) di samping berusaha untuk membawa pulang golongan profesional kita dari luar negara. Demi masa hadapan pelajar yang lebih terjamin, kursus dan lapangan terkait STEM akan dilaksanakan di peringkat sekolah menengah dan IPT. Kendatipun begitu, kerajaan dan kementerian pendidikan harus mula memikirkan semula sistem pendidikan Malaysia dari kaca mata MADANI yang menjurus kepada kesejahteraan, dan bagaimana ia mampu bermula seawal peringkat sekolah rendah.

Kemasyarakatan

Untuk melonjakkan tahap kesejahteraan masyarakat Malaysia, kita harus merencana dan merangkul kekuatan masyarakat madani, media sosial dan arus perdana bagi menggalakkan wacana mengenai kesejahteraan Malaysia. Kesejahteraan masyarakat berkait rapat dengan akses kepada kesihatan. Justeru bagi mencapai hasrat ini, kita akan memperkenalkan sistem bantuan kesihatan kebangsaan yang baharu, atau skim insurans kesihatan yang berpatutan.

Dalam upaya membangun dasar kesejahteraan, kita harus memansuhkan segala perbezaan sosial. Perspektif generasi yang berbeda dalam menggerakkan projek-projek sosial dan ekonomi harus dirangkul bersama, dan harus membina persefahaman serta penerokaan melalui wacana yang terbuka darihal makna kesejahteraan

atau kemakmuran kepada Malaysia yang rencam budaya dan fahaman. Antara Reformasi penting yang ingin dicapai oleh MADANI adalah membingkai semula makna keadilan di Malaysia agar beranjak daripada hukuman semata kepada kesejahteraan buat semua.

Kebudayaan

Kita harus berusaha memupuk kesejahteraan sebagai elemen yang mengikat seluruh masyarakat majmuk di negara kita. Bagi memelihara keseimbangan idea kebudayaan di Malaysia, kita harus mencambah wacana antara generasi mengenai makna kesejahteraan di Malaysia pada masa lalu, serta bagaimana ia boleh diubah dan disesuaikan untuk masa hadapan.

Kerajaan dan rakyat harus berganding bahu dalam memungkinkan perubahan budaya kerja dan nilai ke arah menjamin takrifan baharu terhadap kesejahteraan. MADANI harus diangkat sebagai model dan teras kepada kesejahteraan yang menyanggahi budaya dan gejala rasuah yang telah sekian lama merobek nilai dan budaya masyarakat kita. Bagi memastikan kelangsungan budaya ini, dialog antara budaya harus dipupuk dengan menjadikan nilai yang dikongsi bersama sebagai asas kesejahteraan, serta meneroka kekuatan dan kelemahan pemikiran lama tentang kesejahteraan dari pelbagai sudut dan sisi kemajmukan di Malaysia.

Bandar

Pusat-pusat bandar akan menjadi titik tumpuan dalam memupuk idea-idea baharu terkait kesejahteraan di Malaysia. Sebagai langkah permulaan, penubuhan pusat-pusat latihan yang memberi fokus kepada teknologi baharu akan ditubuhkan. Merangkul keterlibatan anak muda dalam mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan mereka merupakan elemen yang sangat penting untuk mensejahterakan bandar.

Sikap gopoh mesti dielak, dan sebaliknya harus bersedia untuk lebih mendengar dan memerhati agar kita dapat mengenal pasti bagaimana rakyat yang hidup di bandar dapat mengecapi kesejahteraan yang didambakan. Keutamaan dalam dasar yang sejahtera adalah memupuk

MEMBANGUN NEGARA MADANI

sikap dan kegiatan kedermawanan yang akan menggunakan serta menambah baik kawasan terbiar di bandar sebagai pelantar buat berkongsi kemakmuran dengan semua lapisan masyarakat

Luar Bandar

Kendatipun kawasan bandar sering dianggap sebagai tempat untuk mengecapi taraf kehidupan yang lebih baik, tanggapan ini harus diperbetul dan sayugia kita memastikan bahawa masyarakat di desa dan di pedalaman mendapat akses dan manfaat yang setanding, selari dengan takrifan kesejahteraan kita yang lebih terangkum. Kita harus mulakan dengan menyediakan dukungan serta insentif kepada petani dan peladang untuk berganjak kepada tanaman yang berproduktiviti tinggi. Jumlah subsidi pertanian akan dinilai semula dengan perhatian khusus terhadap harga baja yang kian melonjak.

Dalam proses ini, suatu amalan berorientasikan masa hadapan akan dibangunkan untuk berdepan dengan pasang surut harga, angkubah pasaran luar dan inflasi, melangkaui pendekatan jangka masa pendek sebelum ini yang telah mengakibatkan pelbagai kemelut di rantau Asia. Dasar yang penting dalam memastikan kesejahteraan di kawasan-kawasan desa adalah dengan memansuhkan hutang peneroka-peneroka FELDA.

Seusai itu, para peneroka akan diberi pendedahan kepada kaedah Pertanian 4.0. Mereka akan mengenal pasti dan menggunakan teknik-teknik baharu bagi meningkatkan tahap produktiviti sektor pertanian. Kita harus bersama-sama masyarakat desa membangunkan kerangka peralihan masa hadapan MADANI demi memimpin kemajuan untuk Malaysia.

Kerumitan

Jika kita berhasil mensejahterakan Malaysia, tentunya negara akan bersama-sama dengan rakyat untuk menghadapi zaman pasca normal yang serba rumit. Kesemua usaha kita untuk merubah ekonomi sedia ada kepada sebuah ekonomi yang lebih mampan, terangkum dan bersifat ihsan terhadap semua pastinya akan disusuli dengan kerumitan.

Dasar buat menjamin kesejahteraan rakyat haruslah menerapkan kefahaman mengenai kerumitan ini melalui pendidikan serta galakan pemikiran yang rumit, serta mengelakkan analisis yang dangkal dan gopoh terhadap sesuatu perkara.

“Kapitalisme Pengawasan (*Surveillance Capitalism*):
1. Tatanan ekonomi baharu yang mendakwa pengalaman manusia merupakan bahan mentah percuma untuk pengekstrakan, pengeluaran dan jualan oleh amalan komersial yang tersembunyi; 2. Suatu logik ekonomi parasit di mana pengeluaran barangan dan perkhidmatan adalah tertakluk kepada reka bentuk global yang baharu untuk pengubahsuaian tingkah laku; 3. Mutasi kapitalisme terkutuk yang ditandakan dengan penumpukan kekayaan, pengetahuan, dan kuasa secara besar-besaran yang belum pernah terjadi sebelumnya dalam sejarah manusia”

Shoshana Zuboff, *The Age of Surveillance Capitalism*

Percanggahan

Tatkala kita membedakan takrifan baharu kesejahteraan dengan takrifan kebiasaan, pastinya mengundang percanggahan. Strategi harus dibangunkan untuk mengekang penumpukan harta secara tidak terkawal sebagai usaha meratakan kesejahteraan untuk setiap rakyat Malaysia, yang juga akan mengundang percanggahan dan penentangan. Waima demikian keadilan harus dicapai, dan agenda kesejahteraan rakyat ini mesti dilaksanakan tanpa dolak-dalih.

Justeru kita harus bersedia untuk menghadapi pelbagai percanggahan yang cuba menghambat kemajuan dasar kesejahteraan ini. Secara amnya, keseluruhan kerangka dasar MADANI ini harus dilaksanakan dengan kesedaran bahawa serangan yang menyanggah dasar-dasar kesejahteraan ini pasti ada. Maka ketimbang sekadar mengabaikan atau mengelakkan percanggahan, kita sebaliknya harus menghadapinya dengan penuh yakin serta mengatasi masalah yang diakibatkan olehnya.

Kekacauan

Dalam proses Reformasi negara, kesejahteraan rakyat boleh terganggu dek kekacauan. Justeru kita perlukan cara baharu untuk menanggapinya agar dapat dikurangkan dampaknya kepada negara. Kita harus sedia mengqadimkan perilaku kekacauan dalam pasaran serta membangunkan mekanisme untuk menangani ketidaktentuan seperti kejatuhan pasaran hartanah, melonjaknya hutang pinjaman pelajar dan hutang-hutang lain dalam waktu terdekat, sekiranya malapetaka ini sudah hampir tidak mungkin untuk dielakkan.

Adapun kekacauan di luar sempadan Malaysia, kita harus mempersiapkan Malaysia untuk sebarang dampak daripada perang dagang dan sekatan antara Amerika Syarikat dengan China, dan antara rejim pro-Rusia dan pro-Barat, serta segala percaturan politik dalam kalangan penguasa di negara majoriti Islam. Tuntasnya, kita harus menekuni fenomena kekacauan di Malaysia serta hubung kaitnya dengan ekonomi, perubahan iklim, politik dan pembinaan negara.

Keserentakan

Peristiwa-peristiwa di dunia pada hari ini berlaku dengan begitu pantas, dan bagi melindungi kesejahteraan di Malaysia, kita harus berupaya untuk menangani peristiwa yang berlaku secara serentak. Kesiapsiagaan kita dirumuskan dengan memperhalusi isu-isu penting terkait kesejahteraan negara di setiap peringkat. Misalannya, isu perubahan iklim di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, isu perubahan fiskal dan perundangan di peringkat tempatan, isu penggunaan tanah di peringkat luar bandar, dan isu penempatan serta pembangunan di peringkat bandar.

Masa Hadapan dan Perubahan

Kesejahteraan merupakan konsep yang berpaksikan masa hadapan, dan ia harus menjadi nadi dalam usaha sama yang murni antara kerajaan dan rakyat. Kita harus memupuk kesedaran dan kecelikan mengenai masa hadapan agar rakyat terus waspada terhadap bahana kapitalisme yang hidup subur dalam jurang antara kumpulan yang miskin dengan

kumpulan yang kaya yang kian melebar, malah model tersebut telah dikritik keras oleh cendekiawan ekonomi dari pelbagai sudut.

Dengan kecelikan terhadap masa hadapan, kita juga akan mampu untuk mengkaji corak perkembangan dan isu-isu baharu terkait ekonomi global yang timbul, serta memantau kemunculan teori dan idea ekonomi yang baharu. Dalam pemikiran baharu kita yang memanfaatkan ilmu masa hadapan ini, suatu jangkaan strategik boleh dihasilkan sebagai perancangan kesejahteraan untuk jangka panjang. Dasar kesejahteraan rakyat yang dibangunkan juga harus bersedia untuk berubah agar takrifan kesejahteraan Malaysia mampu mengalami pengembangan makna sesuai dengan peredaran zaman.

Pemantauan

Pemantauan keberhasilan dasar kesejahteraan bermula dengan membangunkan penunjuk aras yang baharu untuk mengukur kesejahteraan secara holistik. Kaedah yang lebih tepat dan sofistikated akan digunakan untuk melacak perkembangan kesamarataan di seluruh negara.

Menyedari hakikat bahawa kesejahteraan, seperti juga rukun MADANI yang lain, tidak mempunyai satu penyelesaian yang seragam untuk kesemua lapisan masyarakat, kita harus mencerakinkan tahap kesejahteraan yang berbeda sesuai dengan kerencaman masyarakat Malaysia yang berbagai kaum dan agama untuk menjamin kesejahteraan dan kesaksamaan buat seluruh rakyat Malaysia.

Kreativiti dan daya cipta kita harus dimanfaatkan untuk meneroka hasil gabungan antara penanda aras kesejahteraan yang dibangunkan secara tempatan dan yang dibangunkan oleh pihak luar, serta terbuka untuk diaudit oleh badan bebas dan agensi luar asing terhadap prestasi Malaysia. Yang lebih penting lagi kita harus memastikan komunikasi yang berkesan antara rakyat dan penggubal dasar agar dasar kesejahteraan itu dapat dirasai rakyat dan berubah mengikut keperluan semasa.

M A (D) A N I

Daya cipta

DAYA CIPTA

Takrifan Kebiasaan

Daya cipta atau inovasi seringkali ditakrifkan sebagai idea baharu, produk baharu atau proses baharu yang merubah sesuatu perkara menjadi lebih cekap, serta mencungkil potensinya yang sebelum ini belum pernah diterokai. Daya cipta bukan sekadar perubahan dangkal, ia harus memberikan suatu nilai tambah yang signifikan kepada sesebuah sistem. Mutakhir ini, daya cipta sering dilihat saling tidak terpisah dengan teknologi baharu atau evolusi digital.

Takrifan Kami

Kalimat daya cipta mengandungi beberapa konotasi, antaranya pembaharuan, reka cipta dan reka baharu. Rekaan itu sendiri merupakan teras utama daya cipta. Perbuatan mereka sesuatu boleh difahami sebagai tindakan mengubah secara kreatif.

Rekaan mengandaikan dua konsep penting: Pertamanya, ia diniatkan dan proses untuk mencapainya telah dirancang. Keduanya, daya cipta tidak akan menghasilkan sesuatu apa pun tanpa kreativiti. Justeru kreativiti menjadi tunjang yang sangat penting. Sebagai salah satu rukun MADANI, daya cipta akan mewujudkan proses perubahan yang berterusan, yang mendapak dan memperkasa kreativiti rakyatnya.

Negara yang berdaya cipta akan menyediakan persekitaran dan infrastruktur yang mampu merangsang kreativiti dan menggalakkan penghasilan sistem, produk, idea dan proses yang lebih maju. Harus juga ada suatu renungan untuk memikirkan apa yang kini tersaji di hadapan kita serta bagaimana ia boleh ditambah baik.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Rukun lain seperti kemampunan dan kesejahteraan mampu menghidupkan budaya daya cipta lantas mengembangkan potensi dinamik yang dimiliki oleh rakyat Malaysia buat membentuk masa hadapan yang lebih baik.

Visi Malaysia yang Berdaya Cipta

Matlamat kita adalah untuk membudayakan daya cipta dalam kalangan masyarakat dan merubah kecenderungan bangsa ini daripada semata pengguna kepada penyumbang yang aktif mencorak revolusi digital dan teknologi yang merubah dunia.

“ Pemimpin mudah terasuh dengan suatu pemikiran yang terkurung, yakni apabila seseorang itu tidak lagi dapat berfikir secara baharu kerana dihalangi oleh pengalaman, latihan dan kejayaan lalu – suatu tindak balas terlatih. ”

David J Snowden dan Mary E Boone, *A Leader's Framework for Decision Making*, halaman 2

Masyarakat dan Kawasan Sasaran

Dasar yang diperlukan untuk merubah Malaysia menjadi sebuah negara yang berdaya cipta harus bermula dengan membina ekosistem yang mampu memupuk proses kreatif. Sasaran terawal adalah institusi-institusi pendidikan, yang harus diberdayakan dengan kurikulum, teknologi dan infrastruktur moden. Perhatian khusus juga harus diberikan kepada anak muda di bandar dan luar bandar, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman.

Dasar ini juga perlu menyasarkan para usahawan dari pelbagai latar belakang dan tempat tinggal, syarikat-syarikat pemula (*start-ups*), perbadanan, jurutera awam serta kementerian yang berkaitan. Sasaran ini juga secara semula jadinya akan berkembang untuk merangkumi lebih ramai sektor seiring kemajuan kita ke arah membina Malaysia yang berdaya cipta.

Mencorak Dasar

Dasar yang bermatlamat merubah Malaysia menjadi sebuah negara yang berdaya cipta akan dilaksanakan secara seiringan dengan rukun MADANI yang lain, memanfaatkan kreativiti setiap rakyat. Membudayakan daya cipta memerlukan usaha yang tersusun daripada pelbagai institusi, masyarakat, dan individu dalam semua sektor dari pelbagai latar belakang. Penekanan harus diberikan kepada daya cipta praktikal yang benar-benar baharu.

Ekonomi dan Kewangan

Antara penghalang utama kepada upaya daya cipta adalah kerapuhan sokongan ekonomi dan kewangan. Justeru kita harus membangunkan agenda ekonomi dan kewangan baharu yang berteraskan daya cipta. Agar kestabilan ekonomi terus terjamin dalam menghadapi cabaran, suatu sistem percukaian baharu yang memberi ganjaran kepada kreativiti dan daya cipta harus dilaksanakan.

Sistem ini tentunya akan mewaspadai penyalahgunaan amalan daya cipta. Proses ini diperkukuh melalui pemansuhan konsesi cukai dan insentif yang memungkinkan pengejaran keuntungan secara tidak terkawal dan tiada kepedulian terhadap nasib rakyat. Pemeraksanaan keusahawanan di Malaysia harus dilakukan dengan memberi galakan kepada usaha pendayaciptaan perbankan dan kewangan, terutamanya kewangan mikro, melalui struktur perbankan mudah alih dan berasaskan aplikasi.

Prinsip-prinsip seperti keadilan dan ketelusan dalam kewangan Islam juga harus diberi galakan menerusi pembaharuan yang berdaya cipta. Kerajaan juga harus menyediakan pembiayaan, geran, dan biasiswa untuk membangunkan pendekatan yang inovatif terhadap amalan ekonomi dan perniagaan di samping menetapkan sasaran dan matlamat untuk mereka.

Kerajaan akan menerajui usaha menjadikan Malaysia lebih berdaya cipta dengan cara menggabungkan elemen itu ke dalam strategi pemerolehan, pembangunan semula dan projek. Usaha dan kerjasama yang berkesan perlu dilakukan untuk membangunkan dan membiayai program yang menghubungkan, memperkasa serta memberi peluang

MEMBANGUN NEGARA MADANI

kepada prakarsa, masyarakat dan perusahaan, terutamanya yang disasarkan untuk anak muda, yang direka untuk membangkitkan kreativiti dan daya cipta.

Kita juga harus menubuhkan dana yang bertujuan untuk menyediakan insurans dan keselamatan bagi menangani risiko yang wujud dalam segala kegiatan daya cipta, serta untuk kegunaan diperlukan lain seperti mempromosikan idea-idea baharu, daya cipta sosial dan kerjaya baharu.

“ Dalam sebuah masyarakat yang kami istilahkan sebagai “masyarakat industri berasaskan cetak,” pekerjaan menjadi tempat penting untuk perkongsian kepakaran. Ia menjadi saluran utama untuk individu dan persatuan memperoleh akses kepada pengetahuan dan pengalaman tertentu. Namun, dalam “masyarakat internet berasaskan teknologi,” kami meramalkan bahawa mesin-mesin yang berkebolehan untuk beroperasi dengan sendiri atau dengan kendalian yang tidak semestinya pakar, akan mampu melaksanakan banyak tugas yang selama ini diuruskan oleh manusia. Kami menjangkakan akan ada “perubahan tambahan” dalam cara kami menghasilkan dan mengagihkan kepakaran dalam masyarakat. Ini akhirnya akan membawa kepada keruntuhan pekerjaan tradisional ”

Richard Susskind dan Daniel Susskind, *The Future of Professions*, halaman 2.

Perundangan

Daya cipta harus menjadi sebahagian daripada sistem perundangan terkini dan diterima sebagai rukun untuk membentuk tatanan dan undang-undang pada masa hadapan. Sebagai permulaan, elemen daya cipta haruslah disertakan ke dalam undang-undang semasa, dan memindanya jika ia menghalang kreativiti dan daya cipta. Semakan semula perundangan juga harus dilakukan untuk mengurangkan pengulangan serta mengemas kini perjalanan proses penggubalan dan pelaksanaan undang-undang.

Sepanjang proses ini juga kita harus meneroka undang-undang yang mampu menyediakan jaringan keselamatan untuk risiko yang diambil atas nama negara yang berdaya cipta. Termasuk yang

dipertimbangkan adalah undang-undang hak cipta dan perlindungan produk-produk yang berdaya cipta, mengambil kira kemunculan automasi, sistem robot berautonomi (e-Dagang dan logistik, kenderaan pandu sendiri dan semisalnya), robot perkhidmatan dan keberadaan kecerdasan buatan dalam masyarakat.

Di samping pendekatan berdaya cipta terkait dengan kemajuan teknologi yang ditekankan, kita juga harus menggunakan pendekatan sama untuk menangani kemelut yang telah dihadapi sejak sekian lama, antaranya soal kebebasan kehakiman dan pembaharuan sistem keadilan di Malaysia.

Institusi

Institusi di Malaysia sememangnya mampu, dan harus menjadi teladan buat penerapan daya cipta yang berpiawai kepada rakyat. Langkah mewujudkan jaringan inkubator dan hab teknologi di seluruh negara akan memangkin perusahaan digital serta rangkaian kerjasama seni dan kraf. Kita juga harus mewujudkan pelbagai pusat dan prakarsa daya cipta untuk digerakkan oleh anak-anak muda.

Sebuah badan separa kerajaan akan ditubuhkan untuk mendukung dan mendanai syarikat-syarikat pemula dengan harapan melahirkan lebih banyak syarikat unikorn di Malaysia. Di samping menerapkan daya cipta yang positif ke dalam institusi kita, birokrasi kerajaan dan perkhidmatan awam juga turut diberi perhatian menerusi galakan pemikiran yang berinovatif.

Akhir sekali, untuk memelihara keberlangsungan semangat inovatif dalam institusi Malaysia, kita harus mewujudkan peraturan dan pengawasan untuk membantu peralihan ini agar negara dapat dipimpin menuju masa hadapan yang baharu.

Pendidikan

Daya cipta merupakan kunci kepada penyelesaian masalah ekosistem pendidikan Malaysia yang ketinggalan dan usang. Harus ada keupayaan untuk memperbaharuinya dengan cara menyingkirkan dogma-dogma lapuk, digantikan dengan dasar yang lebih semasa seperti program celik komputer dan pengekodan di peringkat sekolah rendah dan menengah.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Selain itu, memperkenalkan program bersama kelab kod selepas waktu persekolahan serta menggalakkan kerjasama antara sains komputer dengan seni liberal dan kreatif. Kita juga harus meneroka pendekatan yang lebih inovatif di peringkat pengajian tinggi berdasarkan perspektif pelbagai, antara dan rentas bidang, yang menggalakkan pemikiran kritis, celik masa hadapan dan kemampanan, yang turut dikupas secara panjang lebar dalam tradisi Islam. Suatu ijazah antara bidang dengan tumpuan khusus kepada daya cipta juga akan diperkenalkan. Adapun di luar universiti, kolej-kolej teknologi akan dibangunkan, terutama di kawasan luar bandar, yang akan menyediakan kursus vokasional bersama program perintis.

Melalui penubuhan pusat penyelidikan yang menumpukan pada bidang tertentu seperti pendayaciptaan tatakelola, kemasyarakatan, dan amalan perniagaan, yang akan mengkaji pendekatan baharu dan berdaya cipta untuk berdepan dengan cabaran semasa seperti perubahan iklim, pelarian, dan kemampanan, kita mampu mengembangkan kapasiti ilmu pengetahuan dan capaian masyarakat kepada pendidikan.

Kita juga harus menggalakkan penyelidikan terhadap apa yang disebut sebagai 'daya cipta kerakyatan' (*communal innovation*). Pengupayaan rakyat untuk membangkitkan semangat daya cipta mereka boleh dilakukan dengan menggalakkan usaha-usaha kemasyarakatan baharu, kegiatan kokurikulum, program dalam talian, dan kursus ijazah atau pensijilan untuk diterapkan dalam pelbagai bidang pengajian dan minat. Daya cipta harus memacu *trend* masyarakat untuk melihat pendidikan sebagai kerjaya sepanjang hayat.

Kemasyarakatan

Penglibatan masyarakat sivil, media sosial, media arus perdana, dan individu dalam mempromosikan kreativiti dan daya cipta melalui perkhidmatan dan inisiatif awam amat penting. Kempen-kempen yang inovatif untuk menangani masalah sosial seperti ketagihan dadah, gelandangan dan pengabaian hak buruh perlu dilancarkan secara agresif.

Selain itu, anak-anak muda juga harus dilibatkan secara aktif dalam projek-projek hijau, seperti projek anti-plastik, kitar semula,

pembersihan dan pembangunan tenaga alternatif. Bagi memastikan semangat daya cipta dioptimumkan, galakan untuk membangunkan aplikasi inovatif dan projek lain yang bertujuan untuk mengurangkan isu-isu sosial di samping mempromosikan advokasi profesional untuk daya cipta akan dilaksanakan.

Keberlangsungan daya cipta di Malaysia dapat dijamin dengan mewujudkan saluran maklum balas agar rakyat mampu kongsi anjakan daya cipta yang diperlukan (daya cipta selalunya bermula dengan aduan tentang proses yang tidak cekap atau lemah). Kelancaran usaha ini dapat dilihat apabila kerajaan memimpin melalui teladan dengan menzahirkan amalan daya cipta dalam kerajaan.

Kebudayaan

Kendatipun daya cipta sering dikaitkan dengan idea yang baharu dalam konteks revolusi digital semasa, ia sebenarnya lebih berakar pada kepelbagaian budaya yang terangkum dan bersemangat inovatif. Semangat ini dapat dihidupkan dengan melibatkan golongan muda ke dalam hab teknologi, makmal prototaip yang menjadi pintu kepada kemunculan teknologi baharu seperti robotik dan pencetak 3D, serta mempromosikan seni dan kraf dalam acuan daya cipta.

Kerajaan harus menaja pendayaciptaan sebagai mekanisme penyatu dan jambatan yang menghubungkan masyarakat Malaysia yang majmuk. Galakan harus diberi kepada sesiapa yang mampu membekalkan insentif dan menyediakan infrastruktur bagi tujuan daya cipta. Harus ditegaskan bahawa kita menyeru kepada suatu acuan daya cipta yang mampan, sejahtera, membudayakan hidup yang saling menghormati dan bersikap ihsan agar budaya konsumerisme dapat dibendung.

Kita juga harus menggunakan pendekatan inovatif untuk sektor pelancongan yang mengangkat tema kekayaan warisan sejarah Malaysia, serta kesediaannya untuk menuju kepada masa hadapan yang lebih berdaya cipta, dengan kewaspadaan untuk melindungi tapak sejarah dan alam sekitar daripada sebarang pencemaran dan pencerobohan. Untuk mengukuhkan budaya daya cipta Malaysia, program insentif dan anugerah untuk menggalakkan pemikiran berdaya cipta akan diteruskan.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Promosi daya cipta perlu dibawa ke peringkat seterusnya melalui portal media seperti majalah berkala, blog, laman daya cipta sosial dan aplikasi yang menumpukan pada penyelesaian inovatif kepada masalah sosial.

Bandar

Pusat-pusat bandar di Malaysia boleh memainkan peranan paling optimum sekiranya kita mencari kaedah baharu bagi mencetuskan budaya daya cipta di Malaysia. Sudah tiba masanya untuk evolusi yang berdaya cipta dalam reka bentuk sivik dan infrastruktur diperkenal di pusat-pusat bandar. Melalui inovasi terkini seperti rumah yang berkonsepkan pasang siap (*flatpack*), projek pengubahsuaian dan pembinaan rumah oleh sukarelawan masyarakat, serta lain-lain projek perumahan pantas, mampan dan manusiawi, kita akan menemukan penyelesaian yang berpotensi untuk membekalkan perumahan mampu milik dan mampan yang diperlukan oleh rakyat.

Pendekatan berdaya cipta akan menjadi sangat penting untuk membangunkan laluan pejalan kaki dan pengangkutan awam yang menjimatkan masa dari bandar ke bandar. Dorongan juga harus diberikan agar masyarakat awam bersama-sama mengekalkan kebersihan kawasan hijau dan perparitan untuk kegunaan awam dan pelancong. Suatu reka bentuk jalan dan tempat letak kereta yang berdaya cipta dengan kemampuan untuk mengumpulkan air hujan bagi membantu mengurangkan kesan banjir, pada masa yang sama berperanan sebagai takungan air untuk kegiatan pertanian dan kecemasan akan diusahakan.

Pada asasnya, kita boleh menjadikan elemen daya cipta seperti dalam terowong SMART di Kuala Lumpur sebagai panduan, dengan usaha untuk terus memperbagus rekaannya dan memperbaiki kelemahan yang ada. Ruang-ruang di bandar yang tidak atau kurang digunakan sebaiknya juga boleh dirubah menjadi hab-hab daya cipta untuk pelbagai sektor. Untuk pusat beli-belah, bangunan pejabat, pangsapuri, taman kejiranan, dan binaan-binaan lain akan datang, kita akan memperkenalkan suatu skim tenaga swacukup untuk tempoh lima atau sepuluh tahun, yang akan memanfaatkan daya cipta tenaga suria dan angin.

Pada masa yang sama, pembinaan infrastruktur untuk keperluan kenderaan elektrik dan kenderaan pandu sendiri juga harus dimulakan. Untuk perancangan jangka masa panjang, kita juga harus meneroka kaedah untuk merubah bangunan usang menjadi bateri untuk mengumpul dan menyimpan tenaga. Pusat-pusat beli-belah yang tidak lagi dikunjungi juga boleh dirubah menjadi 'bandar teknologi,' yang akan menyediakan kemudahan buat syarikat pemula, pemecut dan inkubator, justeru membantu perusahaan inovatif untuk mara ke hadapan dengan sokongan kewangan dan perundangan serta nasihat, menghubungkan mereka yang berbakat dengan firma dan perniagaan yang memerlukan kepakaran mereka, dan menyediakan aktiviti kemasyarakatan serta peluang jaringan untuk berhubung dan belajar.

“Generasi baharu yang sedang merubah pengajian tinggi dengan kadar kepantasan yang tidak pernah dilihat 10 tahun lalu ... Institusi pengajian tinggi berperanan strategik dalam mencari penyelesaian kepada cabaran-cabaran utama dalam bidang kesihatan, sains, pendidikan, tenaga yang boleh diperbaharui, pengurusan air, keselamatan makanan dan alam sekitar pada hari ini ... Kita perlukan institusi pengajian tinggi untuk melatih guru dalam menjalankan penyelidikan kependidikan serta membangunkan kurikulum yang menyepadukan nilai pembangunan mampan”

Walter Erdelen, Penolong Ketua Pengarah Sains Semula Jadi, UNESCO, 'Sesi Plenari 1 – Trend dalam Pendidikan Tinggi Global'

Luar Bandar

Sekilas pandang, daya cipta tampak seolah menyangkal lumrah kawasan desa dan gaya hidup kekampungan. Hakikatnya, daya cipta mampu memastikan kelangsungan dan pembangunan kawasan-kawasan desa. Kita harus mulakan dengan mengenal pasti dan menopang pelbagai prakarsa daya cipta desa yang telah wujud.

Keperluan untuk menubuhkan pusat-pusat pendidikan berkaitan hal-hal pertanian harus menjadi keutamaan, dan ini dapat membantu para petani dan peladang menggarap pelbagai teknik dan kemahiran baharu dalam mengurus sistem pengairan, kitaran tanaman dan penggunaan sumber tenaga alternatif.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Pembangunan rumah pasang siap harus diperhebat di kawasan-kawasan desa, tetapi mesti menggunakan kejuruteraan Melayu, serta teknik dan bahan-bahan binaannya. Meski kita sedar akan keperluan untuk memikirkan semula aspek pembangunan di desa, kita juga harus memberi penekanan yang lebih kepada program-program pembangunan yang berasaskan data untuk masyarakat desa.

Bagi memperkasa penduduk di kawasan-kawasan pedalaman, kita harus menzahirkan ekosistem ekonomi digital dengan menyediakan jalur lebar berkelajuan tinggi, perkhidmatan telekomunikasi dan Wi-Fi percuma untuk kawasan-kawasan yang terpinggir. Kita juga harus memperhebatkan pendekatan-pendekatan yang berdaya cipta dalam memenuhi keperluan yang telah pun ada di kawasan-kawasan bandar yakni pengangkutan yang efisien, pusat beli-belah, perkhidmatan penghantaran makanan dan sebagainya tanpa mengorbankan integriti kawasan desa.

Peluang penjaan ekonomi dan daya cipta pelancongan yang berimpak rendah harus diteroka tatkala kita memikirkan bagaimana untuk mengolah masa hadapan kawasan desa dan pedalaman. Prakarsa kemasyarakatan yang digerakkan oleh penduduk setempat haruslah menjurus ke arah pengukuhan keswacukupan tenaga di kawasan desa melalui unit-unit pengumpulan tenaga suria dan angin.

Kerajaan harus mengiktiraf upaya yang digerakkan masyarakat di desa dalam menambah baik kampung-kampung mereka ke arah kemampanan, dan yang selari dengan adat dan keselesaan mereka. Kerajaan juga harus memastikan masyarakat di desa hidup sejahtera berdamping dengan alam semula jadi, dengan cara memastikan kawasan mereka dilengkapi tangka-tangki pengumpulan air hujan untuk mengawal banjir atau untuk kegunaan pada saat diperlukan, selain memastikan akses kepada ruang internet dan digital tidak dilihat merosakkan tatanan kehidupan di desa.

Kerumitan

Mendapatkan daya cipta yang tepat di Malaysia memerlukan pengemudian yang cermat pada zaman pasca normal, yang dimulakan dengan mempertimbangkan kerumitan secara cermat. Kita harus bersedia dengan tahap kerumitan yang kian meningkat hasil dari

pendekatan dan amalan yang inovatif sambil membangun pendekatan yang pelbagai bagi menyesuaikan kepelbagaian, keseimbangan antara bandar dan desa, isu-isu ekonomi dan perundangan, serta kebimbangan sosial dan kewangan.

Untuk mengatasi peningkatan kerumitan ini dengan baik, kita perlu membangunkan e-jaringan yang memudahkan individu, masyarakat, institusi, dan pemerintah untuk berkomunikasi secara bebas dan bekerjasama dalam membangun budaya yang inovatif. Kita harus menggalakkan pendidikan dalam kerumitan bagi mempersiapkan sebuah Malaysia yang inovatif untuk pelbagai tantangan yang akan datang bersekali dengan peralihan ke era digital.

Percanggahan

Daya cipta sarat dengan percanggahan. Jadi, tatkala kita merencanakan sebuah negara yang berdaya cipta, kita harus berusaha mengurangkan percanggahan konvensional yang dipaksakan oleh amalan dan pendekatan yang lapuk, dan pada masa yang sama membangun dan menciptakan strategi bagi membendung rintangan dalam mewujudkan dasar yang berdaya cipta dari pelbagai tingkat masyarakat.

“Media arus perdana sering membicarakan soal pertumbuhan dan kadar pendapatan per kapita negara, tetapi belum cukup membicarakan tentang kesenjangan antara kumpulan yang paling kaya dan yang paling melarat, pertambahan kenderaan di jalan-jalan raya, kurangnya perkhidmatan pengangkutan awam, bertumbuhnya kilang-kilang dan bertambahnya penceramaman, rekod kecelakaan jalanraya dan di kilang-kilang yang terus meningkat, ketidakjujuran di lapangan perniagaan, masalah dadah dan ketagihan yang ketara di semua peringkat. Kesemua ini adalah simptom pertumbuhan yang merungsingkan kita semua. Kita diberitahu bahawa itu adalah harga kesejahteraan dan kemajuan, tetapi sekiranya hasil kemajuan hanya memanfaatkan sejumlah kecil, harga dan penderitaan yang terpaksa dibayar oleh sebilangan besar yang lain itu justeru bertambah merungsingkan.”

Anwar Fazal, *Our Cities, Our Homes*, halaman 3

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Adalah sangat penting untuk mewujudkan peraturan bagi memastikan paparan yang berkesan antara pelbagai sektor dalam menyelesaikan masalah dengan kepentingan peribadi. Penting juga untuk kita mengekalkan tumpuan pada pemerksaan individu dan masyarakat dalam persekitaran yang inovatif bagi memastikan daya cipta yang digerakkan itu mempunyai tujuan dan kecenderungan kepada kemaslahatan masyarakat sebagai upaya bagi mengelakkan konflik antara pelbagai daya cipta gaya hidup.

Kekacauan

Meski kekacauan mampu menjadi penggerak yang kritikal bagi memungkinkan pelbagai daya cipta di Malaysia, kita tidak seharusnya membiarkan kekacauan menentukan perubahan yang ingin dicapai. Kita mesti memastikan kebangkitan daya cipta di Malaysia tidak membawa negara ke arah kekacauan sosial dan budaya dengan potensi dalam memungkinkan pergolakan.

Kita mesti menyesuaikan amalan penilaian yang berterusan tentang gangguan yang berkemungkinan berlaku dan potensi untuk munculnya pelbagai lapangan teknologi, termasuk: internet pelbagai benda (IoT), pembelajaran pengendalian jentera, kecerdasan buatan dan robotik, automasi ilmu pengetahuan, percetakan 3D, genomik dan kejuruteraan genetik, blok rantai, matawang kripto, data raya, realiti maya dan realiti imbuhan, analisis preskriptif, keberadaan dari jauh, identiti digital sejagat, peranti nano, percetakan bio dan dan pengurusan oleh kecerdasan buatan. Kita harus mengoptimumkan penjejakan dan perkembangan kekacauan untuk merebut peluang dalam mengemudi usaha daya cipta di Malaysia.

Keserentakan

Daya cipta akan memberi kelebihan dalam dunia yang sarat dengan keserentakan, akan tetapi haruslah ditekankan bahawa penjelmaan keserentakan ini mesti berlaku di semua tahap dan bahagian. Bagi memastikan keserentakan tidak dipandang rendah, kita harus pastikan bahawa isu-isu terkait daya cipta ditangani di setiap peringkat.

Kita harus sedar bahawa terdapat dasar-dasar yang khusus untuk kawasan bandar dan luar bandar, anak muda dan warga emas, dan juga

wujudnya penekanan yang sama terkait soal masa sekarang dan masa hadapan, serta pandangan dan maklum balas yang positif dipantau dengan berhemah. Adalah sangat penting untuk menyeimbangkan antara daya cipta dan tradisi melalui penggunaan aspek teknologi sepenuhnya.

Kita harus memupuk semangat warga Malaysia yang berdaya cipta sebagai kaedah untuk menangani peristiwa yang berlaku secara serentak dalam dunia kontemporari, dan sebagai proses yang sedia berubah seiring perubahan masyarakat dan pembangunan demi rakyat.

Masa Hadapan dan Perubahan

Dorongan yang tidak disertai penghayatan yang mendalam terhadap daya cipta mampu menjurus kepada konsep masa hadapan yang dangkal dan sehalu. Kita harus bersikap kritikal dalam pendekatan kita bagi memungkinkan perubahan. Perkembangan terbaharu dalam isu-isu global yang akan menemukan kita dengan teknologi dan daya cipta yang baharu harus dipantau. Kita harus terus maju ke hadapan dan meneroka kesan-kesan sekunder dan tertier terkait dasar, tindakan dan sikap yang inovatif masa kini.

Analisis kita haruslah mengambil kira bagaimana teknologi dan pembangunan sosial baharu mampu mengganggu persekitaran fizikal, ekonomi, kemasyarakatan dan kebudayaan, sekaligus menghambat dasar-dasar yang inovatif dan kreatif. Kita juga harus mendorong sikap menghargai sisi sejarah Malaysia yang menjulur ke arah masa hadapan, yang menjamin kesinambungan antara masa sekarang dengan masa lampau. Bagi memastikan masa hadapan kita kekal berbilang, kita harus mempersiapkan pelbagai senario untuk masa hadapan Malaysia yang lebih berdaya cipta.

Suatu rencana yang telus dan strategik boleh dibangunkan berteraskan pendekatan masa hadapan dalam pembinaan dasar bagi menjadikan Malaysia sebuah negara dengan sistem Wi-Fi percuma untuk sepuluh tahun akan datang. Melalui pelbagai daya cipta ini, kita harus sedia untuk berdepan dengan segala persoalan dan rintangan yang akan timbul sebagai dampak peralihan yang diperlukan untuk membina sebuah Malaysia yang berdaya cipta.

Pemantauan

Bagi mengelakkan trajektori daya cipta daripada menyanggahi kerangka dasar MADANI, tahap pemantauan kita harus meletakkan keutamaan untuk menambah baik kesediaan kita untuk merubah dan memperbaiki dasar sedia ada. Kita harus membina sebuah sistem bagi memantau pelaksanaan daya cipta, menjejak tahap kemajuan di pelbagai peringkat, menerima maklum balas, dan mempengaruhi perubahan yang bermakna di peringkat dasar bila mana ada keperluan. Kita harus mengenal pasti dan mengurus interaksi kritikal antara ruang ekonomi, perundangan, institusi, sosial, kebudayaan, bandar dan desa.

Kita harus membiasakan penilaian semula terhadap dasar sedia ada dan memperkenalkan dasar yang baharu, sesuai dengan keperluan dan persekitaran yang sentiasa berubah berdasarkan kemunculan isu-isu baharu. Memantau maklum balas yang positif adalah penting agar kita tidak dilorongkan menuju kekacauan yang kian parah. Kita harus memikirkan cara bagi menilai tahap kemajuan di Malaysia secara serentak, pada masa yang sama melakukan cerapan terhadap apa yang berlaku di dunia luar untuk mengetahui di mana kelemahan dan kekuatan kita.

Institusi Pemberdayaan

Dasar-dasar yang akan dibentangkan selanjutnya mengambil kira makna Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya cipta, di samping pencorakan dasar, sasaran kerangka dasar, serta dimensi pasca normal dalam menghadapi isu-isu untuk melonjakkan negara ini ke tahap perubahan yang diinginkan.

Pertama, kita akan mengkaji, memperkukuh, dan menyepadukan jawatan-jawatan yang telah ada dan yang relevan, pejabat, pasukan petugas, dan jawatankuasa yang diberi mandat bagi menyemarakkan budaya yang inovatif. Suatu Pusat Pembangunan Daya Cipta Luar Bandar juga akan ditubuhkan, bermula di kawasan-kawasan yang amat memerlukan.

Kita juga akan mengkaji dan merencana projek penghidupan semula Cyberjaya, termasuklah dengan cara membawa masuk pelabur

asing, serta merangka satu pelan strategik yang bertujuan menjadikan Cyberjaya sebagai pusat teknologi utama di Asia Tenggara.

Bagi meningkatkan tahap ilmu pengetahuan serta memperkukuh keupayaan Malaysia dalam rencana ini, kita akan melantik dan menghantar satu delegasi ke pusat-pusat daya cipta global utama di dunia bagi menggarap dan mencari cara baharu bagi memperkuat aspek daya cipta di Malaysia serta menjalin hubungan inovatif dengan negara-negara lain.

Seterusnya kita juga akan melancarkan pelbagai insentif cukai dan penyeragaman semula belanjawan bagi memberi keutamaan terhadap daya cipta sekaligus memulakan gelombang kreativiti di Malaysia. Untuk menggerakkan upaya ini, kita akan menggariskan dasar yang baharu secara meluas melibatkan Tawaran Hijau Baharu (*Green New Deal*), Keselamatan dan Peralihan Tenaga, serta peralihan kepada Malaysia yang berdaya cipta.

Atas nama dan semangat kerjasama, kami berharap agar syor-syor dasar ini dapat digarap oleh rakyat, dan mereka pula bersama-sama membantu dalam mengemudi negara menuju ke arah Malaysia yang berdaya cipta.

M A D (A) N I

horm**A**t

HORMAT

Takrifan Kebiasaan

Hormat seringkali difahami sebagai memberikan hak yang sewajarnya untuk setiap pandangan yang dilontar, keinginan yang terbuka, serta dalam soal melunaskan hak orang lain. Takrifan ini berkait rapat dengan penyanjungan, suatu sikap kasih dan prihatin terhadap orang yang disanjung. Seseorang itu boleh dihormati kerana pengalamannya bertahun-tahun dalam suatu bidang tertentu, atau kerana ketinggian tahap pendidikan, atau pencapaian atau kedudukan dalam masyarakat.

Elemen seperti kepatuhan, kesetiaan, kebolehpercayaan, dan ketatasusilaan sering menjadi wasilah konvensional untuk menunjukkan rasa hormat. Hormat juga boleh timbul daripada rasa kagum terhadap kekuatan seseorang, yang kemudiannya mampu menjurus kepada rasa hormat kerana takut.

Takrifan Kami

Kalimat hormat telah mengalami perubahan makna yang ketara sepanjang zaman kemanusiaan dan terkadang dikelirukan dengan taklid buta atau ketaatan mutlak kepada ibu bapa. Namun secara asasnya kalimat hormat mengandungi konotasi maruah manusia. Suatu kalimat lain yakni adab, yang berasal daripada bahasa Arab, mengandungi yang sama konotasi seperti budi bahasa, kesopanan dan ketawadukan, dan dilihat bukan semata sebagai asas kepada tingkah laku tetapi juga sebagai asas kepada sebuah peradaban.

Dalam budaya Buddha dan Hindu pula terdapat Aturan Emas yang menetapkan prinsip seseorang haruslah memperlakukan orang

MEMBANGUN NEGARA MADANI

lain sebagaimana seseorang ingin diperlakukan. Oleh yang demikian, takrifan hormat kita haruslah menekankan kesemua aspek ini, dengan tumpuan khusus kepada hak asasi manusia dan maruah. Sikap hormat-menghormati merupakan budaya kita, dan ia tidak mungkin tercapai tanpa rasa hormat oleh kedua-dua belah pihak.

Kita harus lebih sedia mendengar agar mereka rasa dihormati. Hormat juga timbul apabila seseorang itu bersedia menyusuli kekhilafan yang dilakukan dengan penambahbaikan. Rakyat yang saling menghormati akan lebih memahami sesama mereka serta mengukuhkan persaudaraan

“Apabila persetujuan dibuat berlandaskan kebenaran, maka kata-kata yang diucapkan akan menjadi baik. Apabila rasa hormat dizahirkan berdasarkan apa yang betul, maka seseorang itu akan terpelihara daripada keaiban dan kehinaan.”

Confucius, Analects

Visi Malaysia yang Saling Menghormati

Visi kita adalah untuk membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang adil saling menghormati, berdedikasi, punyai nilai kesaksamaan, dan berintegriti tinggi.

Masyarakat dan Kawasan Sasaran

Dasar hormat perlu disasarkan kepada individu dan masyarakat yang terpinggir tanpa pembelaan yang sewajarnya, dan juga kepada segmen masyarakat yang terkesan dengan perpecahan. Dasar ini juga harus memberi perhatian kepada kementerian, kakitangan kerajaan dan pemimpin masyarakat, dan disesuaikan dengan keadaan setempat sama ada di bandar atau luar bandar.

Dasar yang bertujuan membina Malaysia yang dihormati juga harus menyasarkan pelancong antarabangsa, pelarian, penghijrah dan pekerja asing. Pendekatan holistik yang kita tuntut mensyaratkan nilai hormat menjadi nilai kebangsaan yang meresap dalam dan luar negara, mengangkat maruah dan nama negara di peringkat antarabangsa.

Mencorak Dasar

Elemen asas nilai hormat sememangnya wujud dalam sejarah dan warisan budaya kita sejak sekian lama. Budaya hormat-menghormati merupakan budaya yang sudah diamalkan dalam masyarakat kita, namun ada keperluan untuk beralih daripada semata hormat kepada kekuasaan kepada hormat berteraskan kesamarataan. Dasar yang berkaitan hormat harus memberi tumpuan kepada kemajmukan bangsa, kesaksamaan, nilai yang dikongsi bersama, serta akses yang sama rata dalam mendapatkan hak, perwakilan dan kuasa dalam proses pembuatan keputusan negara.

Ekonomi dan Kewangan

Menuntut adanya sebuah etika baharu dalam pemikiran ekonomi menjadi langkah awal buat memperkasa nilai hormat di Malaysia seiring dengan rukun MADANI yang lain. Kita memerlukan sebuah dasar ekonomi dan kewangan yang mendukung agenda ekonomi manusiawi, yang menekankan rasa hormat dalam kalangan rakyat Malaysia dan masyarakat luar negara.

Usaha-usaha untuk menyemak semula kaedah dan pendekatan yang digunakan dalam menghadapi krisis hutang serta sejauh mana kuasa sektor kewangan di Malaysia harus disegerakan, termasuklah dengan cara memperhalusi dan mereformasi prosedur pinjaman serta meneliti dan membatalkan hutang yang tidak adil. Pelarasan semula dasar kesamarataan ekonomi harus dibuat agar sesuai dengan keadaan masyarakat yang berbeza (bandar, luar bandar, pinggir bandar, etnik, dan sebagainya) kerana tiada satu dasar sempurna yang boleh menangani sebilangan aspek yang diutarakan secara serentak. Kita juga harus memberikan galakan untuk penyelidikan berkaitan nilai hormat, kesaksamaan dan kemajmukan budaya di institusi pengajian tinggi.

Suatu bentuk insentif untuk kegunaan khusus membantu perjalanan prakarsa keusahawanan masyarakat tempatan harus dibangunkan. Dengan mengambil kira pengalaman lalu, kita harus menggubal undang-undang yang berteraskan nilai hormat untuk mengawal harga barangan awam seperti tol, pengangkutan, cukai luar dan cukai import

MEMBANGUN NEGARA MADANI

serta eksport, sewa rumah, pengambilan tanah, subsidi dan projek-projek pembangunan.

Bagi merealisasikan usaha ini, kerajaan mesti memulakan langkah penentuan harga baharu bagi menyuburkan rasa hormat sepanjang proses penuh dari ladang ke meja makan (*farm-to-table*), sekaligus menghapuskan ruang-ruang yang ada untuk amalan rasuah dan ketirisan. Sebagai langkah persediaan menghadapi gangguan dan cabaran pada masa hadapan, kita juga harus mewujudkan dana kecemasan untuk menangani krisis kemanusiaan yang tidak dijangka.

Perundangan

Rasa hormat yang pudar terhadap sistem perundangan memerlukan upaya Reformasi yang bermakna. Bermula dengan menilai semula undang-undang dan tatacara semasa untuk memastikan nilai hormat menjadi terasnya di samping mengurangkan pertindihan. Segala langkah yang tidak menghormati rakyat atau meminggirkan mereka atas dasar gender, kaum, agama dan kepercayaan akan diteliti semula.

Proses ini mensyaratkan pemansuhan undang-undang drakonian yang tidak menghormati rakyat serta penggubalan dasar baharu untuk menjamin ketenteraman dan perpaduan masyarakat. Seiring dengan usaha ini, usaha mesti dilakukan untuk memungkinkan perwakilan yang lebih saksama di Parlimen, perkhidmatan awam dan institusi lain daripada pelbagai kaum.

Untuk membuktikan kesediaan kita melakukan perubahan yang sekian lama tertangguh, kita harus lancarkan audit hak asasi manusia kebangsaan serta menghormati audit oleh badan bebas antarabangsa. Kita juga harus mewujudkan dana untuk khidmat guaman untuk kegunaan rakyat yang merasakan mereka tidak dihormati kerana tidak beroleh akses kepada kesamarataan dan pemberdayaan.

Bagi mengurangkan dampak buruk yang terhasil susulan perkongsian tanah, adalah penting untuk menggubal undang-undang yang menghormati ruang kongsi awam seperti menjaga kebersihan udara dan air, larangan merokok, susunan aliran trafik, kelakuan di tempat kerja, penstrukturan semula infrastruktur dan lainnya. Sebahagian daripada perkara ini boleh diusulkan di Parlimen

bersampingan dengan pengenalan undang-undang anti-buli, layanan yang tidak adil dan pencabulan di tempat kerja.

Adalah penting untuk kita ikhtiarkan suatu tindakan dan hukuman yang lebih berat bagi jenayah gangguan seksual dan diskriminasi dalam masyarakat. Untuk jangka masa panjang, kita juga harus mempersiapkan reformasi perundangan yang diperlukan untuk menampung kemalangan yang melibatkan kereta pandu sendiri, salah laku oleh robot dan pelbagai kemungkinan lain menuju ke era robot dan kecerdasan buatan.

Institusi

Di peringkat institusi, kita harus meningkatkan rasa hormat terhadap demokrasi dan tatakelola menerusi penginstitution mesyuarat ala 'town hall'; mengehadkan jawatan perdana menteri kepada dua penggal untuk mengelakkan kecenderungan ke arah autokrasi dan rasuah; mewujudkan saluran komunikasi melalui e-demokrasi, antara rakyat dan ahli politik; dan memulakan audit kepertanggungjawaban dan mutu di kementerian-kementerian.

Keberhasilan agenda ini tetap bergantung kepada semua yang terlibat justeru, haruslah dipastikan bahawa setiap kakitangan di kementerian dan institusi kerajaan, sektor perniagaan dan syarikat menyedari sepenuhnya dasar hormat yang diketengahkan serta komited untuk melaksanakannya.

Untuk menangani defisit rasa hormat dalam kalangan kakitangan terlibat, suatu 'audit hormat' akan dilaksanakan disusuli dengan cadangan yang sesuai hasil audit yang akan dilaporkan kepada semua kementerian dan agensi kerajaan. Ini kemudiannya dirumuskan dengan cara memastikan kepatuhan terhadap peraturan dan tatacara amalan hormat oleh institusi dan organisasi.

Dasar yang baharu ini harus menggalakkan kaedah kerja yang fleksibel seperti bekerja dari rumah, waktu bekerja yang tersusun, kebenaran cuti, penjagaan kesihatan mental dan fizikal, serta pertimbangan keluarga dan agama berteraskan nilai hormat. Untuk menilai kejayaan dasar ini, suatu badan awam perlu diwujudkan untuk mengawasi dan mempromosikan amalan hormat, manakala secara

MEMBANGUN NEGARA MADANI

lebih khusus, pewujudan sebuah jawatan ketua eksekutif dalam kementerian serta badan awam dan swasta yang diamanahkan untuk memantau dan menggalakkan lebih banyak amalan hormat.

“[Sekiranya] Islam diabaikan, dileburkan, atau ditenggelamkan dalam kebudayaan Melayu ... [maka akan] membawa kepada cauvanisme kemelayuan.”

Syed Muhammad Naquib al-Attas, Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu, halaman 63

Pendidikan

Di mana-mana negara di dunia, sistem pendidikan sering menjadi barisan hadapan untuk mengikat perpaduan dan menyuburkan rasa hormat dalam kalangan rakyat. Justeru penting untuk menerapkan nilai hormat dalam pendidikan dan diamalkan di peringkat rendah dan menengah – dengan tumpuan pada tatasusila penggunaan media sosial dan teknologi baharu. Suatu kurikulum baharu yang mendidik sikap hormat terhadap alam semula jadi di setiap peringkat serta penekanan terhadap aspek sejarah yang dikongsi dan kesalinghubungan antara masyarakat di Malaysia yang berbeda latar belakang akan membantu dalam usaha ini.

Di peringkat pengajian tinggi, kita harus memperbanyak dan mempromosi geran penyelidikan berkaitan konsep hormat dalam tradisi silang budaya dan agama. Manakala untuk pendidikan di luar bilik darjah, kerajaan harus melancarkan kempen perkhidmatan awam untuk menyebarkan makna hormat kepada masyarakat. Memandangkan hormat itu memerlukan pertemuan fizikal antara dua pihak, kita harus mewujudkan lebih banyak program pertukaran pelajar dan pengajian di luar negara.

Dengan meningkatkan jumlah celik bahasa Melayu dan Inggeris serta meluaskan kemahiran bahasa tradisi lain seperti Mandarin, Tamil, dan bahasa-bahasa suku kaum seperti Iban dan Bajau, kita melengkapi masyarakat kita dengan pendekatan komunikasi yang unggul, yang pada asasnya suatu cara untuk menghormati kemajmukan masyarakat dalam negara kita.

Bagi mempersiapkan diri menghadapi cabaran masa hadapan, kita harus membuat jangkaan dan bersedia dengan keperluan pendidikan yang berdaya cipta untuk melahirkan pelajar Malaysia yang berdaya saing di peringkat tempatan mahupun global serta kompeten dalam pembangunan kontemporari tanpa menyetepikan nilai tradisi agar dapat menjalinkan hubungan yang bersendikan hormat dalam pelbagai bidang dan peringkat.

Kemasyarakatan

Arena masyarakat akan menjadi sektor paling penting dalam mewujudkan Malaysia yang lebih menghayati nilai hormat. Kita perlu melibatkan masyarakat sivil, media sosial, dan media arus perdana dalam mempromosikan nilai hormat. Juga harus diwujudkan adalah program yang menjadi ruang awam yang selamat buat individu dan masyarakat yang tidak terwakili dan terpinggir, di samping menggalakkan masyarakat untuk menyumbang dan menyatakan kefahaman mereka terhadap makna sebuah Malaysia yang mendukung nilai hormat.

Untuk membangkitkan semangat generasi akan datang, kita harus melancarkan prakarsa khidmat sukarelawan anak muda seperti pembersihan alam sekitar, pemuliharaan, penjagaan warga emas dan mereka yang sakit dan lainnya, untuk mengajar rasa hormat berdasarkan kesaksamaan dan pengakuan merendah diri terhadap alam dan kemanusiaan sejagat. Untuk membina perpaduan sosial, kita harus menggalakkan pertukaran masyarakat, kerjasama projek, perayaan dan prakarsa yang membina rasa hormat dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Kerajaan juga perlu menggalakkan advokasi profesional untuk amalan hormat di tempat kerja, di rumah, dan dalam masyarakat secara amnya. Bagi melaksanakan usaha ini, kita perlukan kepimpinan melalui teladan melalui peralihan kerajaan ke arah amalan dan dasar hormat.

“Hormat kerana takut tidak pernah tulen, penghormatan kerana hormat tidak pernah palsu.”

Pepatah Cina

Kebudayaan

Kendatipun sikap saling menghormati tertanam dalam budaya-budaya yang membentuk masyarakat Malaysia, kita harus meneruskan usaha untuk mengembangkan budaya dan bahasa hormat-menghormati – mengangkat kesaksamaan, meraikan kepelbagaian, kemajmukan budaya dan keterangkuman, memperkasa rakyat, memelihara kebajikan jiran, menggerakkan prakarsa pembersihan serta menghargai usaha akar umbi dalam mewujudkan kemampunan negara.

Untuk masa hadapan, kita perlu bersedia untuk menerima kehadiran budaya baharu untuk dirangkumkan ke dalam dasar hormat. Kita perlu berperanan melaksanakan tugas untuk membawa agenda budaya hormat sebagai alat penyatu dan jambatan kepada kemajmukan agama, bangsa dan budaya.

Galakan kesedaran kebudayaan ini akan membawa negara kita beralih daripada kemajuan yang berakar pada pembangunan tidak terkawal kepada kemajuan yang punyai nilai hormat kepada ruang tradisi. Ini seterusnya membantu kita menemui semula ruang-ruang yang hilang dan menggerakkan daya cipta pembangunan mampan dalam mewujudkan ruang baharu berteraskan hikmah kebijaksanaan warisan turun-temurun.

Secara amnya, ini mensyaratkan sebuah gaya hidup yang sederhana dengan dorongan buat masyarakat untuk menjurus kepada nilai merendah diri dan kemanusiaan yang mendalam. Kerajaan harus mempromosi dan menyediakan kemudahan untuk pelancongan berteraskan nilai hormat. Kita harus bersama sebagai rakyat Malaysia bertindak sebagai simbol tertinggi kepada nilai hormat dengan menunjukkan contoh teladan serta komunikasi berkesan mengenai konsep baharu hormat dalam masyarakat.

Bandar

Pusat-pusat bandar kita, yang seakan menjelmakan corak penjajahan berteraskan pemandaran global dan budaya kapitalis, punyai potensi besar untuk dalam mewujudkan Malaysia yang lebih membudayakan nilai hormat.

Perubahan ini dilakukan dengan cara mendanai projek infrastruktur untuk ruang kongsi awam, taman dan dataran yang mampu menyatukan masyarakat dalam suasana hormat. Pada masa yang sama kita harus mendanai evolusi seni bina tradisional dan penggunaan produk tempatan untuk meningkatkan keprihatinan dan menunjukkan rasa hormat terhadap kerencaman budaya di Malaysia.

Keterlibatan rakyat adalah amat penting dalam merencana pelan perumahan yang bersepadu, mendukung nilai hormat dalam pembangunan teknologi mampan serta menggalakkan ketenteraman hidup dalam budaya damai. Kita harus berani meneroka cara baharu untuk menyuburkan nilai hormat dalam perumahan dengan penduduk yang padat dan ruang yang terhad. Salah satu cara untuk melakukannya adalah dengan memeriksa apakah wujud nilai hormat dalam kesibukan 24 jam sehari, dan dalam kehidupan sebuah masyarakat kapitalis yang maju dan membangun.

Luar Bandar

Sementelah rasa hormat kian merosot dengan ketara di pusat bandar, di luar bandar pula ia seakan terpadam. Kita harus melindungi kawasan luar bandar daripada pembangunan dan perubahan yang mencerooboh adat dan kepercayaan setempat bagi menghormati cara hidup mereka. Melalui amalan pertanian dan perladangan baharu yang memanfaatkan kaedah moden untuk pengairan, penggiliran tanaman, dan sumber tenaga alternatif, keyakinan yang hilang terhadap bidang pertanian akan dipulihkan.

Serentak dengan ini kita harus berunding untuk menjamin proses dari ladang ke meja makan yang lebih lancar bagi mengekalkan rasa hormat kepada semua pihak terlibat. Proses ini akan diteruskan dengan memperkasa masyarakat luar bandar untuk mengambil bahagian dalam membudayakan nilai hormat di Malaysia sambil menggalakkan mereka untuk menguasai kemahiran dan mendapatkan latihan yang diperlukan untuk teknologi baharu.

Kerajaan harus mencari jalan untuk membiayai projek luar bandar yang bertujuan untuk mengembalikan maruah rakyat melalui pembinaan ruang kongsi awam, perlindungan udara dan air bersih,

MEMBANGUN NEGARA MADANI

pembangunan pusat kajian untuk menangani keperluan pertanian dan keperluan luar bandar serta menyediakan ruang untuk pendekatan kreatif dan berdaya cipta kepada masyarakat luar bandar.

Kerumitan

Pengemudian era pasca normal mensyaratkan sebuah pengetahuan mendalam mengenai kerumitan yang akan timbul dalam pengenalan dasar hormat. Kita harus membangunkan pelbagai dasar sokongan untuk menampung kepelbagaian dan mengimbangi isu kecil dan isu besar terkait nilai hormat.

Ini boleh dilakukan dengan membangunkan jaringan kemampunan yang memudahkan individu, masyarakat, institusi dan kerajaan untuk berkomunikasi secara bebas dan bekerjasama dalam membina Malaysia yang bermaruah. Pendekatan yang kompleks dalam mengangkat nilai hormat akan menyatukan perbezaan pandangan dan jangkaan yang mencerminkan konteks dan kerumitan Malaysia.

Percanggahan

Percanggahan yang timbul dalam soal hormat telah meningkat dengan ketara beberapa tahun belakangan ini. Kita harus membangunkan strategi untuk menyangkal percanggahan daripada unsur politik luar, kepentingan peribadi, syarikat-syarikat besar dan multinasional, kemasyarakatan dan budaya, fahaman mazhab, serta pihak-pihak lain yang boleh menjejaskan dasar dan nilai hormat.

Tumpuan khusus juga perlu diberikan untuk menyelidik dan memahami percanggahan dengan nilai hormat terkait ketidakpedulian kaum, gender, kelas dan perbezaan gaya hidup untuk menghapuskan stereotaip dan mencegah xenofobia. Kita harus menggalakkan penerokaan percanggahan yang melibatkan nilai hormat terhadap masyarakat kapitalis, kemodenan, pembangunan dan kemajmukan untuk mencari kaedah dan cara mengatasinya demi masa hadapan Malaysia yang lebih baik.

Langkah pertama untuk menangani percanggahan, sama ada yang terlihat mahupun tidak, adalah dengan mewujudkan undang-

undang dan peraturan bagi memastikan hubungkait berkesan antara dasar masyarakat bagi menangani ketegangan dan perbezaan, dan menyelesaikan konflik kepentingan.

Kekacauan

Untuk menghalang kekacauan yang menggejala daripada mengganggu pelaksanaan dasar hormat di Malaysia, tindakan harus bermula sekarang. Pertamanya, usaha yang gigih diperlukan untuk mengesan isu-isu baharu yang muncul dan menilai potensi kekacauannya. Menerusi pengurangan kerumitan yang tidak perlu yang boleh menimbulkan kekacauan, kita boleh membendung rasa tidak hormat dan ucapan tidak sopan dalam politik, tatakelola, pendidikan dan masyarakat.

Kita juga harus terus meneliti dan memantau fenomena seperti media sosial, pempengaruh, realiti tv, budaya selebriti, kecerdasan buatan yang bersifat perkauman, serta berita palsu yang boleh mengakibatkan ketegangan tidak bermaruah di Malaysia. Kita juga harus menilai perkembangan kepelbagaian yang kompleks di Malaysia secara berterusan bagi menghalang berlakunya kekacauan yang boleh melumpuhkan perpaduan negara.

Keserentakan

Kejayaan dasar hormat bergantung kepada keupayaan kita untuk menangani keserentakan semasa. Untuk melaksanakannya, kita harus memastikan bahawa dasar hormat diterima pakai dan dilaksanakan secara konsisten di semua kementerian kerajaan, badan awam, sektor perniagaan, syarikat dan institusi.

Usaha ini boleh kita lengkapi dengan menyokong pemikiran yang menghormati sebagai prinsip pengimbangan yang mampu membantu menyelesaikan pelbagai situasi secara serentak. Akhirnya kita perlu mempromosikan Malaysia yang saling menghormati sebagai model untuk kemajmukan kaum, kewujudan bersama dan hidup dalam budaya damai serta kesederhanaan dalam menghadapi peristiwa, kemelut dan perkembangan serentak.

Masa Hadapan dan Perubahan

Untuk jangka masa panjang, beberapa langkah perlu diambil untuk memastikan keberlangsungan dasar hormat dalam negara. Corak perkembangan masyarakat dan budaya serta isu-isu baharu yang mampu menggugat dasar hormat dan mencetuskan pergolakan harus sentiasa dikaji dan dipantau. Di samping itu, kita juga harus mempertimbangkan bagaimana teknologi baharu dan perkembangan sosial mampu mengganggu persekitaran ekonomi, masyarakat dan budaya, seterusnya menjejaskan atau menggagalkan dasar hormat ini. Perkembangan mutakhir mengenai perjalanan negara kita menuju ke masyarakat tua memerlukan kajian mendalam mengenai potensi dampaknya terhadap negara.

Begitu juga, kita harus menerima dasar hormat sebagai penegasan jelas menuntut pembaharuan dan pemulihan berikutan trauma pandemik COVID-19 serta kemelut baru-baru ini. Tugas besar yang juga perlu dilakukan adalah untuk mengembangkan budaya penyesuaian dalam pelaksanaan dasar yang membolehkan penilaian undang-undang dilakukan secara berterusan, sekaligus membolehkan pembetulan segera dilakukan sekiranya berlaku kesilapan. Untuk memastikan keberkesanan prakarsa ini, kita harus mewujudkan dasar hormat sebagai asas kepada kemaafan sosial atas kekhilafan masa lalu dengan niat untuk teruskan perjalanan dan mengejar masa hadapan yang lebih baik.

Pemantauan

Untuk mengukuhkan rasa hormat di seluruh Malaysia, kita harus membangunkan sistem bagi memantau pelaksanaan dasar hormat, meneliti kemajuan di setiap peringkat, menerima maklum balas dan mempengaruhi perubahan berkaitan dasar apabila diperlukan. Ini memerlukan tindakan pemantauan yang seimbang untuk menghormati kebebasan bersuara sambil menegah ucapan berbaur kebencian dan tindakan yang tidak hormat bagi membangunkan masyarakat yang mampu berbeza pandangan secara hormat, menggalakkan polilog dan menyemai semangat demokrasi yang tulen.

Kita harus bersedia untuk menyemak semula dasar sesuai dengan isu semasa yang timbul. Maklum balas dan tindakan susulan bergantung

kepada kaedah komunikasi yang jelas yang diterima dan diambil kira oleh kerajaan sambil mengekalkan ketelusan kepada masyarakat.

Institusi Pemberdayaan

Untuk membangunkan negara yang membudayakan nilai hormat sebagaimana dalam takrifan kita, dasar-dasar berikut merupakan titik permulaan kepada perjalanan kita.

Bermula dengan memastikan bahawa setiap kementerian menyepadukan dan menggabungkan jabatan berkaitan untuk mewujudkan suatu sistem yang segera bertindak terhadap keluhan rakyat dan menjawab persoalan yang dibangkitkan dengan tuntas. Di samping dasar ini, kita akan mewujudkan e-sistem di seluruh negara di mana rakyat dapat mengemukakan soalan serta isu secara langsung kepada kerajaan semasa, sekaligus memperkukuh ekosistem keterbukaan dan akauntabiliti.

Selain itu, suatu kaedah dan pendekatan untuk membenarkan liputan media yang bebas, objektif dan seimbang, terutamanya semasa pilihan raya, serta persekitaran yang terbuka dan selamat untuk para pemerhati akan dilaksanakan, dengan tumpuan khusus pada pelantar media sosial. Akses Wi-Fi di seluruh negara serta prakarsa ekuiti teknologi, dengan kerjasama sektor telekom dan teknologi serta badan lain yang bermatlamat untuk memperkasa rakyat akan diusahakan. Untuk menjambatani segmen berbeza dalam masyarakat, suatu hab budaya untuk warga emas di bandar-bandar utama akan ditubuhkan, yang akan menghubungkan rakyat dengan kekayaan citra agama dan budaya di seluruh Malaysia.

“Memang ada dalam kalangan kita yang berbeza idea dan fahaman serta berbeza taraf dan kedudukan sosial, tetapi intipati tujuan dan makna kita hanya satu, yakni yang ingin kita bangkitkan dan pelihara adalah maruah dan kesopanan bangsa kita.”

Dato Onn Jaafar, pengasas UMNO

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Bagi menggalakkan penglibatan seluruh rakyat Malaysia dalam proses demokrasi, cuti umum akan diisytihar di seluruh negara untuk menggalakkan rakyat turun mengundi dalam pilihan raya. Dengan mewujudkan suatu jaringan rakyat yang terangkum, adalah diharapkan nilai hormat dapat menyubur dalam masyarakat. Secara amnya, usaha aktif akan diteruskan untuk membawa negara ke gerbang politik baharu yang berteraskan sikap saling menghormati, dan Reformasi demi kesejahteraan rakyat dan demi masa hadapan negara yang lebih baik.

M A D A (N) I

keyaki**N**an

KEYAKINAN

Takrifan Kebiasaan

Dalam pengertian biasa, keyakinan difahami sebagai kepercayaan ampuh terhadap kemampuan seseorang atau sekumpulan manusia dalam melaksanakan sesuatu tugas. Keyakinan juga merujuk kepada perbuatan menggenggam erat suatu kebenaran atau kebijaksanaan dalam kehidupan. Secara lazimnya, keyakinan berseberangan dengan keadaan yang dicurigai, yang memerlukan semak dan imbang.

Lantaran itu, keyakinan berkait rapat dengan leksikon undang-undang yang merujuk kepada maksud jaminan, atau kredibiliti individu dalam soal penjagaan kewangan dan harta benda.

Keyakinan dalam konteks moden pula kian parah dirundung krisis berlatarbelakangkan kenisbian melampau dan kejahilan radikal yang telah melorongkan kita ke dalam era pasca-kebenaran. Namun demikian, krisis ini menjadi peluang buat kita mendedahkan kepincangan dan sentimen usang terkait keyakinan, agar kita mampu tampil dengan takrifan yang baharu dan segar.

Takrifan Kami

Sekian banyak pergolakan yang berlaku pada awal abad kedua puluh satu ini telah melunturkan keyakinan kita, terutamanya terhadap kerajaan, serta menghakis harapan bahawa kita mampu mengatasi kitaran feudalisme kleptokrasi.

Namun adalah tidak wajar untuk berputus asa terhadap keyakinan, yang menjadi prinsip penting buat demokrasi kita. Keyakinan punyai kaitan yang erat dengan amanah, yakni suatu ikrar

MEMBANGUN NEGARA MADANI

pertanggungjawaban moral duniawi dan ukhrawi. Amanah menjadi unsur pokok yang bertanggungjawab menjamin ketenteraman dalam banyak masyarakat sepanjang sejarah, serta mengekalkan salah satu rangkaian perdagangan silam dalam sejarah, Jalan Sutera.

Terdapat dua kalimat lain yang dapat membantu kita memperjelas semula makna keyakinan yang ingin diberi nafas baharu. Pertamanya kepercayaan, yang turut membawa maksud keimanan. Keduanya pertanggungjawaban, yang menyepadukan prinsip timbal balik kepada makna keseluruhan keyakinan – bererti kita bukan semata bertanggungjawab untuk membina keyakinan rakyat, tetapi juga menghormati kepercayaan yang telah diberikan kepada kita.

Pada saat ini, ternyata keyakinan adalah amat penting. Menjadi dipercayai itu pada hakikatnya lebih daripada sekadar memelihara reputasi individu. Malah keyakinan menjadi perkara pokok dalam perjalanan hidup rakyat sehari-hari, bermula daripada perniagaan hinggalah kepada kehidupan bermasyarakat. Tanpa keyakinan, segalanya akan roboh. Dengan keyakinan, kita akan berupaya membina semula jambatan yang telah runtuh buat mengatasi halangan dan rintangan yang melintang..

Visi Malaysia yang Diyakini

Komitmen kita adalah jelas. Usaha-usaha untuk memulihkan semula keyakinan terhadap negara harus disegerakan untuk membangunkannya semula serta mengukuhkan perpaduan dan kerjasama antara kerajaan dan rakyat, serta dalam kalangan individu, keluarga, masyarakat, dan semua pertubuhan yang berdiam dalam negara ini. Inilah asas kepada masa hadapan yang lebih baik di Malaysia.

Masyarakat dan Kawasan Sasaran

Untuk membangunkan dasar yang akan memulihkan semula keyakinan terhadap Malaysia, tumpuan akan disasarkan kepada individu-individu yang hampir putus asa dengan keadaan semasa.

Dasar keyakinan haruslah tertumpu kepada rakyat dan kerajaan, malah lebih utama lagi mereka yang mewakili hasrat rakyat di

peringkat negeri dan kebangsaan, pimpinan masyarakat tempatan, dan juga masyarakat bandar dan pedalaman. Suatu dasar buat syarikat perniagaan sama ada di dalam mahupun antarabangsa, syarikat multinasional ataupun industri kecil sederhana, juga akan dibangunkan. Pada masa yang sama, adalah penting juga untuk kita membina kepercayaan jiran serantau dan global terhadap kita.

“Tambatlah unta, dan bertawakkallah.”

(Riwayat al-Tirmidhi)

Mencorak Dasar

Dasar 'tunggu-dan-lihat' yang dimeterai dengan janji-janji kosong harus dinoktahkan segera. Apabila kerajaan perlu menagih keyakinan daripada rakyat, maka dengan itu hilanglah keyakinan serta kepercayaan terhadap mereka.

Keyakinan merupakan nilai yang hanya boleh ditingkatkan melalui pembuktian tindakan. Keyakinan tidak ditagih dan tidak pula dibeli. Namun ia amat penting kepada keberlangsungan hidup rakyat. Oleh itu, dasar keyakinan merupakan tunjang kepada strategi yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, berteraskan nilai hormat dan ihsan.

Dasar yang bertujuan memulihkan keyakinan juga akan menjadikan sistem demokrasi kita lebih terus dan langsung, di mana penggubal undang-undang akan memungkinkan terlaksananya idea-idea bernas dan progresif oleh rakyat demi masa hadapan yang bakal kita bina bersama.

Ekonomi dan Kewangan

Ternyata masalah utama yang kita hadapi pada detik ini adalah krisis keyakinan yang ketara terhadap kepimpinan negara yang telah mengakibatkan kemerosotan besar dalam sektor ekonomi dan kewangan negara. Kendati begitu, tetap wujud peluang untuk kita tebus kesilapan ini.

Bermula dengan mempromosikan budaya perniagaan yang menggalakkan keyakinan yang lebih tinggi terhadap negara melalui

MEMBANGUN NEGARA MADANI

penegasan usaha menentang kebobrokan rasuah dan diskriminasi yang telah mengakibatkan ketidaksetaraan di tempat kerja dan dalam masyarakat.

Ini juga mensyaratkan penstrukturan semula cukai dengan cara membuang cukai yang telah menghakis keyakinan terhadap jaringan ekonomi negara dan pasaran antarabangsa, serta menggalakkan cukai yang mampu menyuburkan keyakinan terhadap ekonomi negara dan pelaburan dari luar.

Pembasmian rasuah dalam program sosial seperti Tabung Haji adalah mustahak agar ia boleh dimajukan lagi untuk tujuan membangunkan dana keselamatan kecemasan untuk mangsa kesusahan yang tidak dijangka.

Kita harus merangka program yang radikal untuk menyelesaikan kemelut hutang di Malaysia (hutang isi rumah, hutang pinjaman pelajar dan sebagainya) dengan kerjasama Bank Negara dan institusi penting kewangan negara untuk menentukan moratorium yang diperlukan serta membatalkan hutang yang tidak munasabah, terutamanya yang terkait dengan bencana alam, pandemik COVID-19 dan PKP, sambil berusaha untuk mengurangkan hutang negara agar kita mampu mengharungi kemelut masa hadapan dengan berjaya.

Beban yang menggugun dalam tugas yang akan datang akan menuntut kerjasama kita dengan sistem kehakiman untuk menyelesaikan masalah jenayah kewangan yang sekian lama tertangguh, serta memastikan penjenayah tersebut memulangkan semula apa yang telah dicuri, dan mewujudkan pengesyoran bagi memastikan jenayah hina seperti itu tidak lagi diulangi.

Kita juga harus menggalakkan perkongsian antara perusahaan besar, sederhana dan kecil serta sektor swasta dan awam bagi memastikan kesejahteraan dan kesepaduan ekonomi negara, mencegah pecah amanah, serta memperbagus mutu dan prospek global perniagaan Malaysia.

Meruntuhkan tembok halangan fizikal dan mental akan membina semula keyakinan, terutamanya saat kita merapatkan pertubuhan ekonomi dan kewangan dengan pemimpin masyarakat negeri dan tempatan untuk menggalakkan kepercayaan dan kesaksamaan yang lebih tinggi.

Kita juga perlu menyesuaikan dasar kerjasama dan perkongsian serta memikirkan semula perniagaan bersubsidi dan bertindak tegas terhadap gejala monopoli oleh taikun perniagaan agar pembelian bahan keperluan asasi dapat disalurkan kepada rakyat dan bukan semata ke dalam poket kroni atau elit maha kaya.

“Pemimpin yang bekerja dengan kaedah yang paling berkesan nampaknya tidak pernah berkata ‘saya.’ Yang demikian bukanlah kerana mereka melatih diri mereka untuk tidak menyebutkan ‘saya.’ Tetapi kerana mereka tidak memikirkan ‘saya.’ Yang mereka fikirkan adalah ‘kita’; mereka fikirkan sebuah ‘pasukan.’ Mereka tahu tugas mereka adalah untuk menjamin keberhasilan pasukan. Mereka menerima tanggungjawab dan tidak mengelaknya, tetapi ‘kita’ yang akan mendapat nama. Inilah halnya yang melahirkan keyakinan, yang akan memungkinkan pelaksanaan tugas-tugas.”

Peter Drucker, *Managing for the Future*

Perundangan

Keyakinan juga terhakis ekoran terus berkuatkuasanya undang-undang yang lapuk, meskipun untuk sehari. Masanya telah tiba untuk menelaah semula undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap pihak berkuasa dan negara. Kita harus meneliti semula tindakan yang mampu merosakkan keyakinan rakyat, termasuklah dengan cara memansuhkan atau memperbaharui undang-undang usang dan tidak manusiawi.

Badan kehakiman harus dijamin bebas daripada percaturan politik demi memulihkan keyakinan rakyat terhadap sistem perundangan, serta memastikan tiada lagi ancaman oleh mereka yang merasakan dirinya berada di atas undang-undang. Untuk memastikan tugas ini seimbang dan telus, suatu badan pengawasan bebas yang bertujuan memantau penguatkuasaan undang-undang, badan kehakiman, dan kerajaan, yang berdedikasi untuk memelihara keadilan dan membersihkan negara daripada najis rasuah, serta komited kepada pemakaian undang-undang yang adil buat semua rakyat Malaysia, haruslah ditubuhkan.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Untuk mengembalikan keyakinan rakyat yang telah pudar, kita harus memperbaharui mekanisme perundangan negara untuk memulihkan kepercayaan serta menjamin perwakilan yang saksama dalam institusi perundangan, dan mengenakan denda dan hukuman yang lebih berat buat mereka yang merempuh perjanjian suci untuk memartabatkan keyakinan. Demi masa hadapan anak-cucu kita yang lebih cerah, kita juga harus mengangkat reformasi pilihan raya dan kempen untuk merealisasikan potensi demokrasi dan menamatkan budaya politik wang.

Institusi

Yang seakan sering diabaikan dalam proses membina semula keyakinan adalah institusi, walhal institusi adalah denyut nadi kepada pergerakan rakyat serta mekanisme penting untuk memupuk perpaduan kaum. Sebagai permulaan, kita perlu menggalakkan penubuhan suatu bahagian dalam setiap kementerian, badan awam dan swasta, yang bertujuan untuk mencari jalan bagi memperbaharui keyakinan rakyat.

Kita juga harus meneroka institusi-institusi yang berorientasikan teknologi atau budaya masyarakat untuk mempromosikan keyakinan silang budaya di peringkat kebangsaan, negeri dan tempatan. Ini mensyaratkan berjalannya agenda reformasi untuk memulihkan keyakinan antara kerajaan dengan rakyat, termasuk pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk menetapkan had tempoh jawatan Perdana Menteri, memperkukuh hubungan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan, terutamanya antara Semenanjung, Sarawak dan Sabah, menggerakkan usaha untuk menggubal undang-undang bagi memerangi politik wang, serta memperbaharui perlembagaan untuk menamatkan langkah khianat oleh wakil-wakil rakyat yang mencacatkan demokrasi negara dan menghina mandat yang diberi rakyat.

Untuk hubungan luar, kita harus berusaha untuk memulihkan keyakinan negara jiran dengan menilai semula teras diplomatik Malaysia dan hubungan luar di peringkat global dan serantau (Pasifik dan Asia Tenggara), dengan memikirkan semula secara kritis bagaimana Malaysia mampu memainkan peranan yang lebih baik

dalam menyatakan pendirian dan menangani isu yang terkait dengan kita, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Sebaik sahaja keyakinan dipulihkan, kita harus menjaganya dan ini memerlukan maklum balas serta mekanisme komunikasi yang lebih baik untuk memastikan Parlimen dan institusi kerajaan kita pantas dalam bertindak, terutamanya dalam menangani isu yang ditimbulkan di peringkat akar umbi dan masyarakat setempat.

Kita juga harus menyoergerakan reformasi terkait semak dan imbang dalam pelbagai kementerian terutama pada aspek penggunaan dana negara dan yang melibatkan kelulusan projek-projek dengan dampak kepada alam sekitar, masyarakat dan generasi akan datang, serta memastikan bahawa kepentingan rakyat kekal dalam pertimbangan tanpa kompromi.

Kita juga harus menyoergerakan pembaharuan yang mustahak dilakukan terhadap badan dan agensi pengawasan sedia ada seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjamin pematuhan kepada kerangka dasar yang diwujudkan demi mengukuhkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan. Institusi-institusi yang diamanahkan untuk mengawal selia perkembangan dalam memulihkan keyakinan dalam negara ini ternyata akan mempunyai beberapa tugas besar untuk dipikul justeru memerlukan dukungan penuh rakyat.

Pendidikan

Perjuangan sebenar dalam memartabatkan semula keyakinan di Malaysia, seperti juga rukun MADANI yang lain, akan bermula dari dalam dalam bilik darjah dan kuliah pendidikan jua. Justeru itu, kurikulum dan program untuk menyuburkan keyakinan di sekolah rendah dan menengah haruslah dibangunkan.

Tujuan nirmala kita haruslah menyoeraskan perubahan budaya pendidikan daripada kenisbian budaya dan kejahilan kepada penghayatan budaya dan dialog peradaban menerusi program khas dan reformasi kurikulum di setiap peringkat pendidikan negara. Pada masa yang sama, galakan untuk menjalankan kajian terhadap kebejatan rasuah yang endemik dalam negara haruslah ditingkatkan.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Kebanyakan iktibar yang diperolehi daripada bidang ini akan bermula dengan penyiasatan secara menyeluruh terhadap gejala salah laku dan rasuah di sekolah-sekolah di semua peringkat yang bertujuan untuk menghapuskan penipuan, imbalan dan pengabaian dalam sistem pendidikan kita, dan seterusnya membina keyakinan terhadap sistem pendidikan negara.

Kita juga harus tumpu untuk mempromosikan program khas yang bertujuan untuk meningkatkan kesaksamaan di sekolah, terutamanya dalam menghapuskan jurang antara jantina, memenuhi keperluan pelajar berkeperluan khas, mengurangkan beban keluarga M40 dan B40 dan sebagainya.

Kerjasama dengan syarikat perniagaan untuk memberikan peluang yang sama kepada setiap kanak-kanak juga wajar diusahakan. Pengiktirafan juga harus diberikan terhadap langkah-langkah yang telah diambil untuk menambah baik sistem pendidikan Malaysia, misalannya dalam menubuhkan badan seperti Majlis Pengajian Tinggi Negara, yang bertujuan untuk menyeragam dan menambah baik mutu pendidikan di samping mendengar keluhan mereka yang prihatin terhadap nasib pendidikan anak bangsa, sekaligus membina ikatan kepercayaan yang lebih kukuh antara pelajar, keluarga, masyarakat dengan pendidik.

Untuk menjawab soal keyakinan yang wujud antara kaum, kita harus segera mereka bentuk sebuah kurikulum dalam bahasa Melayu, Mandarin, Tamil dan Inggeris yang menyemai keyakinan nasional dalam kerencaman budaya di Malaysia.

Pendidikan yang berteraskan nilai, yang mampu meningkatkan identiti Islam dan dedikasi teguh terhadap etika, kajian budaya, daya cipta dalam bidang sejarah, dan pengajian di luar negara harus digalakkan. Untuk mempersiapkan Malaysia menghadapi cabaran mendatang, kita harus menerapkan elemen berorientasikan masa hadapan secara lebih signifikan ke dalam kurikulum pelajaran, bermula daripada teknologi praktikal seperti pengekodan, sains komputer dan sebagainya hinggalah kepada pembelajaran sivik yang memupuk pertimbangan moral dalam menghadapi teknologi maju dan media sosial, yang turut berperanan sebagai wadah buat para pelajar mengenal pasti berita palsu, pada masa yang sama kekal sedar dan kritis ketika dalam talian.

Dalam usaha ini, kita harus mewujudkan penghargaan masyarakat yang lebih tinggi terhadap jalur pendidikan, agar anak watan bisa merasa bangga saat mereka melanjutkan pengajian, tidak kira sama ada di universiti, kolej vokasional, atau jalur pendidikan yang lain. Kita juga harus menekankan bahawa pendidikan merupakan usaha sepanjang hayat, dan program haruslah diikhtiar untuk mengangkat nilai itu.

Kemasyarakatan

Tidak seharusnya dianggap bahawa keyakinan akan muncul secara automatik apabila semua perkara dilaksanakan. Membangunkan semula keyakinan memerlukan usaha yang aktif melalui kempen dan pengumuman awam, sebaran dalam talian dan program kemasyarakatan. Adalah penting untuk kita mengurangkan jurang teknologi dalam kalangan rakyat agar mereka lebih diperkasa dan keyakinan mereka dipulihkan. Dengan menggalakkan komunikasi yang lebih baik dan perkongsian kisah kehidupan rakyat, kita akan menyuburkan lagi hubungan kemanusiaan yang berteraskan nilai hormat dan keyakinan.

Tumpuan juga harus diberikan kepada penubuhan suatu badan bebas yang ditugaskan untuk mewujudkan ruang yang selamat dan saluran komunikasi yang berkesan untuk masyarakat yang terpinggir atau kurang bernasib baik, kumpulan anak muda dan wanita, serta merapatkan jurang usia dalam kalangan masyarakat melalui program rentas generasi yang menggabungkan elemen kebijaksanaan tradisi dengan rasa ingin tahu yang berdaya cipta.

Keyakinan rakyat terhadap diri mereka juga diperkukuh melalui penyediaan ruang pejalan kaki yang lebih selamat dan kondusif selain daripada pembinaan ruang bersilatullah dan berkeaktiviti menerusi pembangunan semula ruang-ruang terbiar dan yang kurang digunakan. Semua ini kita rencanakan buat mewujudkan masa hadapan Malaysia yang lebih berkeyakinan..

Kebudayaan

Keluhuran budaya dan tradisi kita yang menjunjung tinggi nilai keyakinan dan amanah tidak wajar diambil ringan. Kita harus mengimbas kembali nilai keyakinan yang termanifestasi dalam sejarah, yakni keyakinan antara pemerintah dengan rakyat, keyakinan sesama rakyat yang berbeda latar belakang, dan keyakinan antara rakyat dengan alam sekitar.

Usaha harus dikerah untuk mempromosikan elemen ketelusan dan kebertanggungjawaban di seluruh Malaysia. Kita juga harus mencari cara baharu untuk menyemarakkan semula keyakinan sebagai budaya dalam keluarga, masyarakat, tempat kerja dan kehidupan seharian kita, terutamanya melalui pengukuhan keyakinan rentas generasi dalam masyarakat kita, dalam budaya pendidikan, budaya kerja, serta dalam isu-isu negara dan antarabangsa.

Kita boleh memperkasa budaya kita dengan memulakan wacana serta projek kebudayaan yang tertumpu kepada pengukuhan keyakinan pada masa hadapan seperti menangani kemelut perubahan iklim, alam sekitar, pembangunan mampan dan masa hadapan digital. Ini termasuklah membangunkan budaya yang berpaksikan teknologi dan berasaskan dalam talian yang mampu merapatkan jurang pada masa yang sama mengekalkan nilai tradisional dan prinsip kemanusiaan kita.

Bandar

Usaha membina keyakinan juga harus ditumpukan di pusat-pusat bandar yang seakan telah terpisah daripada nilai tersebut. Bermula dengan mengenal pasti halangan utama kepada usaha membina keyakinan di kawasan bandar, kita harus menyasarkan pengurangan harga untuk pengangkutan awam, tol jalan raya, tempat letak kereta, dan sejumlah barangan keperluan lain untuk mengurangkan beban rakyat di samping memastikan kemunasabahan harga agar manfaatnya dapat dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk perkhidmatan atau faedah sivik.

Bagi mengupayakan penduduk bandar, kita harus menggalakkan pergaulan dan pertukaran pandangan dalam kalangan masyarakat untuk membina kefahaman yang lebih baik terhadap kehidupan dalam bandar dan memastikan tiada sesiapa yang terasing di dalam bandar.

Adalah penting juga untuk kita membangunkan teknologi pintar yang lebih baik untuk melengkapi sistem teknologi sedia ada agar jurang digital dapat dikurangkan.

Pada masa yang sama, peranan ekonomi gig di kawasan bandar perlu dinilai semula, diseimbangkan dengan perkhidmatan dan kerjaya sedia ada agar keadilan dapat dinikmati semua tanpa mengira tahap teknologi. Kita harus merencana pelan bandar yang mesra alam, yang tidak menggadai tapak bersejarah, pada masa yang sama mengoptimumkan ruang awam dan menjamin kebajikan pejalan kaki.

Ketimbang memperbanyak pusat membeli-belah di bandar, kita sebaliknya harus menumpukan pada penyediaan ruang kemasyarakatan yang berdaya cipta dan ruang pintar terbuka sesuai dengan budaya rakyat Malaysia seperti pasaran, trak makanan, pameran seni, senaman fizikal, perayaan dan lainnya untuk menggalakkan penglibatan dan memperkukuh keyakinan individu, masyarakat dan syarikat perniagaan.

Kita juga perlu melancarkan kempen untuk membersihkan sungai dan parit, taman, kawasan semula jadi dan tempat bersejarah bagi mengembangkan aktiviti kesukarelawanan dan meningkatkan keterlibatan masyarakat tempatan di kawasan masing-masing.

Untuk mengekalkan keberlangsungan keyakinan rakyat di bandar, kita harus menggalakkan penerokaan identiti dalam kalangan kejiranan bandar, membiayai projek untuk membina struktur tradisional, memperbaiki jalan, laluan pejalan kaki, lampu dan papan tanda jalan agar sesuai dengan citra identiti ini, sama ada baharu atau lama atau gabungan kedua-duanya.

Luar Bandar

Keyakinan akan menjadi elemen penting untuk memugar masyarakat luar bandar dan membina perpaduan sosial yang lebih baik merentasi segenap lapisan kaum dan geografi, terutamanya antara luar bandar dengan bandar. Seperti mana kawasan bandar, kita harus mengenal pasti halangan utama kepada terbinanya keyakinan di kawasan luar bandar.

Memulihkan keyakinan boleh diikhtiarkan melalui interaksi dengan penduduk tempatan dalam usaha memahami isu setempat dan

MEMBANGUN NEGARA MADANI

aktiviti harian di kawasan mereka, menjambatani sesama anggota masyarakat dalam sesebuah negeri mahupun di peringkat persekutuan. Bagi memastikan proses ini terus mendapat dukungan, kita perlu membangunkan kaedah maklum balas dan komunikasi yang lebih baik untuk memastikan keresahan mereka di luar bandar didengari oleh pemimpin negara.

Antara usaha penting yang harus diusahakan untuk masyarakat luar bandar adalah mewujudkan model baharu untuk keseluruhan proses dari ladang ke meja makan, yang akan memberikan para petani, penjual, pengilang, orang tengah dan pengguna suatu kebebasan dan tanggungjawab yang sama antara satu sama lain, yakni suatu pendekatan yang berteraskan keyakinan dan amanah bagi menyelesaikan dilema dalam ekonomi pertanian. Adalah penting juga untuk menggalakkan penerokaan terhadap identiti luar bandar yang akan memberi geran kepada masyarakat luar bandar, kampung, dan penempatan agar mereka mempunyai wewenang yang lebih dalam menentukan nasib tanah adat mereka, serta dalam mereka bentuk rumah menggunakan kaedah tradisional, dan dalam meraikan identiti dan tradisi tanpa perlu berbelanja besar.

Pada masa yang sama, kita juga harus memikirkan kaedah untuk menyepadukan sistem pendidikan, penjagaan kesihatan dan kemudahan kepada kawasan luar bandar tanpa perlu mengorbankan budaya asal, cara hidup atau masa hadapan mereka. Justeru untuk melaksanakannya, infrastruktur fizikal akan dibangunkan untuk membawa keupayaan teknologi ke lebih banyak kawasan di luar bandar berdasarkan hasrat dan pandangan daripada penduduk tempatan, yang berteraskan model pembangunan mampan. Perkhidmatan Wi-Fi juga akan diperluas sementara keupayaan yang diperolehi melalui teknologi boleh dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja di setiap pelusuk Malaysia.

Penglibatan rakyat secara aktif dalam proses demokrasi akan dipertingkatkan dengan cara menyepadukan tatakelola rakyat tempatan ke dalam pentadbiran kerajaan untuk memungkinkan hasrat dan cadangan pelbagai peringkat masyarakat disertakan dalam pentadbiran negeri dan kebangsaan. Membina keyakinan antara rakyat di luar bandar dan di bandar adalah resepi utama kepada perpaduan. Justeru akan dicipta kaedah baharu untuk menggalakkan pergerakan antara luar bandar

dengan bandar untuk menggalakkan pelancongan yang menghormati sensitiviti setempat, perniagaan mudah alih serta mengurangkan trafik dan pelepasan karbon terutamanya semasa musim perayaan dan cuti hujung minggu.

Sepanjang proses ini berlangsung, kaedah yang digunakan akan terus diperhalusi dan diperbaiki untuk merapatkan jurang antara masyarakat bandar dan luar bandar, serta mengurangkan suasana yang terlampau kebandaran atau terlampau kekampungan untuk membina Malaysia yang lebih berkeyakinan..

Kerumitan

Kerumitan, setakat yang dialami sehingga ke hari ini, ternyata telah menarik fabrik keyakinan antara lapisan masyarakat. Oleh itu, kita harus memahami dan mengkaji fenomena kerumitan bagi mengelakkan teragalnya usaha untuk membina Malaysia yang lebih berkeyakinan dek zaman pasca normal.

Kita harus bermula dari ruang yang masih dalam kawalan kita meski serba kekurangan, untuk mengurangkan kerumitan berlebihan dalam masyarakat agar benih-benih keyakinan mampu bercambah. Kita harus menilai dan menghormati kemajmukan yang wujud di Malaysia, serta menghargai segala usaha kebudayaan rakyat yang kreatif untuk memperkukuh keyakinan setempat.

Kita harus menetapkan arah kemudi dalam suasana serba rumit ini untuk merapatkan jurang teknologi dan menggabungkan penyelesaian yang berasaskan teknologi dan yang bukan teknologi. Jika tiada langkah yang mampu diambil untuk mengatasi sepenuhnya kerumitan dalam sistem, maka cukup dengan mengurangkannya untuk menjamin perhubungan yang jelas dan efektif dalam sebuah negara di persimpangan yang kaya dengan kemajmukan dan kerencaman budaya seperti negara kita.

Kita harus terus berusaha untuk merubah bangsa ini menjadi bangsa yang matang dan mampu berfikir secara rumit untuk menghadapi cabaran serta berkeyakinan tatkala dihadapkan dengan kerumitan yang kian menyukarkan keadaan.

Percanggahan

Dasar-dasar terkait keyakinan mampu tergendala ekoran percanggahan yang timbul. Justeru kita harus menerima dan memahami percanggahan yang tidak dapat dielakkan lagi ini agar ia dapat dilangkaui, sekaligus memperteguh negara kita yang majmuk dengan keyakinan.

Matlamat ini mensyaratkan suatu didikan ke atas bangsa ini, terutamanya anak-anak kita, untuk melibatkan diri dengan percanggahan dalam dunia dan membangunkan proses untuk mencari kebenaran dan menyingkirkan kebatilan.

Usaha harus terus digerakkan untuk mendengar keluhan dan kekecewaan rakyat serta ketidakupayaan mereka agar halangan-halangan utama yang membantutkan keyakinan dapat diatasi. Meskipun ia barangkali tidak sempurna, namun kecurigaan kecil tidaklah ibarat nila yang merosakkan susu sebelanga.

Namun keberlangsungan keyakinan jua tetap kita harapkan. Justeru harus diwujudkan aturan perhubungan dan prosedur operasi piawai bagi membina keyakinan serta menetapkan hukuman yang jelas bagi tindakan-tindakan yang mengkhianati kepercayaan untuk mengurangkan tekanan dan konflik.

Kekacauan

Kekacauan, seperti mana juga kerumitan dan percanggahan, sering dikaitkan sebagai penghalang kepada keyakinan, namun ia juga menjadi peluang buat kita membina keyakinan nasional yang lebih utuh. Kita harus menyelidikinya untuk mengurangkan dampak kekacauan yang mampu melunturkan keyakinan rakyat.

Penegasan harus dibuat terkait komitmen kita untuk menjamin kesaksamaan di bawah kedaulatan undang-undang untuk mengelakkan peristiwa yang nadir dianggap sebagai menggugat keyakinan rakyat terhadap sistem penghakiman Malaysia.

Usaha harus diteruskan untuk menjambatani hubungan antara rakyat agar keyakinan sesama mereka dan yang mereka letakkan terhadap sistem demokrasi kita dapat diperkukuh. Untuk mengelakkan nilai keyakinan disalahguna, kita harus mengekang sebarang penggunaan

nilai tersebut sebagai tongkat, dan sentiasa mencari kaedah baharu untuk menegaskan dan menzahirkan keyakinan rakyat.

Keserentakan

Membangun negara yang punyai keyakinan memerlukan keupayaan untuk bertindak secara serentak. Kita harus mengambil kaedah penugasan kuasa dan bertindak secara kolektif secara pantas dan berkesan terhadap peristiwa dan kemelut yang berlaku serentak. Kita juga perlu meneroka kaedah untuk memanfaatkan keyakinan dalam menangani masalah yang berlaku secara serentak.

Sebagai persediaan untuk tindak balas segera, kita harus memperkukuh saluran-saluran perhubungan, untuk menerima maklum balas dan mempelajari daripada kepakaran agar tindakan yang serentak dapat diambil segera dalam masyarakat kita yang serba majmuk.

Masa Hadapan dan Perubahan

Untuk membina keyakinan yang lebih bertahan lama di Malaysia, yang cukup kuat sehingga tidak tergugat dengan salah laku segelintir individu, maka kesedaran dan keupayaan untuk mencorak masa hadapan menjadi suatu kewajipan.

Justeru itu sejumlah badan, pusat dan pasukan petugas perlu ditubuhkan untuk menyiasat perkembangan semasa dan isu-isu baharu agar senario dan pelan strategik dapat dibangunkan untuk memastikan keyakinan dikekalkan secara mampan menuju masa hadapan Malaysia. Pemikir masa hadapan harus membekalkan gambaran mengenai masa hadapan keyakinan, dengan kesedaran akan risiko yang berpotensi mencabar status quo semasa.

Kemajuan teknologi, kebijaksanaan pribumi, martabat alam sekitar, tatakelola yang baik dan perubahan dinamik sosial semuanya harus dipertimbangkan dalam suatu keseimbangan untuk memperkukuh keyakinan rakyat seluruhnya menuju masa hadapan. Tuntasnya, kita harus mewujudkan kesedaran dan kecelikan terhadap masa hadapan dalam kalangan rakyat, yang memberi dorongan supaya sentiasa mengkaji, belajar daripada kesilapan dan meneruskan agenda

MEMBANGUN NEGARA MADANI

perubahan bagi membina Malaysia yang lebih maju berteraskan rukun MADANI.

Pemantauan

Untuk memantau pelaksanaan dasar keyakinan, kita harus mencipta kaedah yang berasaskan teknologi dan yang bukan berasaskan teknologi untuk mendapat maklum balas dan membantu pemimpin masyarakat, penjawat awam dan pegawai kerajaan merasai denyut nadi rakyat.

Negara tidak akan diizinkan untuk musnah dengan perbuatan pecah amanah dan rasuah, justeru kita harus mengenal pasti kebocoran dalam sistem yang memungkinkan ia berlaku. Kita juga harus memantau interaksi antara pelbagai lapisan masyarakat, waspada terhadap kehilangan nilai keyakinan atau sikap tidak peduli di medan bandar, desa, digital mahupun fizikal merentasi pelbagai identiti.

Untuk membina keupayaan bagi menyesuaikan halatuju kita dengan perkembangan semasa, kita harus membangunkan dasar yang memberi ruang untuk memungkinkan sebarang penilaian dan sumbang saran pandangan rakyat dilakukan.

Institusi Pemberdayaan

Untuk membina semula nilai keyakinan dalam sistem negara, kita sebagai masyarakat boleh mengambil langkah pertama dengan mempertimbangkan dasar-dasar berikut yang telah mengambil kira takrifan Malaysia baharu, halatuju dan sasaran dasar yang telah dikenal pasti dan dimensi pasca normal berhubung kepercayaan dalam masyarakat kita.

Kita harus memimpin melalui teladan, dengan cara menubuhkan badan yang relevan dan menggerakkan usaha di Parlimen dan kementerian-kementerian untuk memupuk nilai keyakinan dalam Malaysia. Selain itu, kita juga akan mendukung usaha dan prakarsa yang mengkaji isu berhubung nilai keyakinan di Malaysia. Undang-undang dan dasar yang menghormati adat resam serta mengelakkan campur tangan yang menggugat kebebasan kehakiman, kedaulatan

undang-undang atau martabat dan hak asasi individu atau masyarakat akan digubal.

Untuk menyelia usaha-usaha ini, elemen integriti mengikut acuan MADANI akan menjadi asas untuk jawatan menteri dan jawatan lain yang berkait rapat dengan perundangan dan Parlimen, seperti jawatan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Prakarsa ini turut akan mengelola pelantikan dan pelancaran pasukan petugas Parlimen yang akan memperjuangkan kebebasan bersuara dan kebebasan media, untuk mempertahankan hak pemerhati dan mengangkat martabat wartawan di Malaysia, sambil menggalakkan lebih banyak usaha bebas ke arah matlamat tersebut.

Kita harus menggalakkan kemajuan teknologi seperti blok rantai serta pengaplikasian teknologi tersebut secara inovatif dalam pelbagai bidang sosial, sekaligus memungkinkan adanya keyakinan yang lebih utuh dan mengurangkan berleluasanya rasuah dalam masyarakat.

Di samping itu, kita akan memperkenalkan agenda Reformasi yang menyeluruh bagi membasmi rasuah dalam kalangan pegawai polis dan penjawat awam demi membina semula keyakinan antara rakyat dengan pihak berkuasa, serta mewujudkan saluran pemantauan yang lebih baik. Demi membina kepercayaan yang lebih utuh antara rakyat, kerajaan dan dunia luar, dalam dan di luar sempadan, kita akan mengkaji semula dasar Malaysia terhadap imigresen, hal ehwal penghijrah dan pelarian serta kedaulatan negara dengan mengambil kira kerangka MADANI.

Walhasil keyakinan yang diangkat di sini lebih daripada sekadar hubungan sehalu. Penglibatan rakyat terutama daripada sudut lontaran idea dan cadangan penambahbaikan akan menjadi landasan kita buat mencorak masa hadapan Malaysia yang lebih baik.

“Jangan percayai sesiapa yang mungkin syaki bahawa kamu tahu dia telah menganiayaimu.”

Henry Fielding, pengarang novel Inggeris abad ke-18

M A D A N (I)

Ihsan

IHSAN

Takrifan Kebiasaan

Ihsan atau rahmah ditakrifkan sebagai memelihara dan menyediakan keperluan asas yang diperlukan demi kesejahteraan semua pihak. Acapkali ihsan melibatkan proses yang rambang dan tidak berlanjutan, kebiasaannya ia tidak memerlukan hubungan berterusan antara pelaku ihsan (*muhsin*) dengan penerimanya. Pada hari ini, perbuatan ihsan juga boleh dilakukan secara tidak langsung menerusi kemajuan teknologi seperti kecerdasan buatan.

Ihsan juga ditakrifkan sebagai keprihatinan terhadap penderitaan atau keperluan orang lain, yang seterusnya disusuli dengan azam untuk menamatkan penderitaan itu. Kendatipun sikap ihsan ini diterima sebagai perasaan antara dua manusia, ia mungkin juga boleh diperluaskan kepada segala jenis kehidupan selain manusia.

Yang ditumpukan juga apabila berbicara soal ihsan dalam takrifan kebiasaan adalah perasaan belas kasihan sebagai suatu emosi: suatu perasaan gembira jangka pendek yang terdetik dalam jiwa manusia. Takrifan sempit malahan tidak memisahkan di antara perasaan empati, simpati, dan belas kasihan.

Takrifan Kami

Sebuah negara yang ihsan justeru akan mengangkat takrifan kebiasaan ke peringkat yang jauh lebih baik. Ihsan itu sinonim dengan makna peduli dan belas kasihan. Demikian, mengasihi orang lain – keluarga, sahabat handai, jiran tetangga dan masyarakat secara keseluruhannya, terutamanya kelompok minoriti – adalah teras kepada sebuah visi Malaysia yang ihsan. Justeru ihsan yang ingin disuburkan semula dalam

MEMBANGUN NEGARA MADANI

negara kita merujuk kepada tanggungjawab sosial yang menyeluruh, bukan semata suatu rasa yang hadir secara sepintas lalu.

Malah, perasaan ihsan itu adalah soal menyelami penderitaan dan kemelaratan orang lain, lalu berusaha untuk mencari jalan bagi mengubatinya. Sepertimana komponen dalam rukun Islam keempat – yakni kewajipan mengeluarkan zakat – tidak semata menggariskan kewajipan seorang Muslim untuk memberi, bahkan juga hak setiap asnaf untuk menerima, ihsan juga mendukung kedua-dua komponen tanggungjawab untuk memberi dan hak untuk menerima.

Rakyat harus menghayati nilai ihsan dengan penuh rasa kejujuran serta tekad yang ampuh untuk memartabatkan semua anggota masyarakatnya daripada sudut aspek ekonomi, kewangan, sikap dan tingkah laku. Ini seterusnya akan melonjakkan kedudukan rakyat, menjadikan mereka lebih manusiawi dengan dihiasi nilai hormat dan kemampanan, serta dapat menyediakan ruang ke arah daya cipta yang beretika dan sejahtera.

Visi Malaysia yang lebih Ihsan

Matlamat kita adalah untuk menyulut semula bara keihsanan dalam jiwa rakyat jelata. Ihsan bukanlah semata mempedulikan golongan yang kurang bernasib baik, malah turut memberdaya seluruh rakyat melalui penyediaan keperluan asas yang mencukupi, makanan bergizi seimbang, perumahan mampu milik, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan yang bersesuaian serta sokongan berterusan untuk golongan yang miskin dan terpinggir.

Masyarakat dan Kawasan Sasaran

Yang mahu diangkat melalui dasar ihsan ini adalah keutamaan kepada masyarakat yang kurang bernasib baik serta golongan rentan yang dinafikan haknya di negara ini. Dasar ini khususnya menyasarkan golongan miskin di bandar, di desa serta di kawasan pedalaman. Ini meliputi golongan berkeperluan khas dan warga emas serta golongan bawah umur dalam pelbagai lapisan masyarakat. Gelandangan, pelarian, dan rakyat terpinggir memerlukan perhatian dan tumpuan

kita. Bidang tumpuan sasaran utama untuk dasar ihsan termasuklah institusi pendidikan, institusi kerajaan, sektor perniagaan dan syarikat.

Adalah penting untuk diingat bahawa kendatipun sasaran ini menjadi salah satu titik permulaan, pendekatan MADANI harus menjadi agenda rakyat seluruhnya, terutamanya bagi mencapai matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara ihsan dan rahmah.

الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى
إِرْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمَكُم مَّن فِي السَّمَاءِ

Para pengasih akan dikasihi oleh yang Maha Pengasih Maha suci dan Maha Tinggi, kasihilah mereka di muka bumi, nescaya akan mengasihimu mereka di langit.

(Riwayat al-Tirmidhi)

Mencorak Dasar

Penekanan dan peningkatan budaya ihsan dalam kalangan masyarakat memerlukan penambahbaikan secara menyeluruh dalam sistem budaya kita. Peruntukan undang-undang, institusi pendidikan, institusi kerajaan, perniagaan persendirian dan perniagaan kecil harus patuh kepada kerangka garis panduan ihsan.

Sementara nilai ihsan bermatlamat untuk mengangkat maruah dan martabat setiap rakyat, dasar ini haruslah melengkapi rukun-rukun MADANI bagi memulakan suatu lonjakan sosial yang baharu terhadap pembudayaan ihsan.

Ekonomi dan Kewangan

Tentunya sektor ekonomi dan kewangan akan menjadi keutamaan dalam melaksanakan dasar ihsan. Ihsan merupakan rukun utama MADANI yang harus diterapkan ke dalam model dan diterjemahkan sebagai sistem ekonomi manusiawi Malaysia.

Dana khas akan diperuntukkan untuk mendirikan rumah-rumah mampu milik bagi golongan miskin bandar selain menunjangi

MEMBANGUN NEGARA MADANI

kebajikan golongan miskin desa dan mempromosikan perusahaan mereka. Kerajaan Persekutuan juga harus mendanai program-program pembinaan kerjaya rakyat di kedua-dua sektor kerajaan dan swasta.

Kita seharusnya meneroka kaedah yang munasabah terkait cukai warisan dan cukai keuntungan modal bagi tujuan pengumpulan dana untuk membiayai prakarsa yang diusahakan untuk menaik taraf mutu kehidupan golongan miskin. Inisiatif ini akan diperkukuh melalui penubuhan Kesatuan Kredit Ihsan dan Prihatin dan institusi kewangan yang ihsani yang menyediakan pembiayaan untuk membasmi kemiskinan, mempromosikan perusahaan kecil, dan menggalakkan daya cipta di kawasan luar bandar dan bandar.

Berdasarkan model Tabung Haji, pembaharuan mampu dilakukan dengan cara menjamin keberkesanan dan ketelusan pengagihan dana Zakat di setiap negeri agar mampu menyediakan bantuan kecemasan yang mencukupi bagi rakyat miskin dan kurang bernasib baik.

Di samping pembaharuan ini, kita harus menyokong pembangunan kewangan dan perbankan Islam yang lebih sofistikated agar suatu model institusi ekonomi negara dapat diwujudkan. Potensi besar kewangan Islam dapat diserlahkan dengan cara menetapkan kompas ke arah memenuhi *Maqasid al-Shari'ah*, yakni keadilan yang berasaskan pemeraksanaan rakyat miskin dan terpinggir, ketimbang membiarkannya berkiblatkan sistem konvensional yang tempang.

Bagi memastikan kita memahami keadaan ekonomi sebenar Malaysia, kita mesti menentukan semula penanda kemajuan ekonomi untuk memberi lebih tumpuan kepada pekali Gini (*Gini coefficient*) ketimbang keluaran dalam negara kasar (KDNK), membangunkan takrifan kemiskinan di Malaysia, serta merubah leksikon ekonomi negara untuk mengurangkan beban ekonomi rakyat dan mencari penyelesaian kepada kesempitan.

Pemberian biasiswa dan geran kajian sebagai bantuan lanjutan harus diusahakan sebagai pendekatan inovatif untuk ihsan, terutamanya dalam bidang perniagaan, perubatan, dan perkhidmatan sosial. Untuk memupuk nilai ihsan dalam budaya kewangan, kita mesti membina jaringan kerjasama yang baik antara kerajaan persekutuan dengan pelbagai sektor perniagaan dan badan korporat untuk berunding

mengenai jaminan sosial bagi membantu masyarakat yang tidak berubah sumber kewangannya.

Misalannya, memansuhkan atau membayar hutang terakru, memansuhkan hutang pinjaman pelajar, mewujudkan bantuan kewangan untuk pelarian dan program kerjaya, mewujudkan program bantuan kerjaya atau kewangan untuk mengeluarkan individu dan keluarga daripada kemiskinan, mewujudkan program pencen terbaik, peruntukan penjagaan kesihatan negara, mewujudkan tabung bantuan bencana semasa dan peruntukan bantuan pemulihan untuk masa hadapan.

“Kekayaan tidak dinilai daripada banyaknya harta tetapi kaya jiwa..”

Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan ke- 17e

Perundangan

Jika kita mahu ihsan berkembang dan bertapak dalam budaya kita, maka sistem undang-undang dan prinsipnya haruslah menyemangati nilai ini. Pertama, kita harus membangunkan tatacara ordinan yang menyepadukan nilai ihsan ke dalam amalan dan penggubalan undang-undang. Di Parlimen, kita perlu menggubal undang-undang terkait kadar upah atau gaji yang bermaruah, yang mampu menjamin kelangsungan hidup untuk semua.

Begitu juga dengan meningkatkan kebolehcapaian kepada institusi awam untuk warga emas dan masyarakat yang berkeperluan khas, serta membekalkan perlindungan yang lebih baik terhadap para penghijrah dan pelarian, termasuklah memperhalusi takrifan undang-undang bagi golongan terpinggir ini.

Usaha mewujudkan ejen advokasi bagi rakyat miskin untuk memastikan hak undang-undang dan pembelaan terhadap mereka terpelihara juga harus digerakkan. Kerajaan juga harus menyediakan akses kepada sumber-sumber pendidikan dan advokasi untuk rakyat miskin dan terpinggir. Pemeriksaan, pengawalseliaan dan pendakwaan yang lebih teliti terhadap amalan tidak beretika yang mengakibatkan

MEMBANGUN NEGARA MADANI

peminggiran sekelompok rakyat akan memastikan nilai ihsan bertapak dalam sistem perundangan kita.

Reformasi undang-undang yang telah lama tertangguh dalam soal imigresen, visa dan kewarganegaraan harus disegerakan untuk memastikan nilai ihsan menjadi panduan dalam penguatkuasaannya. Ini diteruskan dengan penubuhan Mahkamah Perlindungan yang sebagai ruang membuat keputusan terkait hal-hal kewangan atau kebajikan yang melibatkan mereka dengan keupayaan mental berbeda.

Kebebasan badan kehakiman yang terus diperkukuh, disertai dengan kebijaksanaan para hakim yang arif untuk berhukum dengan keadilan dan kesaksamaan berdasarkan kedaulatan undang-undang tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan budaya, haruslah disulami dengan prinsip ihsan dan rahmah dalam setiap penghakiman yang diputuskan.

Institusi

Nilai ihsan boleh dijelmakan di peringkat institusi melalui pengenalan garis panduannya dalam institusi kerajaan, syarikat dan sektor perniagaan. Melangkaui institusi sedia ada, pengembangan pertubuhan kesukarelawanan selain peluang-peluangnya harus dipromosikan, tertumpu pada dasar ihsan. Sebagai contoh, kita harus memulakan dasar untuk menyepadukan nilai ihsan dalam semua institusi kerajaan. Untuk tujuan pengawasan, badan yang mengawal selia harus berperanan mengawasi pelaksanaan dan tindakan susulan daripada penyepaduan ihsan dalam semua institusi negara.

Pembaharuan institusi keadilan haruslah menterjemahkan nilai ihsan dalam tugas mereka. Demi anak cucu di masa hadapan, kita mesti menjalinkan kerjasama yang baik dalam kalangan institusi kerajaan, sektor perniagaan, sektor pendidikan dan sosial untuk meneroka jaminan-jaminan dan inisiatif yang lebih praktikal untuk menggalakkan ihsan dalam masyarakat.

Tumpuan khusus terhadap usaha untuk membebaskan gelandangan daripada kemelamatan melalui penyediaan akses kepada penjagaan kesihatan, pendidikan, pendapatan sara hidup serta peluang untuk

memajukan diri, seterusnya memberdaya mereka dengan kewangan, harus diikhtiarkan

Pendidikan

Untuk memastikan kejayaan generasi akan datang serta menjamin masa hadapan Malaysia yang lebih baik, keutamaan harus diberikan kepada dasar pendidikan. Sebagai permulaan, kita harus membangunkan dan memperkenalkan kurikulum berteraskan nilai ihsan di sekolah rendah dan menengah. Di luar bilik darjah, kita perlu mempromosikan kempen-kempen yang mendukung dan menekankan nilai ihsan di rumah, di tempat kerja, di sekolah, dan di seluruh negara bagi menggabungkan nilai-nilai Islam, budaya pribumi, konsep agama dan falsafah lain, serta latar belakang sejarah yang kaya termasuk kepelbagaian masyarakat.

Manakala di peringkat pengajian tinggi, penyelidikan mengenai isu dan dasar ihsan di universiti dan institusi pendidikan lain harus digalakkan. Tumpuan penyelidikan harus dilaksanakan khusus terhadap daya cipta sosial di kawasan luar bandar dan bandar.

Untuk meringankan beban perbelanjaan pendidikan, kita perlu mewujudkan biasiswa dan geran sebagai prakarsa kepada rakyat bagi meneroka penyepaduan ihsan ke dalam budaya Malaysia. Untuk menerapkan nilai ihsan dalam pendidikan Malaysia, kita harus terus meneroka cara bagi mengurangkan kos dan menyediakan peluang yang sama serta menghapuskan beban kewangan mereka yang ingin menyambung pelajaran ke tahap pendidikan yang lebih tinggi.

Kemasyarakatan

Kepelbagaian di Malaysia telah membuka peluang besar untuk memperkukuh nilai ihsan dalam masyarakat. Pendekatan yang lebih sistematik bermula dengan mengenal pasti kebiasaan, cita rasa dan kecenderungan masyarakat, disusuli dengan usaha untuk menggalakkan penyertaan nilai ihsan ke dalam norma mereka.

Penyepaduan ihsan ke dalam struktur institusi di Malaysia sudah pasti menjadi satu keutamaan. Kerajaan juga harus mempromosikan perkhidmatan kesihatan secara sukarela tanpa bermotifkan keuntungan,

MEMBANGUN NEGARA MADANI

yakni sebuah penjagaan dengan penuh ihsan secara percuma, atau dengan potongan harga kepada individu yang layak.

Kita harus mengemaskini dan memperluas keselamatan sosial, pampasan pengangguran, pampasan buruh, bantuan awam, pencen atau pendapatan persaraan yang mencukupi, dan bantuan pendidikan, terutamanya untuk golongan miskin bandar dan luar bandar. Untuk memastikan kelangsungan persekitaran yang ihsan, kita harus mengenal pasti dan memansuhkan pekerjaan yang memberi dampak buruk kepada masyarakat dan alam sekitar.

Prakarsa ini harus dijadikan keutamaan, diperhebat dan dilancarkan untuk meningkatkan akses penjagaan kesihatan, serta bagi melihat berakhirnya masalah gelandangan, pengangguran dan kemiskinan. Pemerksaan warganegara akan menjadi keperluan kepada Malaysia yang lebih ihsan. Untuk mengoptimumkan usaha ini, kita perlu memberi insentif kepada sukarelawan dan menggalakkan penglibatan rakyat, pemerksaan individu serta menggalakkan kawalan sosial sendiri.

Kebudayaan

Sebagai sebuah negara yang mempertemukan pelbagai adat dan budaya, Malaysia menjadi tapak asas yang kukuh buat kita. Untuk memanfaatkan apa yang telah dikurniakan, kita harus mempromosikan nilai ihsan dalam bahasa, agama, sejarah dan sistem moral di Malaysia melalui kempen khidmat sukarelawan.

Kita mewarisi keluhuran nilai ihsan dalam perayaan budaya, cuti dan acara. Pertimbangan khusus harus dibuat untuk mempromosikan NGO yang melaksanakan tugas-tugas kebajikan untuk membantu orang lain, bertindak sebagai pemangkin dalam rundingan kemasyarakatan, merangkul kebersamaan masyarakat etnik berlainan agama, serta menggalakkan sikap saling memaafkan dan keadilan sosial. Dasar kerajaan haruslah bersikap positif dan mesra terhadap petugas profesional kesihatan dan sosial bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang lebih menghargai jasa dan memberi ganjaran setimpal kepada mereka yang berkhidmat untuk rakyat.

Susulan pandemik COVID-19 yang melanda dunia, suatu usaha yang lebih besar untuk memahami dan merawat kesihatan mental untuk membangunkan Malaysia yang lebih ihsan harus digerakkan. Harus

ada tekad yang jelas untuk memulihkan kejahilan terhadap masalah kesihatan mental dan menangani punca kemerosotannya. Dalam usaha untuk mempersiapkan budaya yang mendakapi kemajuan robot dan kecerdasan buatan di masa hadapan, yang digabungkan ke dalam penjagaan kesihatan masyarakat, kita harus meneroka bagaimana sifat ihsan boleh berubah mengikut zaman teknologi baharu.

Bandar

Bandar dalam negara kita sebenarnya memiliki potensi yang belum diterokai untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih ihsan. Untuk menyerlahkan potensi tersebut, maka harus bermula dengan menyediakan perumahan mampu milik buat rakyat di bandar berseiringan dengan program pembasmian kemiskinan, perkhidmatan penjagaan kesihatan ihsani, yang bermutu dan mampu milik, serta menyediakan peruntukan awam untuk warga emas dan golongan miskin mendapatkan rawatan secara menyeluruh, termasuklah akal dan jasmani.

Terdapat banyak langkah yang mudah dilakukan namun amat bermakna dalam menterjemahkan nilai ihsan. Akses dan pergerakan di bandar untuk mereka yang berkeperluan khas harus terus ditambah baik, seiringan dengan penambahbaikan kemudahan semasa agar menjadi lebih selamat kepada pejalan kaki, penunggang basikal dan pengguna pengangkutan awam.

Kita juga harus mewujudkan ruang inovatif yang dilengkapi dengan pendingin hawa percuma dan akses Wi-Fi bagi menggalakkan interaksi dalam kalangan masyarakat. Untuk memperkukuh lagi pemerksaan rakyat, kerajaan harus menyokong segala usaha sukarelawan bandar yang ikhlas untuk mewujudkan Malaysia yang lebih ihsan.

Secara amnya, kita harus menggalakkan semangat kebersamaan dalam masyarakat serta menyuburkan budaya asal dalam pembangunan agar nilai ihsan dapat meresap dan menyubur di kawasan bandar yang dianggap tidak punyai atma dan dibelenggu duniawi.

Luar Bandar

Terdapat banyak perkara yang boleh diikhtiarkan untuk menghidupkan nilai ihsan di kawasan luar bandar. Kita perlu merangka pelan, garis panduan, dan prosedur untuk mengurangkan kesenjangan ekonomi bandar dan luar bandar.

Dasar ihsan akan menjadi pemangkin kepada sebuah pertanian yang mampan, yang seterusnya memperkasa keusahawanan masyarakat luar bandar dengan pemikiran inovatif sesuai dengan budaya kampung. Pemeriksaan luar bandar juga memerlukan pertimbangan yang teliti terhadap kemajuan teknologi dengan membangunkan sistem dan infrastruktur untuk akses Wi-Fi yang lebih luas. Seperti juga kemajuan di bandar, masyarakat luar bandar juga harus menerima manfaat dasar ihsan melalui penubuhan unit perubatan bergerak dan klinik penyedia penjagaan kesihatan luar bandar.

Tatkala jurang antara luar bandar dan bandar kian dirapatkan, kita akan terus membina hubungan ihsan yang lebih bermakna antara kawasan bandar dengan luar bandar dalam kerencaman masyarakat yang berbilang bangsa. Usaha juga akan digerakkan untuk menerapkan nilai ihsan dengan lebih ampuh di luar bandar agar mereka merasakan tidak perlu untuk berpindah ke kawasan bandar untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik.

Kerumitan

Dalam era kepesatan teknologi digital, kegagalan dalam mengambil kira faktor pasca normal dan masa hadapan yang disulami dengan nilai ihsan akan mengakibatkan terluntarnya nilai kemanusiaan. Untuk bersedia menghadapi kerumitan, kita harus mengetahui perkembangan terkini dalam genetik, kod pengkomputeran, dan media digital yang mampu mengundang kerumitan yang lebih mencabar.

Ini termasuklah persediaan untuk menghadapi kemaraan kecerdasan buatan dan automasi yang memerlukan pengendalian yang penuh hikmah untuk mengekalkan nilai ihsan dalam masyarakat. Melangkaui apa yang kita saksikan pada hari ini, kita harus membuat jangkaan terhadap kerumitan yang bakal muncul dalam menyepadukan teknologi baharu ke dalam masyarakat dan bersedia untuk perubahan sistemik yang besar serta dampaknya terhadap masyarakat.

Menyedari bahawa perubahan yang dibuat di Malaysia mampu mencetus dampak domino yang mendalam di rantau ini, menentukan bagaimana untuk menyemai hasil positif terhadap rantau ini akan dapat memastikan konflik serta tindak balas negatif ASEAN dan masyarakat global dapat dielakkan. Proses ini tetap mensyaratkan nilai ihsan sebagai kaedah utama dalam urusan kita dengan mereka sama ada di dalam atau di luar sempadan kita.

Percanggahan

Peristiwa yang berlaku mutakhir ini telah mengakibatkan timbulnya pelbagai percanggahan terhadap dasar ihsan yang kita ingin terapkan di Malaysia. Kita harus menjangkakan percanggahan terhadap dasar lain, terutamanya berkaitan kewangan, ekonomi dan perniagaan.

Perhatian khusus harus diberikan terhadap elemen yang menyanggahi nilai ihsan dalam dasar kewangan terkait cukai warisan serta langkah-langkah lain yang memungkinkan elit penguasa menjadi lebih kaya dengan mengambil kesempatan atas derita rakyat. Kita juga perlu meneliti percanggahan mendalam yang akan timbul antara soal kecekapan dengan soal budaya ihsan dan rahmah.

Kita dapat mengurangkan percanggahan dengan menekankan mutu kehidupan seperti yang diukur dalam budaya mesra dan hubungan manusia dan bukannya kuantiti kehidupan seperti yang diukur dalam indeks barangan pengguna dan kekayaan wang ringgit.

Kekacauan

Kegagalan dalam memahami dampak kekacauan telah membawa kepada defisit yang mengesankan terhadap dasar ihsan di Malaysia. Untuk memperbaiki keadaan ini, kita perlu menyediakan ruang komunikasi yang berkesan antara kerajaan, masyarakat dan individu melalui media sosial dan saluran lain untuk mengelakkan kekacauan.

Selaras dengan ini, kita perlu memantau dan menyingkirkan maklum balas yang negatif yang merosakkan dalam media sosial. Tumpuan harus diberikan bagi meningkatkan kesedaran terhadap penyebaran mesej kebencian dan berita palsu yang mampu menjurus kepada kekacauan.

Untuk membantu usaha ini, kita harus mempromosikan etika kewartawanan yang bertanggungjawab bagi mengekang berita palsu

MEMBANGUN NEGARA MADANI

dan mengangkat ketelusan dalam masyarakat. Untuk menggalakkan perpaduan kaum dan agama serta mengeratkan hubungan sesama rakyat, kita harus menggalakkan penyertaan rakyat pelbagai etnik dan agama.

Adalah penting untuk kita memantau pengaplikasian peruntukan undang-undang dan faedah sosial pada masa kini dan akan datang untuk menjamin kesaksamaan dan keadilan serta menghalang individu yang merasakan kedudukan mereka di atas undang-undang untuk mengambil kesempatan ke atas sistem.

Keserentakan

Untuk mengambil kira keserentakan peristiwa yang berlaku pada masa kini serta bagaimana kita mesti bertindak, kita harus memperakui ketekalan dasar ihsan merentas kementerian, institusi kerajaan, syarikat dan sektor perniagaan yang berkaitan, NGO dan organisasi sukarela.

Usaha kemasyarakatan sebegini perlu dibalas dengan penghargaan kita terhadap rakyat yang terlibat secara aktif dalam mengangkat nilai ihsan dan kasih sayang. Kita juga perlu menggalakkan pembuatan dasar dari bawah ke atas serta usaha-usaha yang membenarkan evolusi endogen tatkala institusi sedang berkembang.

Kita juga mesti mampu menjangka isu-isu yang mungkin akan timbul dalam pelaksanaan dasar serentak kepada sasaran yang berbeda (bandar dan luar bandar, kemiskinan dan penjagaan kesihatan, negara dan masyarakat, silang budaya).

Di peringkat nasional dan tempatan, kita harus melakukan perimbangan antara ihsan dengan keperluan lain yang kelihatan lebih praktikal untuk mengelakkan daripada tergadainya prinsip semasa membuat keputusan yang sukar.

Masa Hadapan dan Perubahan

Kebanyakan masyarakat mengambil pandangan distopia terhadap masa hadapan mereka, di mana mereka berada dalam keadaan yang tidak diinginkan kerana prinsip ihsan dilihat terancam. Untuk menepis mimpi ngeri ini dan mengoptimumkan potensi positif daripada dasar yang lebih ihsan, kita harus meneliti corak perkembangan di peringkat nasional

dan antarabangsa, serta isu-isu semasa yang mampu mempertingkatkan atau menggagalkan usaha untuk mempromosikan dasar yang ihsan.

Kita juga mesti bersedia dengan kemajuan teknologi seperti automasi, kecerdasan buatan dan robot serta dampaknya terhadap ihsan di Malaysia. Ini mensyaratkan suatu pendekatan khusus untuk mengimbangi kemajuan yang berdaya cipta dengan kebijaksanaan tradisi untuk membangunkan beberapa senario masa hadapan sebagai pilihan, serta mengekalkan elemen kemanusiaan yang diperlukan untuk dasar Malaysia yang lebih ihsan.

Kita harus meneroka potensi masa hadapan untuk pembinaan Malaysia yang lebih ihsan sambil berusaha untuk membangunkan masyarakat yang celik tentang masa hadapan yang lebih baik di kalangan semua rakyat Malaysia.

Pemantauan

Untuk mencerap prestasi kemajuan dasar ihsan di Malaysia, kita harus merangka protokol pembangunan untuk menilai dampak langsung dari dasar ihsan. Inisiatif pengawasan dasar ini akan diamanahkan kepada badan kawal selia yang sesuai. Melalui kerjasama dengan kumpulan dan pertubuhan antarabangsa, kita dapat memastikan ketelusan dan kerjasama yang baik berteraskan semangat ihsan antara Malaysia dan negara luar.

Adalah penting untuk kita membangunkan prosedur dan proses untuk mengatasi percanggahan dalam usaha-usaha untuk menyuburkan nilai ihsan di Malaysia dan menilai perpaduan masyarakat sambil mewujudkan cara komunikasi yang berkesan untuk menghubungkan semua serta memastikan ihsan menjadi sebahagian daripada semua usaha sosial dan budaya.

Institusi Pemberdayaan

Untuk melonjakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersifat ihsan dan rahmah, dasar-dasar berikut telah dirangka dengan mengambil kira takrifan baharu, keperluan dasar dan sasaran, serta faktor pasca normal yang kini mempengaruhi dunia.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Bermula dengan penilaian terhadap usaha institusi semasa yang bermatlamat, dan mampu diubah suai, untuk melaksanakan visi kita demi Malaysia yang lebih ihsan. Proses ini penting untuk mengelakkan pertindihan dan pengulangan dalam hal yang melibatkan kebudayaan dan sejarah, yang sebenarnya boleh digusur ke gerbang baharu atau dibayangkan semula.

Saat kita menyepadukan dan mengorientasikan semula kabinet dan penstrukturan kerajaan sekarang, kita akan menugaskan beberapa institusi untuk menyelia pembangunan budaya ihsan di seluruh Malaysia. Dasar ini akan membangunkan suatu institusi mampan yang memanfaatkan rakyat, di mana setiap individu akan beroleh kredit sosial bagi setiap tindakan positif yang dilakukan.

Secara amnya, kita akan berusaha untuk membina sebuah ekosistem yang lebih kondusif untuk masyarakat membangunkan watak sosial mereka, dan bukannya dalam bentuk *jasadiyah* semata-mata. Dengan mengisytiharkan satu hari yang disebut sebagai 'Hari Malaysia Bersih,' kita akan menggalakkan lebih banyak prakarsa di peringkat kebangsaan dan setempat dalam usaha bersama untuk memelihara bumi dan alam sekitar.

Di Parlimen kita akan melancarkan langkah-langkah yang sewajarnya, serta kajian dan panduan dasar bagi memperluas penerapan nilai ihsan dalam sistem penjagaan kesihatan yang baharu, yang merawat keseluruhan manusia – akal dan jasmani – mengambil pengajaran daripada dampak pandemik COVID-19 baru-baru ini. Sebagai usaha menetapkan hala tuju ihsan yang baharu serta mencapai piawaian di peringkat antarabangsa, khususnya di rantau ini, hukuman mati mandatori di Malaysia akan dimansuhkan.

Membangunkan takrifan ihsan sebagai nilai masyarakat di Malaysia harus melibatkan penyertaan semua pihak. Maka, dengan ini kita menantikan sebarang cadangan dan idea baharu yang dapat membantu membentuk Malaysia yang lebih ihsan.

“Ciri-ciri paradoks masa hadapan - ia tidak wujud tetapi ia nyata, ia berada di depan tetapi juga di belakang kita, ia tidak pernah tiba tetapi sentiasa bersama kita, ia tidak diketahui tetapi ada perkara yang kita tahu - menjadikannya unik, kiasan dan subjek kajian yang sangat penting.”

Ziauddin Sardar, *Future: What Matters*, halaman 6

MADANI untuk Malaysia Pasca-COVID

Kekangan Konvensional

Tatkala beberapa individu di Wilayah Hubei, China dijangkiti virus SARS-CoV-2 pada Tahun Baharu 2020, seluruh dunia ikut gempar dan hasilnya kita mula memberi tumpuan untuk menghadapi sebuah pandemik berskala global. Hampir tiap negara miliki rencana buat menghadapi wabak ini, terutamanya kita di Asia Tenggara, di mana pengalaman berdepan wabak SARS yang pernah menggoncang ranah ini pada tahun 2003, masih segar dalam ingatan.

Mengimbuai perkembangan negara-negara dasawarsa ini dan menekuni cara pengurusan mereka, maka dirumuskan dua angkubah utama sebagai punca kegagalan dasar yang akhirnya mengakibatkan penularan COVID-19 dengan pantas sehingga meragut nyawa.

Pertamanya, kealpaan untuk menyedari betapa pantasnyanya sebutir virus kecil mampu tersebar, dan diparahkan lagi dengan kelembaban pentadbiran dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan.

Keduanya, kegagalan dalam memahami bahawa virus SARS-CoV-2 berkemungkinan mampu bertindak berbeda ketimbang virus-virus sebelum ini seperti kemampuannya untuk bermutasi dengan begitu cepat, serta ketidakupayaan kita untuk bertindak balas terhadap ketidaktentuan yang tinggi terkait cara penularannya, dampak serta rawatan yang berkaitan COVID-19.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Kegagalan membekalkan sektor kesihatan awam dengan data yang sememangnya diperlukan menjadi punca kepada ketidaksediaan kita, diparahkan lagi dengan potongan peruntukan belanjawan untuk sistem kesihatan beberapa tahun sebelum pandemik meletus.

Tidak lama setelah beberapa siri perebak utama (*superspreader*) tercetus, sistem kesihatan hampir di semua negara kian lumpuh. Sesetengah kerajaan juga hampir tidak berupaya menghadapi tekanan dan ketidaktentuan dari serangan wabak tersebut.

Pendekatan Kita

Sayugia kita mengambil iktibar penting daripada terjahan COVID-19 ini, bahawa keangkuhan dan kecuaiannya hanya akan membenam kita. Oleh itu, jentera kerajaan harus lekas dipersiap untuk menjadi lebih cekap, mampu beradaptasi dengan pantas serta terbuka untuk belajar daripada kesilapan.

Harus kita ingat bahawa pengajaran penting daripada episod COVID-19 ini adalah bagi setiap kesukaran yang cuba menghambat kita, kita akan harunginya bersama. Tidak hanya penglibatan seluruh anggota masyarakat yang diperlukan untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan kita, tetapi juga kesiapsiagaan dalam aspek pemulihan serta kebangkitan dari musibah yang baru surut.

Kemajmukan masyarakat serta kerencaman sejarah kita merupakan kekuatan kita yang paling ampuh. Justeru setiap rakyat dari pelbagai lapisan, lapangan dan kemahiran harus berganding bahu membendung kemelut yang mencengkam negara. Sikap keprihatinan dan kebersamaan yang ditonjolkan semasa pandemik adalah kisah kejayaan yang harus kita sematkan selalu di sanubari.

Pengedaran kelengkapan perlindungan diri (PPE) dan keperluan lain kepada petugas kesihatan, serta kerjasama antarabangsa dalam pembangunan vaksin merupakan antara pencapaian bermakna kita. Ia hanya dimungkinkan apabila tradisi yang usang disingkirkan, kerana tiada yang mampu dicapai selagimana kita terus berpaut dengan sikap-sikap lapuk.

MADANI UNTUK MALAYSIA PASCA COVID

Malangnya di negara kita, usaha untuk membendung penularan wabak ternyata gagal kerana kelembaban kerajaan lama, komunikasi yang lemah dan mengelirukan, serta pendekatan bertindak balas yang hanya menaikkan amarah dan ketidakpercayaan rakyat. Tentunya ia membenih seribu satu masalah lain yang membebankan rakyat. Rakyat dipukau dengan slogan 'norma baharu' waima negara masih terperuk dalam sikap yang lama.

Rencana pemulihan yang dilaksanakan juga setakat ini belum menunjukkan keberhasilan dan pemulihan yang mampan. Pendekatan MADANI terhadap Pemulihan Pandemik dan Kesiapsiagaan Masa Hadapan akan mengambil kira aspek ini serta pengajaran dari pandemik COVID-19, pada masa yang sama menyedari kesilapan lalu dengan tekad untuk memperbaikinya agar kita mampu bergerak ke depan dengan lebih yakin.

“Sikap kita yang lepas yang telah memungkinkan musibah ini. Bagi menampai dampak pandemik pada masa hadapan yang hampir pasti akan kembali, kita HARUS menolak segala sikap dan budaya lalu yang telah menggagalkan kita. Kita mesti mencipta sesuatu yang lebih baik.”

Ed Yong, wartawan sains akhbar The Atlantic (September 2020)

Masyarakat dan Kawasan Sasaran

Kita belum pulih sepenuhnya. Membangun semula Malaysia pasca-COVID justeru memerlukan anjakan masyarakat secara menyeluruh. Kendati begitu, untuk memungkinkan keberhasilannya, adalah penting untuk dasar kita menyasarkan segmen masyarakat dan kawasan utama yang telah dikenal pasti.

Kementerian Kesihatan boleh sahaja diarahkan untuk mengambil tanggungjawab yang sewajarnya, namun kementerian lain juga sebahagian daripada penyelesaian dan memainkan peranan yang penting. Justeru koordinasi rentas kementerian untuk memulihkan negara secara berkesan adalah penting, juga sebagai persiapan menghadapi pelbagai gangguan atau hambatan yang mendatang.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Dasar kita harus memberikan keutamaan terhadap para pengamal perubatan dan para petugas barisan hadapan umumnya, serta merangkumi institusi pengajian, buruh asing dan rakyat yang terpinggir. Oleh itu dalam usaha kita menyusun dasar, adalah penting untuk memastikan kebajikan rakyat sebagai prinsip keutamaan kita agar peralihan dari trauma pandemik yang lalu berhasil dengan baik.

Mencorak Dasar

Ternyata pandemik COVID-19 tidak hanya mengesankan Malaysia, tetapi juga sejagatraya. Sebagai sebuah kerangka yang holistik, MADANI akan diterjemahkan kepada dasar yang berkesan buat sasaran masyarakat dan kawasan yang dinyatakan di atas untuk memungkinkan pemulihan yang menyeluruh. Segala iktibar daripada pandemik akan disisip dalam ingatan agar kita lebih bersedia pada masa hadapan.

Ekonomi dan Kewangan

Sektor ekonomi merupakan tunjang kepada mutu kesihatan negara, terutama saat dirundung musibah dan wabak. Banyak kelemahan berdasarkan pengurusan semasa yang menjadi peluang untuk diperbaiki.

Pertamanya, dasar terkait wang pencen, dana luar jangka, faedah serta wang simpanan harus difikirkan semula secara menyeluruh agar kita lebih bersedia menghadapi pelbagai kemelut wabak yang akan datang. Tabung atau skim yang mampan untuk rakyat harus ditambah, sementara bank-bank dan lapangan perniagaan perlu bersikap lebih prihatin dan punyai belas ihsan, terutamanya dalam berurusan dengan pelanggan pada waktu kemelut dan ketidaktentuan.

Moratorium pinjaman, lanjutan kredit, dan pelbagai dasar yang mengurangkan beban rakyat harus dipertimbang dengan serius, sambil menyeimbangkan antara kerugian dan risiko. Potensi daya cipta Malaysia yang besar harus dimanfaatkan untuk mempertingkatkan aliran tunai dan kuasa membeli rakyat pada saat-saat penjarakkan sosial dikuat kuasa, namun harus merangkumi mereka yang tidak mempunyai akses kepada teknologi dan menjamin tiada seorang pun

yang terpinggir, terutamanya warga asing, masyarakat desa, golongan berusia atau yang berpenyakit.

Kesemua inovasi yang terhalang kerana kekangan PKP dan SOP pandemik yang berpanjangan perlu dikaji semula dan ditambahbaik serta diganti dengan wasilah berteraskan MADANI. Dasar-dasar ekonomi dan kewangan yang kita akan bangunkan juga kini sangat penting terutamanya dalam menampunkan impak musibah pada masa hadapan, melindungi kesejahteraan rakyat dan memastikan tahap keyakinan rakyat tidak lagi dirobek.

Perundangan

Dalam upaya untuk membendung dan melawan penularan wabak COVID-19, pengorbanan perlu dilakukan terutamanya dalam aspek demokrasi berparlimen di Malaysia. Tahap keyakinan rakyat merosot, sementara kesejahteraan mereka dinafikan dalam langkah yang dilihat menekan kebebasan menggunakan undang-undang yang zalim dan lapuk sehingga membenih masalah-masalah lain. Para penggubal dasar dan institusi kehakiman harus selangkah dalam membina satu pendekatan yang baharu buat menyeimbangkan antara kebebasan rakyat dan perlindungan buat mereka. Demikian amanah murni yang dituntut oleh keadilan.

Dalam proses ini, budaya perundangan baharu yang mencakupi aspek ihsan dan rahmah, nilai hormat serta kesejahteraan mesti diizharkan. Terma-terma perundangan haruslah dijelaskan dengan baik dan tidak mengelirukan agar keyakinan rakyat kepada sistem undang-undang bertunas kembali lantak menjamin kestabilan. Hak-hak perundangan, terutamanya berkenaan data, alam sekitar dan kesihatan perlu dikaji dan dikembangkan.

Kerangka MADANI harus menjadi garis panduan untuk menampung kelompongknan yang wujud dalam sistem perundangan kita yang telah membenarkan segelintir elit politik dan bangsawan meraih manfaat darinya, sementara kesengsaraan rakyat bertambah, diparahkan lagi dengan dampak daripada kerosakan alam sekitar dan kebobrokan politik yang mengesankan semua, terutamanya yang miskin dan melarat.

Institusi

Dasar pasca-COVID harus memanfaatkan kekuatan institusi negara dan mempersiap ia untuk penyerapan dalam jaringan yang lebih meluas. Institusi kita harus menumpukan kepada kekuatan serta menyedari kelemahan agar jalinan kerjasama dapat dilakukan dengan institusi lain dalam negara, dalam usaha meningkatkan keyakinan rakyat serta memastikan kemampunan dasar.

Pengqadiman masa hadapan, seperti juga analitik data harus dibina dalam institusi kita agar lebih bersedia beradaptasi dengan kepesatan transformasi sosial dan teknologi. Ihsan, seperti juga rasa hormat, harus dijadikan prinsip panduan bagi membina kepercayaan di antara masyarakat dan institusi. Ia bertujuan membolehkan institusi memberikan khidmat yang lebih baik kepada masyarakat - membentuk ekosistem yang lebih harmoni dan menjadikan kita lebih berdaya tahan dalam menghadapi krisis masa hadapan. Keyakinan terhadap kumpulan pakar perlu dipulihkan.

Perubahan yang tercetus dari pandemik COVID-19 akan membuahkan hasil dari pendekatan pelbagai hala, melibatkan perbincangan di peringkat kebangsaan terkait penerapan MADANI ke dalam institusi kita, dengan institusi sendiri berperanan dengan cara khusus mereka sendiri, yang kita percaya boleh membangunkan kita dari pandemik dalam cara yang lebih mampan berdasarkan keyakinan bersama.

Pendidikan

Pandemik ini telah mendedahkan pekung-pekung yang telah sekian lama ditutup dalam sistem pendidikan kita, di samping menzahirkan kelemahan yang baharu. Generasi muda kita tidak mendewasa dengan mudah. Mereka mengalami gangguan sepanjang fasa pendidikan mereka, yang tentunya memberi kesan di kemudian hari.

MADANI dirangka dengan tujuan menyelesaikan gangguan-gangguan ini, yang telah menghinggapi sistem pendidikan kita sejak sekian lama: pemberian biasiswa yang diselewengkan, tenaga pengajar yang tidak kompeten, kemudahan lapuk dan mendatangkan bahaya, kesenjangan teknologi digital, pemeriksaan yang mengaibkan buat pelajar perempuan dan sebagainya.

Tambahan pula, pembaharuan kurikulum yang telah lama tertanggung seperti penekanan terhadap sejarah, pembelajaran bahasa, pemansuhan bidang yang ketinggalan zaman, kaedah pengajaran kuno, kemahiran mengajar yang rendah, keperluan lain bagi menghadapi revolusi teknologi digital, turut menjejaskan masa hadapan kita. Tumpuan kita, selain bersedia menghadapi wabak dan menaik taraf infrastruktur persekolahan yang uzur, adalah merangka program yang inovatif bagi memastikan mereka yang ketinggalan dek kerana pandemik dan kesusahan, dapat kembali belajar seperti sediakala.

Anjakan kebudayaan yang diharapkan dapat berlaku di Malaysia pasca-COVID harus bermula dari dalam bilik darjah, dan MADANI menawarkan kerangka dasar bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang prihatin, bertimbang rasa serta saling menghormati. Mengembalikan dunia pendidikan ke landasan yang sebetulnya akan menjamin kejayaan dan kesejahteraan pada masa hadapan, bahkan mampu menjadi contoh buat mereformasi bidang lain untuk memacu negara dan mengangkat martabat rakyat.

Kemasyarakatan

Pandemik ini ternyata telah melemahkan ikatan sosial kita. Kita harus memahami kekusaran baharu yang timbul di samping kekusaran sedia ada untuk menentukan haluan buat membina semula negara. Dasar-dasar MADANI yang menggalakkan dialog dan polilog akan membantu kita melangkaui isu-isu semasa dan membangunkan pendekatan inovatif untuk menyatupadukan rakyat untuk hidup dalam kemajmukan secara damai.

Perbedaan kaum, etnik, agama dan cara hidup harus menjadi mauduk perbincangan yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman serta merapatkan saf kita. Pada masa yang sama perhatian harus diberikan kepada kesihatan mental dan keperluan individu saat mereka dirundung detik-detik yang meresahkan, yang turut berpunca daripada dasar yang mengelirukan.

Kini tatkala masyarakat kembali menyesuaikan diri dengan pertemuan secara fizikal, adakah pengajaran sewajarnya telah diambil terkait kesihatan awam dan bagaimana untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang ada kepedulian, yang saling menghormati, yang

MEMBANGUN NEGARA MADANI

bersikap ihsan, yang dipercayai, serta mampu menyeimbangkan antara manusia dan alam sekitar, zaman semasa dan sejarah lampau. Persoalan-persoalan ini perlu menjadi panduan kepada dasar yang lebih mampan buat mewujudkan kesejahteraan rakyat.

Kebudayaan

Sebagai sebuah rangka yang sentiasa mendorong kepada pembaharuan, MADANI juga memberi pertimbangan khusus terhadap sejarah dan budaya kita. Tentunya keanekaragaman budaya Malaysia yang unik dengan kedua-dua sifat positif dan negatifnya harus kita teliti bagi melihat bagaimana ia mampu membantu negara untuk bangkit dengan lenih yakin selepas pandemik.

Kebijaksanaan asal dan petua orang terdahulu yang bermanfaat demi agenda kita juga mempunyai ruang untuk diberikan peranan dalam pembinaan semula negara ini. Yang demikian agar kita memanfaatkan segala idea dan kearifan tempatan serta tidak menyalahgunakan, sama ada secara sengaja atau tidak, butiran-butiran hikmah yang unggul dan bermakna.

Galakan penglibatan dan pertukaran kebudayaan oleh semua pihak tentunya memenuhi hasrat MADANI untuk mewujudkan kesepaduan sosial yang lebih besar, juga meruntuhkan halangan kepada keyakinan dan rasa hormat, serta membuka ruang baharu untuk menyuburkan sikap ihsan dan kasih sayang.

Bandar

Pandemik ini juga telah menzahirkan kelemahan dalam kehidupan bandar. Hampir semua bekalan yang diperlukan untuk kehidupan bandar terputus dek sekatan yang dikuatkuasa untuk membendung wabak.

Kemakmuran yang dijanjikan di bandar lesap apabila ribuan perniagaan terpaksa gulung tikar pada saat ekonomi menguncup. Dasar-dasar pasca-COVID harus mampu merubah suasana bandar yang seakan terkurung semasa wabak, kepada sebuah ruang yang menjanjikan peluang, yakni tujuan asal sebuah bandar yang mampan.

Ketidaksamarataan dan segala bentuk halangan sosial yang dibentuk oleh perancangan bandar sebelum ini harus difikirkan semula dan diatasi. Harus ada kesedaran yang lebih tinggi terhadap amanah

manusia untuk memelihara alam serta penghargaan sewajarnya terhadap ruang yang terbuka agar pergerakan yang menghubungkan antara masyarakat lebih lancar. Matlamatnya adalah untuk memastikan suasana kehidupan bandar dapat dirasai walau di mana mereka berada.

Luar Bandar

Tatkala negara melalui fasa berkurung semasa PKP, kawasan desa dan pedalaman nyata terpinggir dan seakan dilupakan, menjadikan jurang antara bandar dan luar bandar kian melebar. Ramai yang terpisah dengan keluarga mereka di bandar, serta tidak mendapat akses yang sama kepada bekalan yang disalurkan ke bandar-bandar besar.

Dasar MADANI akan memberi tumpuan kepada kesenjangan ini dan bermatlamat membina semula keyakinan yang telah luntur dengan cara menyediakan dan menaik taraf infrastruktur yang diperlukan di luar bandar bagi memperkasa masyarakat luar bandar. Teknologi dan infrastruktur terkini tentunya mustahak bagi tujuan ini. Sementara itu, hubungan di antara kawasan luar bandar dengan bandar perlu dipesatkan supaya halangan seperti pandemik tidak sesekali lagi melebarkan jurang dalam kalangan masyarakat.

Kemampuan dan daya cipta mampu memacu pengubahsuaian kawasan luar bandar dan melengkapkan semua keperluan semasa di samping mengekalkan tradisi, identiti, dan budaya mereka.

Kesihatan

Kepincangan paling nyata yang dizahirkan oleh COVID-19 adalah pada sistem kesihatan negara. Jelas bahawa sektor kesihatan kita masih belum bersedia sepenuhnya untuk berhadapan dengan pandemik. Hampir semua infrastruktur dan kemudahan kesihatan, di samping para perawat dan petugas yang pada kebiasaannya berperanan memastikan kesihatan rakyat Malaysia terjaga, mengalami tekanan.

Dasar MADANI untuk era pasca-COVID telah dibentuk dengan tujuan melaksanakan perubahan yang menyeluruh kepada sistem penjagaan kesihatan. Tentunya perubahan ini melibatkan rombakan struktur yang menyeluruh dan tidak mungkin dapat dilaksanakan dalam

MEMBANGUN NEGARA MADANI

tempoh semalaman. Reformasi memerlukan dapatan dan kerjasama seluruh rakyat untuk dijayakan. Segala infrastruktur seperti hospital, klinik kesihatan, pusat penyelidikan, pusat pendidikan, dan bangunan kesihatan awam perlu dinilai semula agar mampu beradaptasi dengan perubahan masa hadapan.

Golongan profesional kesihatan harus diberi penghormatan dan ganjaran yang sewajarnya atas pengorbanan dan jasa mereka kepada negara. Tahap kecelesikan rakyat mengenai penjagaan kebersihan dan prosedur kesihatan awam kini semakin baik dan boleh terus ditingkatkan. Semangat daya cipta dan keusahawanan rakyat Malaysia perlu menjadi pemangkin dalam bidang kesihatan dan sektor-sektor lain. Adapun kealpaan terhadap kesihatan mental, kesejahteraan dan cara hidup yang sihat haruslah segera ditangani.

Matlamat MADANI bukan semata mempersiapkan sektor kesihatan buat menghadapi pandemik mendatang, tetapi juga untuk sebarang kemelut, di samping melonjakkan prestasi sektor kesihatan kita agar diperakui di peringkat antarabangsa dan mempersiapkan rakyat agar bersedia menghadapi krisis pada masa akan datang.

“Yang dikatakan tuah itu bukanlah satu strategi. Dunia bahkan harus bersedia untuk menghadapi pandemik yang baharu**”**

Andy Plump, Presiden Penyelidikan dan Pembangunan di Farmaseutikal Takeda dan Pengasas bersama Gabungan R&D COVID, 18 Mei 2021

Dimensi Pasca Normal

Antara faktor kegagalan terbesar kedua-dua kerajaan Perikatan Nasional dan Barisan Nasional dalam pengurusan bencana pandemik COVID-19 adalah lantaran kurangnya kesedaran terhadap dimensi pasca normal.

Fasa-fasa peralihan dalam zaman pasca normal memerlukan manhaj berfikir yang baharu serta pelaksanaan dasar yang tuntas dan fleksibel, yang menggunakan pendekatan berfikir beberapa langkah ke hadapan. Perlu juga difahami bahawa krisis yang rumit tidak mampu diselesaikan dalam sekelip mata.

Kerangka dasar MADANI bermatlamat untuk menyediakan garis panduan asas bagi menangani krisis yang sedang dan akan berlaku. Ia tentunya mengambil kira faktor perubahan pesat di samping perubahan secara semula jadi.

Kerumitan

Antara intipati penting dalam pendekatan MADANI tatkala menghadapi zaman pasca normal adalah menyedari bahawa kerumitan kini merupakan sebahagian daripada kebiasaan, dan kita telah terkhilaf saat cuba untuk meringkaskannya.

Kerumitan tidak mungkin ditangani dengan penyelesaian yang dangkal. Masalah yang rumit memerlukan penyelesaian yang rumit. Angkubah akan berubah, dan jika fenomena kerumitan ini tidak difahami, dasar yang bakal kita gubal akan tersasar. Kini, bukan sahaja isu yang kian menjadi semakin rumit, tetapi juga masyarakat kita, keluarga dan kehidupan seharian kita, serta kedudukan Malaysia sendiri sama ada di rantau ini dan di peringkat antarabangsa.

Dasar pasca-COVID harus berupaya menghadapi kenyataan semasa yang begitu rumit. Justeru, dasar pasca-COVID harus melibatkan kerjasama antara pemegang taruh dan sektor berbeda dengan mengambil kira segala perubahan yang pesat berlaku. Dasar tersebut akan menawarkan beberapa pilihan, dengan beberapa faktor diberi keutamaan. Paling penting, penyesuaian segera perlu dilakukan agar dasar ini boleh diselaras dan diubah.

Percanggahan

Pandemik ini telah menzahirkan kepada kita keragaman percanggahan yang harus ditangani dalam sistem, masyarakat dan institusi. Percanggahan ini tidak boleh dirungkai, sebaliknya harus dilangkau. Dasar pasca-COVID memerlukan penelitian semula terhadap tatacara, prosedur dan undang-undang yang dilihat meningkatkan percanggahan atau bercanggah sesama mereka.

Analisa MADANI membantu dalam menzahirkan percanggahan yang selama ini mungkin diabaikan ekoran pertembungan antara

MEMBANGUN NEGARA MADANI

kemodenan dan kebudayaan, kemajuan dan pertumbuhan, kemampunan alam sekitar dan pembangunan, termasuk percanggahan yang wujud dalam demokrasi, kapitalisme dan pelbagai slogan politik.

Retorik kerajaan kepada rakyat misalannya, “percayalah kami tuan-tuan dan puan-puan” sering menimbulkan fikiran yang bertentangan. Normal baharu yang sedang dibudayakan kini pula pada hakikatnya adalah pengembalian kepada normal lama, yang dalam banyak keadaan, merupakan kunci kepada deretan masalah yang sedang kita hadapi sekarang.

Kekacauan

Kekacauan merupakan gangguan yang memberi kesan terhadap perancangan mana-mana kerajaan pada zaman ini. Kesedaran terhadap fenomena pasca normal justeru mendorong ke arah mengurangkan elemen kekacauan (dengan kesedaran bahawa ia tidak mungkin dapat diatasi sepenuhnya), pada masa yang sama menumpukan usaha buat merungkai kerumitan dan melangkaui percanggahan.

Melalui dasar pasca-COVID ini, kerajaan menerusi sektor kesihatan dan pendidikan, serta badan-badan perniagaan dan rakyat jelata akan lebih bersedia untuk berhadapan dengan kekacauan, bersama-sama menerajui masa hadapan Malaysia dalam dimensi pasca normal.

Keserentakan

Pandemik COVID-19 turut memaparkan contoh senario terburuk bagi keserentakan peristiwa, terutamanya krisis, tatkala Malaysia diasak secara serentak oleh kemelut politik, ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Dasar pasca-COVID dalam kerangka MADANI memberi kita suatu kelebihan untuk berhadapan dengan keserentakan peristiwa di samping membina gerak kerja yang mampu beroperasi serentak merentasi sektor dan masyarakat. Komunikasi dan koordinasi yang cekap dan berkesan antara pelbagai pihak akan membantu gerak kerja secara serentak. Tatakelola yang baik dan kepimpinan yang tuntas adalah penting untuk mengemudi negara pada zaman pasca normal.

Masa Hadapan dan Perubahan

Dasar semasa yang konvensional hanya menjadikan sejarah dan masa silam sebagai rujukan, sementara MADANI menjadikan masa hadapan sebagai asas dan sedia menerima perubahan. Dasar pasca-COVID di Malaysia akan menerapkan kaedah masa hadapan beserta analisis untuk membentuk dan melaksanakan pemulihan yang mampan serta membangun jangkaan untuk masalah mendatang.

Justeru kita harus memantau corak perkembangan di peringkat global, menjangka isu yang berkemungkinan akan timbul serta melakar senario kemelut kesihatan dan krisis lain yang berpotensi untuk berlaku di negara kita atau di tempat lain. Kajian masa hadapan juga haruslah diinstitusikan dalam kerajaan dan pelbagai sektor bagi mencapai matlamat MADANI serta mengikhtiarkan penyelesaian yang lebih baik bagi pelbagai masalah.

Pemantauan

Pemantauan gerak kerja pasca-COVID menjadi sangat penting, namun harus dilakukan dengan penuh hormat dan adab. Kita perlukan cara yang lebih santun dan beretika untuk mengumpul data, melindungi data tersebut dan membentuk suatu budaya dan masyarakat yang memiliki kesedaran terhadap data raya dan nilai komoditi yang dimilikinya.

Banyak data yang telah dikumpulkan semasa pandemik yang perlu dipertanggungjawabkan, dilindungi daripada digunakan sewenang-wenangnya oleh konglomerat elit yang rasuah di Malaysia atau di luar. Kaedah lapuk dalam melapor dan menerima maklum balas haruslah diperbaharui agar dasar MADANI menatijahkan kemajuan yang diharapkan.

Institusi Pemberdayaan

Usaha kita untuk menggusur negara keluar daripada kancah berdampak COVID-19 ini memerlukan suatu anjakan yang besar. Perubahan ini harus mengambil kira kesilapan yang dilakukan oleh dua buah kerajaan gagal sebelum ini, serta menyedari keberadaan kita yang kini dalam ruang pasca normal, dan penghayatan terhadap kerangka MADANI.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Dasar-dasar yang digariskan di bawah menjadi garis panduan untuk membangunkan pendekatan baharu demi negara tercinta.

Pertama, kita haruslah tamatkan segala dasar yang keliru dan membingungkan rakyat semasa menghadapi pandemik yang lepas. Penjelasan terkait kedudukan kesihatan semasa rakyat, segala bentuk prosedur dan peluang harus terang dan jelas. Ini termasuk kandungan yang mendidik rakyat agar lebih bersedia berdepan dengan kemelut kesihatan pada masa hadapan. Atas prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban, aplikasi MySejahtera harus diaudit secara menyeluruh untuk memastikan tiada mudarat yang tersembunyi, dan data peribadi yang dikumpul itu selamat bawah pemilikan rakyat dan kerajaan.

Satu Suruhanjaya Siasatan Diraja terkait pandemik COVID-19, PKP, pengisytiharan darurat, penguatkuasaan undang-undang pandemik (seperti Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988), laporan penyalahgunaan, serta tindakan kementerian terbabit dan termasuk oleh Pejabat Perdana Menteri berhubung pandemik akan ditubuhkan. Suruhanjaya ini akan bertanggungjawab untuk mencadangkan perubahan yang perlu dilakukan serta kesilapan yang harus diperbetul agar kerajaan dan Parlimen memiliki laporan terperinci untuk diteliti.

Seiring dengan siasatan ini, kita juga akan melancarkan audit terhadap sistem penjagaan kesihatan awam oleh pihak ketiga untuk mengenal pasti apakah wujud elemen rasuah dalam proses pemerolehan dan peruntukan untuk program vaksinasi kebangsaan. Di samping melaksanakan apa yang disyorkan oleh badan audit, Kementerian Kesihatan juga akan ditugaskan untuk meneliti semula segala kemudahan penjagaan kesihatan di seluruh Malaysia, menilai keperluan pembangunan infrastruktur kesihatan serta menangani kesenjangan nisbah antara hospital dengan penduduk.

Usul juga akan dibawa ke Parlimen untuk mencadangkan pengurangan risiko kesihatan seperti merokok, peraturan makanan dan produk pengguna buat rakyat Malaysia. Suatu sistem peringatan atau panduan juga akan dibangunkan agar rakyat berwaspada terhadap potensi masalah kesihatan, mengetahui prosedur yang disyorkan, serta cara untuk mendapatkan bantuan sekiranya mengalami sebarang gejala atau penyakit.

MADANI UNTUK MALAYSIA PASCA COVID

Adalah suatu kewajiban untuk membangunkan satu kaedah bagi menangani peningkatan pergerakan melalui penubuhan klinik kecemasan serta pusat kesihatan segera di seluruh Malaysia di samping menyediakan lebih banyak klinik kesihatan bergerak untuk membekalkan rawatan ke lokasi terpencil secara lebih rutin. Kerjasama dengan syarikat tempatan untuk menggalakkan daya cipta dan inovasi buat mempromosikan kesihatan awam terkini, mendanai usaha ini serta menimbulkan kesedaran adalah penting.

Sebagai iktibar daripada pandemik COVID-19 juga kita harus segera menubuhkan Institut Epidemiologi Malaysia untuk mendorong penyelidikan ke atas pelbagai jenis penyakit berjangkit serta rawatannya yang sesuai, di samping membangunkan vaksin tempatan dan mengharumkan nama Malaysia dalam bidang ini. Untuk menangani isu kesihatan mental yang terselindung sewaktu pandemik, suatu badan Institut Kesihatan Mental Malaysia akan ditubuhkan dan pembiayaan untuk membangunkannya didapatkan.

Bagi menangani kesan sekunder daripada pandemik ini, termasuklah masa persekolahan yang telah terbuang, Kementerian Pendidikan akan diarahkan untuk membentuk satu pasukan petugas khas bagi menangani isu generasi yang hilang serta mengesyorkan tindakan sewajarnya untuk menebus pendidikan yang tergendala. Dalam soal pelancongan, kita akan berunding dengan pihak keselamatan negara serantau dan global untuk meningkatkan jumlah penerbangan dan pelancongan ke Malaysia.

Insentif juga akan disuntik ke dalam sektor pelancongan dan program peralihan untuk menggalakkan pembukaan semula sektor pekerjaan dan membantu mereka kembali bekerja. Sebagai antara usaha penghargaan, suatu hari yang disebut sebagai Hari Menghargai Petugas Barisan Hadapan dan Buruh Utama akan diadakan. Kajian juga akan dilakukan untuk meningkatkan kebajikan buat para petugas barisan hadapan, buruh utama, serta seluruh petugas bidang perubatan dan penjagaan kesihatan.

Bagi memperkasakan status pemegang taruh di seluruh Malaysia, kita akan mengumumkan insentif cukai untuk pengubahsuaian institusi dan pembaharuan untuk menggalakkan pendekatan dari bawah ke atas untuk menjadikan Malaysia lebih peka dan patuh

MEMBANGUN NEGARA MADANI

terhadap kesihatan awam, mengimbangi kerja rumah dan pejabat, dan menggalakkan rasa hormat terhadap kesihatan akal dan jasmani. Kami juga akan bekerjasama dengan institusi kewangan dan pemimpin perniagaan dan masyarakat untuk membangunkan pendekatan jangka panjang terhadap krisis hutang yang belum selesai di Malaysia dan menghapuskan hutang terakru yang tidak adil dan membangunkan strategi untuk individu dan keluarga agar keluar dari perangkap hutang, mendapatkan dana dan bantuan untuk mengurangkan hutang B40 dan membina kekuatan kewangan mereka.

Usaha untuk segera bangkit daripada pandemik ini mensyaratkan satu penyediaan dana bantuan kecemasan yang baharu serta penyediaan sistem penyimpanan stok yang lebih baik untuk menyimpan makanan, barangan keperluan, PPE dan keperluan lain sekiranya berlaku pandemik pada masa hadapan. Suatu pelan pengagihan segera akan disediakan untuk digunakan sewaktu pandemik, sementara suatu strategi perolehan daripada rakan saudagar bagi menampai segala gangguan yang bakal timbul akan dirundingkan. Secara keseluruhan, adalah penting untuk mengemas kini pelan kebangsaan bagi kesiapsiagaan di waktu kecemasan, yang boleh dirubah sesuai dengan keperluan, mampu menyanggupi kerumitan dan menangani keserentakan kemelut yang berlaku.

Dasar-dasar ini berfungsi sebagai papan anjal untuk penglibatan yang lebih besar dan terangkum dalam pembuatan keputusan, didorongi oleh semangat demokrasi. Ia menandakan berakhirnya era 'tunggu dan lihat,' atau 'percayalah tuan-tuan dan puan-puan,' dan bermulanya era baharu politik berasaskan kerangka MADANI. Dengan itu, kita sebenarnya telah mempersiapkan rakyat dan negara untuk menghadapi segala kemungkinan yang bakal tersedia

“Memahami itu sulit. Namun dengan kefahaman, tindakan menjadi mudah.”

Sun Yat Sen, Bapa Bangsa Cina.

Dasar MADANI buat Menangani Masalah Kos Sara Hidup

“Rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan lokasi geografi perlu yakin tanpa sebarang keraguan bahawa mereka sentiasa mempunyai ruang di bawah lembayung mentari Malaysia.”

Sultan Nazrin Shah, Perbincangan Meja Bulat, Generasi Muda Malaysia, Perpaduan dan Pembangunan Kebangsaan Malaysia, 2007.

Kekangan Konvensional

Kemelut ekonomi yang dialami terkait kos sara hidup, inflasi dan keselamatan bekalan makanan, adalah natijah dari kelemahan kaedah konvensional dalam menangani isu-isu tersebut. Ia juga merupakan dampak daripada sikap tamak haloba, kebejatan rasuah dan kegagalan sepenuhnya oleh pihak kerajaan untuk melihat ke masa hadapan.

Tatkala ini, kerajaan hanya bertindak apabila masalah kian mencengkam, dengan meniru kebijaksanaan kaedah konvensional orang lain, menyibukkan diri dengan usaha untuk menyelesaikan masalah yang telah berlaku, atau lebih bagus sedikit, masalah yang sedang dihadapi kini. Walhal kita harus menjadi pro-aktif, bertindak berdasarkan jangkaan dan berpandangan jauh sebelum timbulnya masalah.

Kaedah konvensional telah mendorong banyak negara untuk mengambil pendekatan dan pemikiran keterasinganisme dan perlindunganisme. Namun tiada siapa yang mampu bermandiri tanpa dibantu. Kita bukan sahaja perlu menghargai wujudnya jaringan hubungan antara negara, tetapi juga memahami kerumitan berlipat

MEMBANGUN NEGARA MADANI

kali ganda yang telah melahirkan sebuah ekosistem yang huru-hara dan sarat dengan percanggahan – sama ada yang diabaikan atau yang tidak kelihatan.

Tahap pemikiran yang baharu diperlukan untuk mengatasi sejumlah krisis yang saling berkaitan termasuklah krisis kos sara hidup, inflasi dan keselamatan bekalan makanan. Gabungan krisis ini memberi dampak buruk kepada rakyat terbanyak, melemahkan prestasi kewangan, serta meningkatkan masalah sosial yang jika tidak ditangani akan mengancam masa hadapan negara kita.

Pendekatan Kita

Pendekatan kita untuk isu ini terhasil daripada kaedah yang sangat sederhana. Namun ia tidak sama dengan percubaan mempermudah isu dengan cara menguraikan masalah yang besar kepada jujuk yang lebih kecil. Masalah yang kita hadapi dalam menetapkan hala tuju Malaysia ke arah masa hadapan yang lebih makmur, adalah kompleks dan memerlukan penyelesaian yang rumit.

Oleh itu, pemikiran kita harus kekal kompleks dengan penuh kesedaran terhadap kerumitan tugas yang sedang kita pikul. Kembalinya kita kepada prinsip asas ekonomi dan juga visi asas akan menjadikan keadaan keselamatan bekalan makanan, inflasi, dan kos sara hidup bertambah baik. Pendekatan MADANI juga menyeru kepada pengukuhan keseimbangan – khususnya dalam mengelakkan perubahan dan tindak balas yang radikal – serta keprihatinan dimensi kemanusiaan terutamanya yang diterjemahkan melalui ekonomi manusiawi.

Perancangan yang lemah justeru membawa kepada penyelesaian separuh masak dan berjangka masa pendek dan segera, namun kini kita harus mengimbangi penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang bagi melenyapkan penderitaan di samping membina masa hadapan yang lebih maju dan selesa.

Masyarakat dan Kawasan Sasaran

Sama seperti pendekatan MADANI untuk Malaysia pasca-COVID, sasaran yang dinyatakan di sini akan mencapah agar melibatkan masyarakat secara keseluruhannya.

MADANI BUAT MENANGANI MASALAH KOS SARA HIDUP

Oleh itu, semua kementerian dalam kerajaan harus memandang serius terhadap kemelut ekonomi yang dikupas di sini dan memainkan peranan bagi mengikhtiarkan penyelesaian yang sesuai. Yang harus diutamakan oleh dasar kita dalam menangani masalah kos sara hidup golongan rentan dan miskin tegar yang paling terkesan dengan dampaknya.

Golongan kelas pertengahan di Malaysia yang mudah tergelincir kepada status miskin juga perlu diberi perhatian berseiringan masyarakat luar bandar. Ahli perniagaan, petani dan pekebun, orang tengah, buruh di pasar, pembekal dan pengguna kesemuanya haruslah dipertimbangkan secara menyeluruh dalam keseluruhan proses dari ladang ke meja makan. Kita harus mengawasi aktiviti import dan eksport serta menjelaskan peranan Malaysia dalam kerencaman perdagangan antarabangsa.

Mencorak Dasar

Bagi mengatasi kemelut ekonomi yang kian meruncing di Malaysia tatkala ini, yang ternyata menghalang kita daripada pulih sepenuhnya daripada trauma kolektif akibat pandemik baru-baru ini, suatu analisis daripada perspektif MADANI justeru harus mengambil kira pelbagai sudut pandangan dan sarwa pandang daripada sebanyak mungkin lapisan masyarakat.

Dasar yang dilaksanakan berdasarkan kerangka ini harus mengimbangi keperluan rakyat dengan membolehkan watak-watak utama berperanan seoptimum mungkin, pada masa yang sama meneroka silang sektor dan membina momentum yang holistik kepada perubahan.

Ekonomi dan Kewangan

Pendekatan teori dan praktikal terhadap ekonomi dan kewangan semasa harus difikirkan semula dan harus terbuka kepada kerjasama yang melangkaui keterpisahan, serta mendakap daya cipta yang akan membawa kita maju melangkaui tahap keselesaan. Dasar yang dibentuk untuk menangani krisis ekonomi semasa juga berperanan sebagai antara langkah awal dalam pelaksanaan agenda ekonomi manusiawi di Malaysia.

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Penanda dan dasar yang berjaya dicapai akan bergelut pula dengan nilai ihsan, hormat dan keyakinan yang diketengahkan ke dalam sistem ekonomi, beserta takrifan baharu terhadap makna kesejahteraan. Pada masa yang sama, sektor-sektor ini perlu bergerak melangkaui pendekatan tindak balas dan berfikir beberapa langkah ke hadapan, menggaris penyelesaian jangka panjang sambil menjaga keperluan jangka pendek.

Sekiranya kita inginkan pemulihan ekonomi, pendekatan yang lebih mampan dan berdaya cipta tidak dapat dielakkan, dan sektor ini harus memulakan dorongannya terhadap tindakan yang bakal dilaksanakan.

Perundangan

Kebanyakan perangkap yang telah menjerat kita ke dalam kemelut ekonomi sekarang timbul daripada kegagalan dalam penguatkuasaan yang terkait rapat dengan kesejahteraan ekonomi serta perkara lain yang melibatkan kelangsungan negara. Pengamal perundangan harus mengkaji semula dan memansuhkan undang-undang lapuk serta merangka struktur undang-undang yang inovatif bagi mengurangkan kebejatan rasuah yang berleluasa dalam kalangan masyarakat di samping memperkasa kaum petani, nelayan dan orang miskin.

Hukuman dan denda yang lebih berat akan menghindarkan warga kita daripada terjebak dengan amalan rasuah dan eksploitasi. Kutipan denda pula haruslah disalurkan semula kepada mereka yang memerlukan demi kebaikan masyarakat Malaysia. Pendekatan undang-undang baharu yang bertujuan menghasilkan pertanian dan ekonomi kepenggunaan yang mampan haruslah mengambil kira pengurusan dampak, perlindungan alam sekitar serta undang-undang dan kastam antarabangsa.

“Undang-undang harus membangun dan berkembang. Tidak seharusnya kita mempunyai fikiran yang sempit, malah ia harus diluaskan kita dengan mengkaji kes perundangan dalam bidang kuasa undang-undang am yang lain juga. Kemudian diambil yang paling sesuai untuk diterima pakai dalam konteks Malaysia”

Sultan Azlan Shah, Menukar Wajah Penyelidikan Undang-Undang, Pelancaran Rasmi Lawsearch, 1989

Institusi

Pengiraan kalkulus diperlukan untuk mengurai dan menyelesaikan masalah institusi yang angkuh dan rasuah yang kekayaannya telah dieksploitasikan dan membunuh masa hadapan negara. Ada keperluan kita mewujudkan institusi baharu yang bakal mengisi jurang yang ditinggalkan dan menggubal idea segar dengan pendekatan kebangsaan di bidang pertanian dan kepenggunaan bagi mengukuhkan ekonomi kita.

Oleh kerana ekologi institusi berubah secara relatif dengan isu ini, kerjasama rentas dan inter-perlembagaan perlu diwujudkan dengan menggunakan pendekatan bermasyarakat kepada sistem cukai dan pembiayaan yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan di Malaysia. Insitusi sewajarnya memperkasa individu dan memperkenalkan budaya baharu yang mampu mengawal diri, prihatin terhadap alam sekitar dan mendatangkan kebaikan kepada rakyat dan negara.

Pendidikan

Kemelut ekonomi sering diserahkan kepada ahli akademik dengan harapan mereka mampu merungkai masalahnya. Ini sebenarnya seolah-olah meletakkan beban kesusahan rakyat terbanyak ke atas bahu ahli ekonomi, yang diharap mampu menyelamatkan negara. Namun, kedua-dua ahli ekonomi dan akademik secara umumnya menghadapi masalah yang sama; iaitu ketidakrelevanan atau keruntuhan paradigma dominan.

Justeru, kita memerlukan suatu pemikiran baharu terkait ekonomi, yang berasaskan manusiawi, ihsan, pertimbangan yang mampan, memberi tumpuan kepada kerjasama dan bukannya persaingan yang tidak terkawal. Ini seharusnya yang diajar dalam bilik kuliah dan diwacanakan dalam dunia akademik. Kita perlu mendidik soal ekonomi manusiawi dan isu-isu alam sekitar di peringkat pendidikan rendah dan menengah.

Tambahan pula, rangsangan perlu diberikan kepada pihak universiti untuk melibatkan diri dalam penyelidikan pertanian moden dan menambah baik pendidikan kita dengan memperbaharui teknik, kemahiran dan laluan kerjaya ke arah meningkatkan pemikiran dan daya

MEMBANGUN NEGARA MADANI

cipta baharu. Pusat penyelidikan baharu dan institusi perlu mengimbangi campur tangan teknologi dalam kebijaksanaan penduduk tempatan dan pribumi untuk membawa pertanian kita ke tahap potensi yang optimum.

Kemasyarakatan

MADANI mampu pergi lebih jauh melangkaui penyelesaian tradisional kerajaan dan meninggalkan kesan yang berkekalan sekiranya ia didukung oleh tindakan dan pemeraksanaan masyarakat. Langkah harus diambil untuk mendorong masyarakat kepada amalan pemuliharaan dalam kehidupan seharian.

Individu dan kelompok masyarakat harus memainkan peranan masing-masing dalam membersihkan persekitaran, mengurangkan pembaziran dan mengurangkan jejak karbon. Ekonomi manusiawi akan terlaksana dengan adanya masyarakat Malaysia yang mengamalkan nilai ihsan dan saling menghormati dalam kehidupan, di rumah dan di tempat kerja.

Tindakan untuk menambah baik kesepaduan sosial juga akan membina keyakinan terhadap ekonomi Malaysia, yang akhirnya membawa kepada penghakupayaan yang lebih besar kepada rakyat bagi mencapai matlamat ekonomi mereka.

Kebudayaan

Menghayati kehidupan bersama alam sekitar, memandang cakerawala sebagai suatu amanah serta sikap yang tegas terhadap amalan rasuah telah sekian lama menjadi sebahagian daripada budaya bersama merentasi kaum dan agama di Malaysia. Kecenderungan kerjasama ini harus diperluas kepada penggabungan idea inovatif baharu dengan kebijaksanaan tradisi. Keadaan semasa mendesak semua lapisan masyarakat untuk bersatu, dengan masyarakat bandar dan luar bandar juga saling membantu. Budaya kedermawanan serta mengembalikan semula manfaat kepada masyarakat harus dijelmakan dengan nilai ihsan bagi memulakan revolusi ekonomi yang mampan dan bermanfaat buat semua.

MADANI BUAT MENANGANI MASALAH KOS SARA HIDUP

“Istilah ekonomi manusiawi melontarkan cabaran dari sudut teorinya. Apakah asas kepada ekonomi yang manusiawi? Kemudian, adakah ianya ekonomi manusiawi, ekonomi humanistik atau ekonomi humanis?

Ketiga-tiga versi ini kemudiannya ternyata punyai kaitan erat dengan pengalaman sosial, ekonomi, intelektual dan politik Eropah Barat sejak zaman Pencerahan. Cabaran yang sama juga timbul tatkala Anwar memperkenalkan konsep Masyarakat Madani.

Harus juga diingat bahawa selaku ulat buku, pandangan Anwar tidak semata dipengaruhi oleh ulama Islam, tetapi juga oleh pandangan alternatif, dan kadangkala pandangan sarjana radikal Barat yang amat kritikal terhadap ekonomi pasaran bebas kapitalisme.

Penekanan terhadap soal akhlak dan moral, tatakelola yang baik, kepertanggungjawaban, serta bebas daripada segala bentuk eksploitasi dan penyalahgunaan, dengan matlamat utama untuk menegakkan keadilan, itu sangat jelas dalam fasa (awal) Anwar. ”

Mohamad Aslam Haneef, Ekonomi Anwar, 2021.

Bandar

Pusat bandar di Malaysia telah menjadi hab konsumerisme, penggunaan tenaga, kemerosotan alam sekitar, dan kesibukan masyarakat neoliberal. Ini tidak harus diterima sebagai takdir. Kawasan bandar mampu menjadi tempat terbaik penggabungan elemen kemodenan dan tradisional, pada masa yang sama kekal berdaya saing, selesa dan mampan.

Pusat-pusat bandar juga boleh menjadi asbab kepada kejayaan tanpa perlu menyumbang kepada kemusnahan bumi dan kemelatan negara bagi mereka di kawasan luar bandar. Kita harus merubah bandar-bandar agar menyemangati budaya Malaysia dengan memberi ruang kepada gaya baharu juga tradisional, sambil berdamai dengan alam, selain menambah baik kesejahteraan untuk penduduk bandar dan di luar bandar.

Pusat-pusat bandar harus dijadikan lebih mudah untuk diakses oleh kawasan luar bandar agar Malaysia boleh menjadi rangkaian

MEMBANGUN NEGARA MADANI

pertumbuhan ekonomi yang seimbang ketimbang struktur pengagihan sedia ada (yang menunjukkan bahawa kekayaan tidak pernah dirasai oleh mereka di bawah). Justeru jika dasar ini membuah hasil, kekayaan dan risiko negara kita akan dikongsi oleh semua masyarakat bersama-sama.

Luar Bandar

Kawasan luar bandar di negara kita sedang menghadapi krisis eksistensial senyap, maka menjadi kewajipan kita, sebagai sebuah negara yang berbilang budaya dan bangsa, untuk memastikan kesejahteraan mereka. Suara masyarakat luar bandar harus diangkat dan menjadi teladan kepada masyarakat yang lain soal bagaimana kita dapat menyelamatkan negara daripada malapetaka dunia dan kemelesetan ekonomi.

Budaya dan teknologi harus boleh diselarikan agar masyarakat yang tinggal di luar daripada kawasan bandar dapat memenuhi keperluan serta terjaga keutamaan mereka dan diberikan lebih kebebasan mengurus hal ehwal kehidupan mereka. Kerjasama lebih erat antara penduduk kawasan bandar dan luar bandar perlu diwujudkan bagi membolehkan mereka mudah bergerak di antara kedua-dua tempat dan mengurangkan kesenjangan yang tidak seimbang terlalu lama.

Ia tentunya memerlukan usaha kolektif di antara ruang penduduk luar bandar dan bandar untuk mencari tenaga alternatif dan pendekatan baharu untuk pembangunan yang menyerlahkan potensi penuh negara kita.

“Seperti juga bentuk-bentuk pertanian yang lain, sistem agroekologi haruslah produktif, mampan dan berdaya tahan. Bentuk pertanian yang tidak memenuhi syarat asas ini akan mengakibatkan kebuluran, atau obesiti dan kencing manis, dengan biosfera yang tidak terkawal – yang pada hakikatnya menggambarkan status quo.”

Colin Tudge, *The Great Re-Think*, p. 141

Dimensi Pasca Normal

Tahap keseluruhan pasca normaliti yang memberi kesan kepada krisis ekonomi kita masih belum difahami sepenuhnya. Tanpa ragu-ragu, isu jangka panjang yang tidak dapat diselesaikan berikutan pandemik COVID-19 global, konflik berterusan termasuk Perang Ukraine-Rusia, dan pertikaian perdagangan / tanah dan kesannya terhadap rantaian bekalan semuanya perlu diambil perhatian dan diberi pertimbangan sebaiknya sewaktu membuat dasar, khususnya apabila berhadapan dengan isu-isu yang meragukan.

Perhatian yang diberikan terhadap realiti yang perlu dihadapi oleh rakyat secara makro juga seharusnya seimbang dengan mikro - yang menunjukkan kurang nilai hormat oleh sistem dan institusi kita. Usaha memberi perhatian kepada krisis ekonomi yang berlaku dalam era pasca normal tidak hanya memberi pemahaman yang lebih baik terhadap suatu masalah, bahkan memastikan kita mampu menyediakan penyelesaian yang mampan dan berjangka masa panjang.

Kerumitan

Ekonomi secara amnya, termasuk di Malaysia akan menerima kejutan sekiranya tidak mengambil kira kerumitan dalam pertimbangannya. Kita sebenarnya mempunyai peluang untuk memikir kembali tentang ekonomi, bidang yang kerap kali dibangkitkan melalui implikasi-implikasi kerumitan. Sekiranya pemikiran ekonomi kita tidak cukup rumit dari sudut pandangan dan tindakannya, akan membawa kepada masalah yang berterusan, dan kita pastinya akan berhadapan dengan pelbagai akibat yang kita tidak mahukan.

Sekiranya dasar ekonomi kita dapat menyantuni rumitnya dunia, memahami bahawa kerumitan ini hanya akan meningkat dengan masa, dari situ kita dapat mengimbangi isu-isu kesan tempatan dan global, kesan individu dan komunal, menamatkan kitaran sia-sia semasa, menyelesaikan isu-isu kos sara hidup dan inflasi, dan bergerak ke hadapan demi kesejahteraan.

Percanggahan

Ekonomi neoliberal telah terdedah dari pelbagai arah dengan percanggahan dalamnya. Ini menyebabkan banyak negara yang mengamalkan dasar ekonomi neoliberal berhadapan dengan masalah pemerataan kekayaan negara, penyalahgunaan dan rompakan.

Kapitalisme yang diamalkan sebagai suatu sistem *de facto* telah menggagalkan segala usaha untuk mewujudkan kesejahteraan rakyat. Justeru kita perlu menilai kembali teori, amalan, dan institusi ekonomi kita melangkaui percanggahan-percanggahan yang jelas wujud dalam pembangunan, kemajuan, kesaksamaan, kebebasan, dan kuasa.

Dalam masa yang sama, kita perlu memberi tumpuan kepada percanggahan yang telah menguasai ekonomi dan dasar awam Malaysia, menasarkannya kepada masalah sistemik ketika menghadapi kesan susulan langsung.

Kekacauan

Kurangnya penerimaan situasi kekacauan yang berlaku pada zaman kita, ketidakupayaan untuk berperanan dalam celah kekacauan, dan kejahilan terhadap kerumitan dan kecelaruan yang semakin membanyak, telah menambahkan lagi kemunculan situasi-situasi seperti itu, dan merupakan penyumbang terbesar kepada krisis ekonomi yang kita hadapi.

Dasar yang kita bentuk dalam menangani krisis ekonomi perlu mengambil kira situasi ini supaya kita boleh mengurangkan akibat yang kita tidak ingini. Sementara itu, kita perlu meluaskan pemerhatian kita bagi memastikan institusi dan dasar kita tidak berlebih-lebihan, tidak cekap, atau terlalu rumit supaya kita dapat mengurangkan keadaan yang boleh menyebabkan timbulnya kekacauan.

Kita juga perlu menjangkakan kekacauan yang akan muncul daripada pemerhatian dan pembaharuan besar yang diperlukan bagi menghadapi krisis yang mendesak, juga terkait dengan pengenalan kepada ekonomi yang lebih manusiawi dan berperikemanusiaan bagi memastikan dasar yang ditawarkan memacu kita kepada masa hadapan yang dihasratkan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Keserentakan

Kemajmukan isu-isu sedia ada yang terangkum di dalamnya krisis ekonomi cukup menyimpulkan keperluan pemikiran, tindakan dan panduan secara serentak sekiranya kita mengharapkan penambahbaikan keadaan rakyat.

Tetapi yang perlu kita pertimbangkan adalah keserentakan yang lebih mendalam sesuai dengan tindakan yang mesti dilakukan dalam kedua-dua penyelesaian berjangka masa pendek dan matlamat berjangka masa panjang (yang menjelaskan maksud kedua-duanya pada masa yang sama), dengan pertimbangan kepada kepelbagaian latar populasi, di bandar dan luar bandar, dan terkait dengan kestabilan ekonomi domestik sebagai sebahagian daripada, dan termasuk dalam gelombang trend global yang berkembang dan isu-isu sedia ada yang timbul.

Ini tentunya memerlukan bantuan bersepadu, kolaboratif dan kerjasama daripada pelbagai sektor dan penyertaan aktif seluruh masyarakat Malaysia.

Masa Hadapan dan Perubahan

Sepanjang pembentukan kerangka MADANI bagi menangani krisis ekonomi terkait kos sara hidup, inflasi, dan keselamatan bekalan makanan, masa hadapan tetap diutamakan dalam proses. Amalan memandang masa hadapan dan berpandangan jauh akan memanjangkan kelangsungan dasar-dasar yang dicadangkan dengan tanpa arahan yang tidak terfikirkan mahupun tanpa persediaan.

Unit bahagian dalam pelbagai institusi dan organisasi harus mengesan dan menganalisis trend dan isu-isu yang timbul, dalam masa yang sama membangunkan senario untuk membantu kita membayangkan aspirasi dan pilihan kita dengan lebih baik. Ini penting untuk mengimbangi pelbagai sudut pandangan yang dimainkan di Malaysia tanpa mengurangkan mana-mana daripada mereka.

Begitu juga, panduan bantuan dan penyelesaian teknologi akan memerlukan pemikiran masa hadapan yang lebih hebat bagi menangani isu-isu masa hadapan. Elemen pemikiran masa hadapan

MEMBANGUN NEGARA MADANI

perlu diterapkan dalam kesedaran rakyat serta budaya mereka agar kelangsungan dan kesejahteraan dapat dijamin.

Pemantauan

Pemantauan akan dilakukan atau dipecahkan kepada pendekatan kerangka MADANI untuk menyelesaikan ketidaktentuan ekonomi dan krisis yang berkaitan dengan kos sara hidup, inflasi dan keselamatan bekalan makanan. Langkah pertama ialah meminta Jabatan Perangkaan melakukan rundingan dengan kumpulan pakar ekonomi Malaysia bagi menetapkan semula dan menentukan penanda ekonomi tertentu (seperti garis kemiskinan, realiti piawaian T20/M40/B40, gaji mampu sara diri dan lainnya).

Dengan pemahaman yang lebih baik tentang realiti di Malaysia, kita boleh menangani isu yang dihadapi dengan lebih berkesan. Dari situlah akan wujud keperluan penyelesaian dari sudut teknologi dan inovatif bagi tujuan pelaporan dan mewujudkan gelung maklum balas dengan mempersiapkan agensi yang lebih banyak dan kepantasan bekerja pada masa-masa sukar.

Pengulangan pemantauan secara berterusan akan diperlukan untuk mewujudkan penanda bertujuan menilai ekonomi manusiawi Malaysia, khususnya tumpuan kepada pemantauan terhadap rasa keihisanan, rasa hormat, dan kepercayaan yang akan menjadi keutamaan kepada Malaysia yang akan kita bina bersama.

Institusi Pemberdayaan

Dasar-dasar berikut yang disenaraikan di sini mengambil pendekatan semakan semula terhadap krisis ekonomi yang dihadapi oleh Malaysia yang membentuk kelemahan dalam penggubalan dasar konvensional. Dasar-dasar ini merangkumi kerangka MADANI, mengambil kira pendekatan baharu kami, perspektif Malaysia, dan dimensi pasca normal kepada masalah yang kita depani.

Kita akan mulakan dengan memperkenalkan aturan cukai korporat dan keuntungan baharu secara adil yang boleh dikecualikan melalui derma dan sumbangan sosial yang bermanfaat atau perjanjian

MADANI BUAT MENANGANI MASALAH KOS SARA HIDUP

kerjasama kerajaan yang menyasarkan pembasmian kemiskinan, pendidikan awam, dan kesihatan awam. Kita juga akan memberikan rebat ke atas perkhidmatan elektrik, gas dan air yang dipadankan dengan cukai yang diperlukan untuk menstabilkan lonjakan utiliti awam. Dalam terus mengimbangi faktor ekonomi, kita akan mengurangkan cukai ke atas petroleum, menyusun semula import/eksport petrol untuk mengurangkan eksport bagi menstabilkan harga domestik tanpa mengejutkan rakan kongsi antarabangsa kita, menawarkan rebat kepada pengumpul kereta yang disahkan, pengguna transit massa dan isi rumah yang menunjukkan pengurangan nisbah kenderaan isi rumah kepada individu.

Untuk lebih memahami masalah sebenar yang dihadapi di Malaysia, kita akan mengumumkan semakan semula garis kemiskinan, taraf-kos-sara-hidup, gaji bersesuaian/minimum, dan petunjuk ekonomi lain, dan penetapan semula pemantauan dan pelaporan supaya kita boleh melihat dengan lebih jelas isu-isu ekonomi yang menimpa rakyat. Adalah penting untuk menyemak semula hutang isi rumah, membatalkan hutang peneroka FELDA, memansuhkan hutang yang memincang pelajar, membatalkan hutang tidak adil yang terakru semasa pandemik, di samping bekerjasama dengan institusi kewangan untuk melanjutkan moratorium dan mengurangkan kadar sebagai sebahagian daripada Pelan Pemerkasaan Bebas Hutang.

Memandang kepada masa hadapan, kita dijangka memperoleh pembiayaan melalui penghapusan cukai korporat dan sumbangan untuk memulihkan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang dilakukan bagi bantuan kecemasan ketika pandemik. Bagi pelepasan segera harga tinggi, mengambil contoh penyelesaian yang saya cadangkan kepada kenaikan harga minyak sawit baru-baru ini, kita akan memperkenalkan dasar 10% di mana eksport harga yang baik dikurangkan sebanyak 10% untuk menembusi pasaran manakala pasukan petugas ekonomi mencari penyelesaian jangka panjang yang inovatif sekiranya diperlukan untuk menstabilkan pasaran.

Di dalam kerajaan, kita akan mengkaji semula kedudukan, pejabat, pasukan petugas, dan jawatankuasa sedia ada yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Jaminan Bekalan Makanan dengan tujuan untuk meningkatkan rizab kita, dan

MEMBANGUN NEGARA MADANI

melaksanakan dasar-dasar baharu bagi membina pasaran dan bekalan pertanian yang lebih mampan di Malaysia. Secara kritis, kita akan menyemak semula kerangka dasar pertanian dan tenaga negara untuk mengambil pendekatan keseluruhan Malaysia, mengambil kira keperluan dan manfaat semua dengan tumpuan khusus kepada kawasan terabai, khususnya kawasan luar bandar, Sarawak, Labuan, dan Sabah.

Selari dengan dasar-dasar ini, kita akan melancarkan inisiatif kerjasama dengan Kementerian, institusi kewangan, syarikat teknologi dan komunikasi yang berkaitan, serta petani tempatan, bagi menyediakan teknologi dan kemudahan yang diperlukan untuk pembangunan pertanian, juga memberikan kebebasan kewangan yang lebih besar kepada petani yang turut memperkemas proses dari ladang ke meja dan mengurangkan beban kos dan risiko lain. Sebagai sebahagian daripada usaha ini, kita juga mesti memulakan rundingan untuk menghapuskan rasuah dan penyelewengan oleh orang tengah.

Di Parlimen, kita akan mengkaji semula dan membuat pembaharuan atau memperkenalkan undang-undang baharu bagi membolehkan pelancongan pertanian, bantuan petani dengan ladang untuk dipasarkan, mengawal selia amalan orang tengah. Kita juga akan memulakan kajian semula subsidi Malaysia terkait dengan produk pengguna yang memberi fokus kepada petani dan nelayan di samping menyediakan bantuan yang diperlukan.

Memandangkan Malaysia telah terlalu lama tanpa fokus tersebut, kita akan menubuhkan dana pencen dan bantuan kesusahan untuk petani dan keluarga mereka dengan penekanan kepada menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan sokongan pendidikan sehingga ke level tertinggi. Paling penting, kita akan memulakan langkah-langkah anti-monopoli dan yang akan meningkatkan keyakinan bagi memisahkan pengawal pintu pertanian dan pembentukan kumpulan mafia.

Untuk meningkatkan lagi asas pengetahuan dan kebolehan penyelesaian masalah kita, kita pastinya akan menubuhkan universiti, sekolah, dan institut penyelidikan baharu bertujuan memperbaharui amalan semasa, menaksir semula elaun pertanian dan tanah, mengintegrasikan bahan teknologi (pertanian pintar) dengan lebih baik, dan meneroka peluang makanan masa hadapan (pengubahsuaian

MADANI BUAT MENANGANI MASALAH KOS SARA HIDUP

genetik, daging yang ditenak dalam makmal, revolusi dalam diet, pertimbangan halal lanjutan, dll.).

Bagi memenuhi perubahan masyarakat yang diperlukan untuk mengimbangi keperluan ekonomi, alam sekitar, dan mampan, kami akan mewujudkan skim pengumpulan kompos negara yang mampu menggalak dan mendidik masyarakat terhadap pengomposan bandar dan luar bandar. Ini bagi mengurangkan kos import baja, dan sistem ini boleh digabungkan ke dalam perkhidmatan pengurusan sisa kebangsaan sedia ada yang telah diubah suai bagi mengumpul sampah, kitar semula, dan barangan terpakai yang masih sesuai untuk disumbangkan. Ia turut menjadi kunci menggalakkan perkongsian bandar-luar bandar yang lebih kukuh melalui hubungan kerjasama dengan petani luar bandar dan ruang bandar yang kurang digunakan (bumbung, tempat letak kereta, ruang hijau, dan lain-lain) yang boleh diubah menjadi ruang pertanian setempat dan / atau hab tenaga alternatif setempat.

Kita juga akan mengumumkan rancangan untuk memindahkan sumber tenaga Malaysia daripada arang batu ke arah sumber tenaga asli dengan penekanan kepada suria, angin, hidroelektrik, dan sumber tenaga alternatif lain. Bagi membantu usaha ini, kita akan melaksanakan peraturan dan skim baharu untuk merekayasa penggunaan lampu jalan awam, menukarkan penggunaan elektrik awam kepada sumber tenaga yang boleh dipulihkan kembali, memusatkan sumber tenaga, termasuk mekanisme penjimatan tenaga semasa waktu siang dan pengurangan jam penggunaan cahaya waktu malam. Bagi memastikan usaha ini tidak sia-sia, kita akan mengenakan hukuman yang lebih berat kepada penyelewengan dan pemotongan barangan bersubsidi dan memastikan hasilnya kembali kepada golongan petani dan pekebun kecil.

Bagi memastikan kerajaan menunaikan peranannya, kita akan menugaskan Kementerian Pengangkutan untuk melaksanakan dan mengutamakan dasar koheren yang memperbaiki dan meningkatkan pengangkutan awam di Malaysia, bekerjasama dengan pemimpin tempatan dan bandar untuk mencadangkan laluan baharu, pengubahsuaian sivik, bahan api kereta hibrid dan alternatif, dan dasar untuk mengurangkan bilangan kereta di jalan raya dan menggalakkan pengangkutan awam. Tambahan, adalah suatu kepentingan bagi

MEMBANGUN NEGARA MADANI

mewujudkan kumpulan kerja antara Kementerian yang ditugaskan untuk menyemak semula dasar perdagangan antarabangsa. Yang demikian untuk meningkatkan taraf kemandirian dan keswacukupan Malaysia, tanpa mencipta gambaran suatu perlindunganisme atau keterasinganisme, mencari pasaran serantau baharu yang boleh dimanfaatkan oleh Malaysia, dan meningkatkan perkongsian perdagangan sedia ada di seantero dunia.

Oleh kerana keadaan kita boleh berubah dengan cepat. kita mesti mampu menyesuaikan diri dan terbuka untuk belajar daripada kesilapan dan kejayaan. Di sinilah cadangan, idea dan perbincangan rakyat sangat penting. Kita memerlukan buah fikiran rakyat Malaysia untuk melihat kerangka MADANI kerana ia mampu mengemudi kita ke arah kejayaan yang lebih besar dan masa hadapan yang lebih cerah untuk semua kita rakyat Malaysia.

“Kebijaksanaan yang tidak terkawal merupakan kenyataan yang bercanggah ... Setiap kuasa yang sah di sisi undang-undang harus mempunyai had undang-undang, jika tidak, akan wujudlah pemerintahan diktator ...”

Sultan Azlan Shah, Pengarah Tanah dan Ekskavasi, Wilayah Persekutuan Iwn. Sri Lempah Enterprise Sdn. Bhd. (1979)

Dasar Keutamaan untuk Malaysia yang lebih baik

Himpunan dasar berikut yang berteraskan kerangka MADANI, akan memungkinkan kita untuk mengorak langkah dengan segera menuju ke arah Malaysia yang lebih baik. Tidak sayugia dilaksanakan dasar ini kesemuanya, sementara setiap satu darinya tertakluk kepada perubahan:

- Menyusun semula Kementerian untuk mengoptimumkan pelaksanaan MADANI, mengimbangi portfolio, dan mengurangkan gaji serta perbelanjaan menteri yang berlebihan
- Memastikan setiap Kementerian membangunkan pelan strategik hala tuju bagi menangani kekhawatiran rakyat dan menerapkan MADANI dalam portfolio masing-masing
- Memperkenal Audit Hak Asasi Manusia yang lebih mencapah
- Memperkenal Audit Alam Sekitar dan Kemampanan
- Pemansuhan bayaran tol untuk golongan B40 (menyediakan Pas Tol digital buat mereka) dan memulakan semakan skim bayaran tol untuk golongan M40 dan T20
- Pemansuhan hutang peneroka FELDA
- Pemansuhan bayaran balik pinjaman kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional untuk golongan B40
- Mengkaji semula projek yang sedang berjalan berdasarkan dampaknya kepada rakyat, alam sekitar dan taraf hidup, serta pertimbangan terhadap masa hadapan negara

MEMBANGUN NEGARA MADANI

- Memulakan reformasi percukaian yang sistematik dengan kenaikan cukai secara berperingkat bagi mereka yang berpendapatan RM11,000 dan ke atas setiap bulan
- Menggubal undang-undang terkait Tawaran Hijau Baharu (*Green New Deal*) untuk Malaysia
- Mengumumkan Pelan Pemulihan MADANI yang mampu memperkasa kemandirian ekonomi rakyat, merancakkan industri pelancongan serta merangsang pelaburan langsung asing
- Memperkenalkan undang-undang bagi meletakkan asas kepada kadar upah atau gaji yang bermaruah yang mampu menjamin kelangsungan hidup untuk semua
- Mengumumkan rancangan pembangunan dan peruntukan dana khas untuk perumahan mampu milik yang manusiawi dan mampan, yang menyasarkan keluarga dan individu yang berpendapatan rendah serta buruh asing
- Mewujudkan pertubuhan Pemimpin Persekutuan, Kerajaan Tempatan, Masyarakat, dan Syarikat Perniagaan yang secara bersama mewakili kemajmukan di negara kita dan ditugaskan untuk membangunkan skim waktu bekerja dan waktu cuti yang teratur. Ini bagi mengurangkan kesesakan serta mewujudkan suasana kerja yang fleksibel dan seimbang yang mengizinkan kerja dari rumah dan menghormati kesejahteraan pekerja
- Menubuhkan dana kebangsaan khusus untuk tujuan-tujuan daya cipta seperti pembiayaan, geran dan biasiswa bagi membangunkan pendekatan berdaya cipta dalam bidang ekonomi dan amalan perniagaan, serta bertanggungjawab untuk merubah pusat beli-belah yang kurang dan tidak digunakan kepada bandar teknologi, hab inkubator dan hab daya cipta kebudayaan untuk menjana dan menggalakkan perusahaan digital
- Mengumumkan rancangan untuk projek ladang suria dan angin gergasi serta rancangan berskala tempatan, bermula dengan negeri termiskin – Kelantan, Sabah, Kedah, Perlis, Sarawak – yang lengkap dengan pusat latihan, skim perantisan dan kemudahan penyelidikan
- Melancarkan pembinaan infrastruktur untuk kemderaan elektrik

DASAR KEUTAMAAN MALAYSIA YANG LEBIH BAIK

- Mengumumkan Pelan Reformasi Kurikulum Pendidikan dengan fokus kepada bidang sejarah dan bahasa bagi menjadikan sistem pendidikan negara lebih berdaya saing
- Meminda Perlembagaan Persekutuan dengan mengehadkan jawatan Perdana Menteri kepada hanya dua penggal
- Memperkenal e-demokrasi, antara rakyat dan ahli politik; serta audit kepertanggungjawaban dan mutu di semua Kementerian
- Menjamin kebebasan badan kehakiman, pengawasan dan kepertanggungjawaban polis menerusi penggubalan undang-undang dan reformasi institusi
- Mereformasi institusi pengawasan dan kepertanggungjawaban bagi menyasarkan amalan rasuah yang berleluasa dengan lebih berkesan
- Mereformasi sistem percukaian di Malaysia agar hasil kutipan dapat disalurkan untuk kebajikan rakyat seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, perkhidmatan awam dan lainnya
- Memperkenalkan undang-undang dan infrastruktur untuk menakrifkan individu, dan masyarakat, beserta hak mereka dengan lebih jelas (buruh asing, pelarian dan lainnya)
- Mewujudkan undang-undang yang tegas terkait perlindungan flora dan fauna, alam sekitar dan masa hadapan Malaysia
- Memperkenalkan skim jaminan mutu di universiti
- Mengumumkan rancangan untuk merubah dan memodenkan sistem universiti, termasuklah pewujudan ijazah berkaitan industri yang relevan dengan fokus kepada teknologi baharu, pewujudan bidang-bidang baharu, termasuklah pendekatan baharu terhadap ekonomi. Ini diperlukan bagi mengharungi masa-masa sukar dan tidak menentu, sebagai persediaan sistem pendidikan tinggi Malaysia untuk masa hadapan
- Menubuhkan pusat luar bandar serta pusat universiti untuk mengkaji dan meneroka Pertanian 4.0 dan daya cipta pertanian lain (pertanian pintar, penggunaan GPS untuk mengimbas tanah dan pengurusan data, hidroponik, bahan mentah alga, penggunaan

MEMBANGUN NEGARA MADANI

teknologi dron, pertanian di laut, kepelbagaian tanaman, dan lain-lain)

- Menubuhkan pusat penyelidikan dan institusi bebas, yang berhubung langsung dengan industri pada aspek yang berbeza dalam Industri 4.0
- Mewujudkan Pusat Pembangunan Daya Cipta Desa di lingkungan bersesuaian
- Membangunkan sistem penjagaan kesihatan yang merangkumi keperluan kesihatan akal dan jasmani serta keperluan kesihatan awam, mengambil iktibar daripada kegagalan pandemik COVID-19, yang menerapkan nilai-nilai MADANI kepada petugas dan pesakit, dan merangkumi pendekatan pemikiran masa hadapan dalam penyelidikan dan pembangunan bagi mencari pengkhususan baharu dan pendekatan berdaya cipta terhadap farmaseutika dan rawatan
- Memperkenalkan sistem bantuan penjagaan kesihatan nasional, atau skim insurans kesihatan nasional yang bersesuaian
- Memperkenalkan skim pencen sosial yang lebih luas merangkumi golongan petani, keluarga, dan pekerjaan yang inovatif seperti ekonomi gig
- Menubuhkan sebuah badan untuk menggalakkan amalan kedermawanan oleh badan korporat dan mengumumkan dana untuk NGO bagi menggalakkan kemampuan, sifat ihsan, serta rasa hormat
- Mewujudkan rangkaian koperasi seni dan kraf di seluruh Malaysia
- Memperkenalkan skim untuk bentuk-bentuk pelancongan yang inovatif seperti eko-pelancongan

“ Kita harus tuntas mencapai objektif kita dan sekali-kali tidak menggadai prinsip dan ideal kita. ”

– Lim Kit Siang, mantan Ketua Pembangkang Parlimen
Malaysia

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ

Sesungguhnya Allah SWT tidak akan merubah keadaan suatu kaum sehinggalah mereka merubah keadaan diri mereka sendiri.

Surah ar-Ra'd : 11

Epilog

Maka bermulalah episod perubahan yang amat diperlukan rakyat Malaysia. Suatu gerakan kesedaran untuk memperkasa rakyat Malaysia dengan segala kemajmukannya, dan juga dalam mewujudkan suatu pelantar yang setaraf dan terangkum bagi perkembangan demokrasi Malaysia, bermula dari masa lalu yang begitu kaya dengan sejarah, masa kini yang serba tidak menentu, dan masa hadapan sebagaimana yang kita inginkan.

Ini merupakan suatu ikhtiar murni yang melibatkan seluruh rakyat. Semangat Reformasi terus membakar dalam diri setiap kalian. Kita tetap akan mengabadikan kejayaan kuasa rakyat yang bertenaga dalam Pilihanraya Umum ke-14 yang lalu. Kendatipun kerajaan PH yang pertama tidak memenuhi sepenuhnya jangkaan kita, kita harus ingat bahawa dua puluh dua bulan adalah waktu yang tidak munsabah bagi melaksanakan segala tugas dan amanah yang diberikan, yang tentunya memerlukan Reformasi menyeluruh. Tuntutan mereformasi negara memerlukan masa. Sementara tokoh yang memimpin kerajaan sebelum ini bukanlah seorang pendukung reformasi.

Waima demikian, harapan masih bernyala, kerana rakyat telah bersama-sama melindungi bara api harapan daripada gugatan pengkhianat. Sedikit masa lagi ia pasti akan bersinar semula kerana kita masih punyai masa. Rakyat bukan sahaja berpeluang untuk merubah peta politik dan menyuburkan demokrasi tanah air dan tatakelola yang lebih baik, bahkan juga mampu menetapkan suatu piawai global yang baharu. Kerangka yang dikemukakan di sini belum muktamad; dokumen ini adalah jalinan dasar-dasar yang hidup dan sedang

MEMBANGUN NEGARA MADANI

berkembang, tertakluk kepada penelitian semula dan pengadaptasian berterusan, seiring perubahan keadaan oleh kita atau persekitaran. MADANI menawarkan sehimpunan dasar sebagai penguat agenda perubahan, yang harus dilaksanakan secara bertahap, dan bukan semuanya sekaligus.

Perubahan ini pastinya memakan masa. Menerusi kejayaan, dan kadangkala kegagalan, kita terus berusaha untuk menjana perubahan yang boleh disaksikan oleh semua. Kita akan bekerja secara sistematik – menerapkan dasar yang paling relevan dengan masa dan konteks tertentu – menambah atau membatalkan dasar tertentu apabila keadaan berubah – yang mana kita sedar ianya pasti akan berlaku. Pendekatan ini akan meremehkan politik perebutan kerusi, melangkaui politik wang dan retorik yang sarat dengan prasangka perkauman, yang hanya meneruskan suatu bentuk penjajahan rakyat secara tidak rasmi, yang telah diingatkan oleh José Rizal pada zamannya hingga ke Syed Hussein Alatas mutakhir ini.

Kini kita memulakan suatu perbincangan baharu dan mengambil tindakan sewajarnya. Kerangka MADANI akan merangkul kekuatan baharu justeru memerlukan penglibatan seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama mencorak masa hadapan negara dan bekerjasama sebagai sebuah masyarakat bagi mencapai sebuah hasrat yang kita semua dambakan.

Dasar MADANI yang telah dilontarkan juga bukanlah baharu sepenuhnya. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kalimat 'baharu' kini telah kehilangan suar dan maknanya. Sebaliknya, MADANI menjadi suatu lembaran baharu dalam sebuah naratif agung, yang diperkukuh dengan kehebatannya dalam menekuni asal-usul dan mempelajari iktibar kesilapan lalu. Walhasil, kalianlah yang akan mencatat sejarah untuk tatapan anak-cucu kita. Dengan menyedari kerumitan yang ada, memahami kekacauan, dan melangkaui percanggahan, janji-janji kosong dan kegagalan semalam akan dirungkai demi menggusur negara ke lembaran seterusnya. Dengan menyediakan tonggak asasi kemampunan, menuju kesejahteraan, berbekalkan semangat daya cipta, budaya saling menghormati dan keyakinan sejati, masyarakat kita yang ihsan akan melonjakkan negara ke suatu mercu yang tidak pernah dialami sebelum ini

Penghargaan

Kerangka MADANI merupakan kemuncak kepada pengalaman selama empat dekad dalam perkhidmatan awam dan belasan tahun yang dihabiskan bagi memikirkan tentang negara ini dan masa hadapannya. Sepanjang lapan belas tahun berkhidmat dalam kerajaan, mengepalai pelbagai kementerian, benih-benih kepada segugus idea yang dilontarkan ini mula-mula disemai dalam *Gelombang Kebangkitan Asia*. Percubaan saya untuk mereformasi sistem yang rasuah dari dalam telah mengakibatkan saya dipenjarakan, dengan separuh dari dua dekad lamanya mendekam bersendirian. Tetapi pengalaman ini memberi saya kelapangan masa untuk membaca dan mencatat nota – suatu pengalaman berharga seperti juga ramai tokoh lain di sepanjang zaman dari timur hingga ke barat.

Gerakan Reformasi, rundingan dan perbincangan yang kemudiannya membidani Parti Keadilan Rakyat, Barisan Alternatif, Pakatan Rakyat, dan kini Pakatan Harapan, semuanya telah menyumbang kepada pembentukan sekaligus memberi nafas kepada visi yang saya lakarkan di sini. Susulan daripada keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14 yang bersejarah, dan pembebasan saya dari penjara, maka saya fikir sudah tiba masanya untuk mengumpul semula semua nota, diari dan catatan saya yang berserakan sebelum ini, dan merumuskan kesemuanya menjadi suatu gagasan ampuh untuk menjana perubahan buat Malaysia, seperti yang telah dihasratkan rakyat melalui peti undi pada tahun 2018. Saya merangkul para pemikir, perancang strategi, pakar ekonomi, pakar undang-undang, sarjana sains politik, dan pemikir masa hadapan; kami telah bertungkus-lumus bersama lebih setahun untuk membangunkan

MEMBANGUN NEGARA MADANI

kerangka MADANI melalui siri bengkel dan pemukiman. Meskipun berhadapan dengan pelbagai halangan – langkah Sheraton, pandemik COVID-19 serta kemelut yang lain – kami terus menelaah, mengulang dan memperhalusi setiap perincian, menyesuaikan kerangka ini dengan isu semasa dan perubahan yang berlaku.

Saya berharap dengan kerangka ini, Malaysia sebagai sebuah negara dengan potensi besar, mampu dan bersedia untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Saya nyatakan penghargaan dan terima kasih buat mereka yang telah membekalkan bahan bacaan kepada saya buat mengisi masa lapang di penjara, kalian merupakan sebahagian daripada proses pembentukan idea ini. Penghargaan khusus buat ahli antropologi dan penulis dari Wales, Almarhumah Merry! Wyn Davies, yang begitu mengharapkan negara ini terus maju, atas persahabatan, nasihat dan saranan yang beliau berikan pada peringkat awal penyediaan kerangka dasar ini. Sayangnya, beliau tidak sempat melihat ia diterbitkan. Penghargaan saya lebih daripada yang mampu saya ungkapkan buat Azizah, anak-anak, dan semestinya cucu-cucu kami, yang menjadi sumber kekuatan tatkala dunia berkecamuk dan kian tidak menentu. Mereka mengingatkan saya kepada mengapa kita usahakan semua ini.

Akhir sekali, hasil usaha ini tentunya saya didedikasikan buat seluruh rakyat Malaysia. Saya tahu ada masa hadapan yang lebih baik mampu kita bina bersama. Saya berharap usaha ini dapat menjadi seruan kepada generasi penerus supaya mereka mampu lakukan lebih baik daripada apa yang kita telah lakukan dengan keterhadan masa yang ada. Kenanglah kata-kata tokoh agung Melayu, José Rizal, seperti yang dinukilkan dalam novelnya *Noli Me Tangere*;

“ Aku tidak menulis untuk generasi ini. Aku menulis untuk zaman yang lain. Jika generasi ini membacaku, tentunya mereka akan membakar sekalian bukuku dan segala tulisanku. Sebaliknya, generasi yang mampu menafsirkan tulisan ini, mereka akan menjadi generasi yang terpelajar; mereka akan memahamiku dan berkata: ‘Tidak semuanya nyenyak tidur di kepekatan malam pada zaman moyang kita.’”

Sumber

Buku

- Basma I. Abdelgafar, *Public Policy: Beyond Traditional Jurisprudence – A Maqasid Approach* (London, IIIT, 2018)
- Ungku Abdul Aziz (penyunting), *Strategies for Structural Adjustment: The Experience of Southeast Asia*, (Kuala Lumpur, International Monetary Fund and Bank Negara Malaysia, 1990)
- Ungku Abdul Aziz, *Jejak Jejak Di Pantai Zaman* (Kuala Lumpur, Universiti Malaya Press, 1972)
- Ungku Abdul Aziz, (1957) *Facts and Fallacies on the Malay Economy* (Kuala Lumpur, Department of Economics, University of Malaya, 1957)
- Ungku Abdul Aziz, "Sebab-sebab Kemiskinan di dalam Pertanian Malaya," dalam *Problems of the Malayan Economy*, Lim T.B. (penyunting) (Singapore, Donald Moore, 1956)
- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, *First Malaysia Plan* (Kuala Lumpur, Prime Minister's Office of Malaysia, 1965)
- Nicholas Agar, *How to be Human in a Digital Economy* (Cambridge, MIT Press, 2019)
- Shahnon Ahmad, *Ranjanu Sepanjang Jalan* (Kuala Lumpur: Teks Publishing, 1983)
- Bryan Alexander, *Academia Next: The Futures of Higher Education* (Baltimore, Johns Hopkins University Press, 2020)
- Samuel Alexander & Joshua Floyd, *Carbon Civilisation and the Energy Descent Future: Life Beyond this Brief Anomaly* (Melbourne, Simplicity Institute, 2018)

MEMBANGUN NEGARA MADANI

- Arjun Appadurai, *The Future as Cultural Fact* (London, Verso, 2013)
- Syed Hussein Alatas, *Rasuah, Sifat, Sebab dan Fungsi* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995)
- Syed Hussein Alatas, *Intelektual Masyarakat Membangun* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991)
- Syed Hussein Alatas, *Cita Sempurna Warisan Sejarah Selangor*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001)
- Syed Hussein Alatas, *Corruption and the Destiny of Asia* (London, Prentice-Hall, 1999)
- Syed Hussein Alatas, *The Sociology of Corruption* (Singapore, Times Book International, 1986)
- Syed Hussein Alatas, *Mitos Pribumi Malas* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989)
- Kwame Anthony Appiah, *The Ethics of Identity* (Princeton, Princeton University Press, 2005)
- Muhammad Asad, *Asas-asas Negara di dalam Islam* (Jakarta: Bharatara, 1964)
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972)
- Ismail R. al-Faruqi & Lois Lamy al-Faruqi, *Atlas Kebudayaan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992)
- Abu Hamid al-Ghazali, *Ihya' Ulumiddin* (Jakarta: Percetakan Menara Kudus, 8 Jil., 1980)
- Cemil Aydin, *The Idea of the Muslim World: A Global Intellectual History* (Cambridge, Harvard University Press, 2017)
- James Barrat, *Our Final Invention: Artificial Intelligence and the End of the Human Era* (New York, St. Martin's Griffin, 2015)
- Matthias Barth, *Implementing Sustainability in Higher Education: Learning in an Age of Transformation* (London, Earthscan, 2015)
- Zygmunt Bauman, *Liquid Times* (Cambridge, Polity, 2007)
- Zygmunt Bauman, *Liquid Modernity* (Cambridge, Polity, 2000)

- Zygmunt Bauman & Ezio Mauro, *Babel* (Cambridge, Polity, 2016)
- James Bridle, *New Dark Age: Technology and the End of the Future* (London, Verso, 2018)
- Gordon Brown, *Seven Ways to Change the World* (London, Simon & Schuster, 2021)
- John M Bunzl, *The Simultaneous Policy* (London, New European Publication, 2001)
- Mathew Burrows, *The Future Declassified: Megatrends that will undo the world unless we take action* (New York, Palgrave MacMillan, 2014)
- Confucius, *The Analects of Confucius: A Philosophical Translation*, terjemahan Roger T. Ames & Henry Rosemont, Jr. (Ballantine Books, New York, 1998)
- Michael Callon, Pierre Lascoumes & Yannick Barthe, *Acting in an Uncertain World* (Cambridge, The MIT Press, 2001)
- Tang Ah Chai et. al (penyunting), *509: The People Have Spoken: Essays on The Making of A New Malaysia*, (Petaling Jaya, Strategic Information and Research Development Centre, 2018)
- Ha-Joon Chang, *23 Things They Don't Tell You About Capitalism* (London, Penguin, 2010)
- Clayton M. Christensen, Efosa Ojomo, dan Karen Dillon, *The Prosperity Paradox: How Innovation Can Lift Nations Out of Poverty* (New York, Harper Business, 2019)
- David Colander & Roland Kupers, *Complexity and the Art of Public Policy* (Princeton, Princeton University Press, 2014)
- Paul Collier, *The Future of Capitalism* (London, Allan Lane, 2018)
- Stefan Collini, *Speaking of Universities* (London, Verso, 2017)
- Robert Colvile, *The Great Acceleration* (London, Bloomsbury, 2016)
- Robert Costanza, Lisa J. Graumlich & Will Steffen (penyunting), *Sustainability or Collapse? An Integrated History and Future of People on Earth* (Cambridge, MIT Press, 2011)
- James A. Dator, *Advancing Futures: Futures Studies in Higher Education* (Westport, Praeger, 2002)

MEMBANGUN NEGARA MADANI

- Adrian Daub, *What Tech Calls Thinking* (New York, Farrar, Straus and Giroux, 2020)
- Patrick J Deneen, *Why Liberalism Failed* (New Haven, Yale University Press, 2018)
- Cheryl Desha & Karlson "Carlie" Hargroves, *Higher Education and Sustainable Development: A model for curriculum renewal* (New York, Routledge, 2014)
- Tony Dolphin & David Nash (penyunting), *Complex New World* (London, Institute for Public Policy Research, 2012) p143
- Peter Drucker, *Masyarakat Pasca Kapitalis* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995)
- Peter Drucker & Bill Weideman, *Managing for the Future* (London, Routledge, 2013)
- Joe Earle, Cahal Moran, & Zach Ward-Perkins, *The Econocracy: On the perils of Leaving Economics to the Experts* (London, Penguin Random House, 2017)
- Economics for Inclusive Prosperity, *Economics for Inclusive Prosperity: An Introduction* (econfip.org, 2018)
- John L. Esposito & Ibrahim Kalin, *Islamophobia: The challenge of pluralism in the 21st Century* (New York, Oxford University Press, 2011)
- Walter Erdelen, Introduction, 'Plenary Session 1 – Trends in Global Higher Education' dalam *World Conference on Higher Education: The New Dynamics of Higher Education and Research for Societal Change and Development*, Unesco, Paris, 6–9 Julai 2009
- Virginia Eubanks, *Automating Inequality: How High-Tech Tools Profile, Police and Punish the Poor* (New York, St Martin's Press, 2017)
- Raymond A Eve, Sara Horsfall & Mary E Lee, *Chaos, Complexity and Sociology* (London, Sage, 1997)
- Siddiq Fadzil, *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat* (Selangor, Akademi Kajian Ketamadunan, 2012)
- Anas Alam Faizli, *Rich Malaysia, Poor Malaysians* (Petaling Jaya, Gerakbudaya, 2017)
- Anwar Fazal, *Our Cities, Our Homes: People, Places and Passions* (George Town, Think City, 2018)

- Christiana Figueres & Tom Rivett-Carnac *The Future We Choose: Surviving the Climate Crisis* (London, Manila Press, 2020)
- Stuart Firestein, *Ignorance: How It Drives Science* (Oxford, Oxford University Press, 2012)
- Peter Fleming, *The Death of Homo Economicus: Work, Debt, and the Myth of Endless Accumulation* (London, Pluto Books, 2018)
- Martin Ford, *The Rise of the Robots: Technology and the Threat of Mass Unemployment* (New York, Basic Books, 2015)
- Thomas Friedman, *Thank You for Being Late* (London, Allan Lane, 2016)
- Antonio Garcia Martinez, *Chaos Monkeys: Inside the Silicon Valley Money Machine* (London, Ebury Press, 2016)
- Anand Giridharadas, *Winners Take All* (New York, Alfred A Knoff, 2018)
- James Gleick, *Chaos: The Amazing Science of the Unpredictable* (London, Vintage, 1998)
- Edmund Terence Gomez & Jomo K.S., *Malaysia's Political Economy: Politics, Patronage and Profits* (Cambridge, Cambridge University Press, 1997)
- Stephen Gough & William Scott, *Higher Education and Sustainable Development: Paradox and possibility* (New York, Routledge, 2007)
- Adam Greenfield, *Radical Technologies: The Design of Everyday Life* (London, Verso, 2017)
- Nidhal Guessoum dan Athar Osama (penyunting), *Science at the Universities of the Muslim World* (London, Muslim World Science Initiative, 2015)
- Maartin A. Hajer, *The politics of environmental discourse: Ecological modernization and the policy discourse* (Oxford, Oxford University Press, 1995)
- Byung-Chul Han, *In the Swarm: Digital Prospects* (Cambridge, MIT Press, 2017)
- Byung-Chul Han, *Psycho-Politics: Neoliberalism and New Technologies of Power* (London, Verso, 2017)
- Byung-Chul Han, *The Burnout Society* (Palo Alto, Stanford University Press, 2010)

MEMBANGUN NEGARA MADANI

- Muhammed Aslam Haneef, 'Anwar's Economics,' dalam Ziauddin Sardar, (penyunting), *Critical Muslim 40: Biography* (London, Hurst, 2021)
- Yuval Noah Harari, "The world after coronavirus," *The Financial Times*. 20 Mac 2020. <https://www.ft.com/content/19d90308-6858-11ea-a3c9-1fe6fedcca75>
- Yuval Noah Harari, *21 Lessons for the 21st Century* (London, Jonathan Cape, 2018)
- Mohamad Kamal Hassan, *Corruption and Hypocrisy in Malay Muslim Politics: The Urgency of Moral-Ethical Transformation* (Kuala Lumpur, Emir Research, 2021)
- Ricardo Hausmann et al, *The Atlas of Economic Complexity: Mapping Paths to Prosperity* (Cambridge, MIT Press, 2013)
- Jeremy Heimans & Henry Timms, *New Power: How Anyone Can Persuade, Mobilize, and Succeed in Our Chaotic, Connected Age* (New York, Anchor Books, 2018)
- Jon Henley "Finland blazes trail with basic income for the jobless," *The Guardian*. 4 Januari 2017
- David W. Hicks, *Lessons for the Future: The missing dimension in education* (Oxford, Trafford Publishing, 2002)
- John Hilary, *The Poverty of Capitalism: Economic Meltdown and the Struggle for What Comes Next* (New York, Palgrave MacMillan, 2013)
- Hal Hill, Tham Siew Yean & Ragayah Haji Mat Zin (penyunting) *Malaysia's Development Challenges: Graduating from the Middle* (London, Routledge, 2012)
- Musa Hitam, *Frankly Speaking* (Selangor: Pelanduk Publications, 2016)
- Stephen Hopgood, *The Endtimes of Human Rights* (Ithaca, Cornell University Press, 2015)
- Stephen Hopgood, "Is this the end of the road for universal human rights?" *New Internationalist*, November 2013
- Helena Horton, 'Microsoft deletes 'teen girl' AI after it became a Hitler-loving sex robot within 24 hours,' *The Telegraph*, 24 Mac 2016.
- Joaquim Huang, *A New Malaysia: Beyond Race, Politics and Religion* (Petaling Jaya, Strategic Information and Research Development Centre, 2015)

SUMBER

- Amir Husain, *The Sentient Machine: The Coming Age of Artificial Intelligence* (London, Scribner, 2017)
- Abdullah Hussain, *Imam* (Kuala Lumpur : Utusan Publication, 1995)
- Anwar Ibrahim, "Justice for a Praying Person," dalam *Critical Muslim* 37 (musim sejuk 2021), 11-32
- Anwar Ibrahim, *Gelombang Kebangkitan Asia* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997)
- Anwar Ibrahim, "The Ummah and Tomorrow's World" dalam *Futures* 23 (3) 302-310, 1991
- Anwar Ibrahim, 'From Things Change to Change Things,' dalam Ziauddin Sardar (penyunting), *An Early Crescent: The Future of Knowledge and the Environment in Islam* (London, Mansell, 1989)
- Anwar Ibrahim, *Menangani Perubahan* (Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1989)
- Muhammad Iqbal, *Rahsia-Rahsia Diri* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press. (Terjemahan Muhtar Holland), 1975)
- Harris Irfan, *Heaven's Bankers: Inside the Hidden World of Islamic Finance* (London, Constable, 2014)
- Harris Irfan, "Cryptocurrency and the Islamic Economy," dalam *Critical Muslim* 29: Futures (London, Hurst, 2019)
- Robert Jervis, *System Effects: Complexity in Political and Social Life* (Princeton, Princeton University Press, 1997)
- Birgitta Jónsdóttir, "Democracy in the digital era," dalam *New Internationalist*. Jan/ Feb 2015
- Daniel Kahneman, *Thinking Fast and Slow* (New York, Farrar, Straus and Giroux, 2011)
- John Kay & Mervyn King, *Radical Uncertainty: Decision-Making Beyond the Numbers* (New York, W.W. Norton, 2020)
- Bakare Kazeem Kayode, Abdulwasiu Isiaq Nasirudeen & Syed Mahbubul Alam Al-Hasani, 'The Should be Goal of Education: What should be taught? And How should it be taught?' *Journal of Education and Practice* 7 (21) 138-143 2016
- Andrew Keen, *The Internet is Not the Answer* (London, Atlantic Books, 2015)

MEMBANGUN NEGARA MADANI

- Andrew Keen, *Digital Vertigo: How Today's Online Social Revolution is Dividing, Diminishing, and Disorienting Us* (New York, Griffin, 2013)
- Meg Keen, Valerie A. Brown, Rob Dyball (penyunting), *Social learning in Environmental management: Towards a sustainable future* (London, Earthscan, 2005)
- Eun Mee Kim, *The Four Asian Tigers: Economic Development and the Global Political Economy* (Bingley, Emerald Group Publishing, 1999)
- Mervyn King, *The End of Alchemy: Money, Banking and the Future of Global Economy* (London, Little Brown, 2016)
- Naomi Klein, *This Changes Everything: Capitalism vs. The Climate* (New York, Simon & Schuster, 2011)
- Harold Koenig & Saad Al Shohaib, *Health and Wellbeing in Islamic Societies: Background Research and Applications* (New York, Springer, 2014)
- Francis Loh Kok Wah & Khoo Boo Teik, *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices* (Surrey, Curzon Press, 2002)
- Ariane König (penyunting), *Regenerative Sustainable Development of Universities and Cities* (Cheltenham, Edward Elgar, 2013)
- Jomo Kwame Sundaram & Wee Chong Hui, *Malaysia @ 50: Economic Development, Distribution, Disparities* (Petaling Jaya, Strategic Information and Research Development Centre, 2014)
- Kate Lamb, 'Muslim Cyber Army is trying to destabilise Indonesia, says police', *The Guardian*. 14 Mac 2018
- Gerd Leonhard, *Technology vs. Humanity: The coming clash between man and machine* (London, Fast Future Publishing, 2016)
- Harry Lewis, *Excellence Without a Soul: Does Liberal Education Have a Future?* (New York, PublicAffairs, 2007)
- Liew Chin Tong, *The Great Reset: 100 Days of Malaysia's Triple Crisis* (Kuala Lumpur, REFSA, 2020)
- Eric Liu & Nick Hanauer, *The Gardens of Democracy: A New American Story of Citizenship, the Economy, and the Role of Government* (Seattle, Sasquatch Books, 2011)
- Heila Lotz-Sisistka, Arjen E. J. Wals, 'Transformative, transgressive social learning: rethinking higher education pedagogy in times of systemic

SUMBER

- global dysfunction', *Current Opinion in Environmental Sustainability*, 16: 73–80, 2015
- Mochtar Lubis, *Senja di Jakarta* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964)
- Shaharuddin Maaruf, *Malay Ideas on Development: From Feudal Lord to Capitalist* (Petaling Jaya, Strategic Information and Research Development Centre, 2014)
- Stephen J. Macekura, *The Mismeasure of Progress: Economic Growth and Its Critics* (Chicago, University of Chicago Press, 2020)
- Maszlee Malik, *Memori Bukan Memoir: 20 Bulan Reformasi Pendidikan* (Perak, Jadid Enterprise, 2021)
- Paul Mason, *Post Capitalism: A Guide to Our Future* (London, Penguin Random House, 2015)
- Ehsan Masood, *The Great Invention: The Story of GDP and the Making and Unmaking of the Modern World* (New York, Pegasus Books, 2016)
- Amy Maxmne, "Has COVID Taught Us Anything About Preparedness?" *Nature*. Vol 596. 19 Ogos 2021
- Mariana Mazzucato, *Mission Economy: A Moonshot Guide to Changing Capitalism* (London, Allen Lane, 2021)
- Mariana Mazzucato, *The Value of Everything: Making and Taking in the Global Economy* (London, Allen Lane, 2018)
- Maxwell J Mehlman, *Transhumanist Dreams and Dystopian Nightmares* (Baltimore, John Hopkins University Press, 2012)
- Achdiat K. Mihadja (penyunting), *Polemik Kebudayaan* (Jakarta: Balai Pustaka, 1948)
- Anthony Milner, Kerajaan: *Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule* (Petaling Jaya, Strategic Information and Research Development Centre, 2016)
- Pankaj Mishra, Bland Fanatics: *Liberals, Race, and Empire* (New York, Farrar, Straus and Giroux, 2020)
- Pankaj Mishra, *The Age of Anger: A History of the Present* (New York, Farrar, Straus and Giroux, 2017)

MEMBANGUN NEGARA MADANI

- Kassim Mustafa (penterjemah), *Pengislaman Ilmu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991)
- Mahathir Mohamad, *Dilema Melayu* (Kuala Lumpur: Federal Publication, 1982)
- George Monbiot, *How Did We Get into This Mess* (London, Verso, 2017)
- Anne Munro-Kua, *Autocrats vs The People: Authoritarian Populism in Malaysia* (Petaling Jaya, Suara Inisiatif, 2017)
- Shankaran Nambiar, *Malaysia: An Economy at the Edge of Transformation* (Petaling Jaya, Strategic Information and Research Development Centre, 2019)
- Ashis Nandy, *An Ambiguous Journey to the City* (Delhi, Oxford University Press, 2001)
- Ashis Nandy, 'Bearing witness to the future' *Futures* 28 6-7 636-639, 1996
- Ashis Nandy, *Traditions, Tyranny and Utopias: Essays in the Politics of Awareness* (Delhi, Oxford University Press, 1987)
- Syed Nawab Haider Naqvi, *Etika Ilmu Ekonomi* (Bandung: Mizan, 1984)
- Tom Nichols, *The Death of Expertise: The Campaign against Established Knowledge and Why it Matters* (New York, Oxford University Press, 2017)
- Shihab al-Din al-Nuwayri, *The Ultimate Ambition in the Arts of Erudition: A Compendium of Knowledge from the Classical Islamic World*, terjemahan dan suntingan oleh Elias Muhanna (New York: Penguin, 2016; naskhah asal sekitar 1333)
- Safiya Umoja Noble, *Algorithms of Oppression: How Search Engines Reinforce Racism* (New York, NYU Press, 2018)
- Zainulbahar Noor & Francine Pickup, "Development 2030: Zakat requires Muslims to donate 2.5% of their wealth: could this end poverty?" *The Guardian*. 22 June 2017 (www.theguardian.com/global-development-professionals-network/2017/jun/22/zakat-requires-muslims-to-donate-25-of-their-wealth-could-this-end-poverty)
- Helga Nowotny, *The Cunning of Uncertainty* (Cambridge, Polity Press, 2016)
- Marth C. Nussbaum, *The Cosmopolitan Tradition: A Noble But Flawed Ideal* (Cambridge, The Belknap Press, 2019)

- Mark O'Connell, *To Be a Machine: Adventures Among Cyborgs, Utopians, Hackers, and the Futurists Solving the Modest Problem of Death* (London, Doubleday, 2017)
- Cathy O'Neil, *Weapons of Math Destruction: How Big Data Increases Inequality and Threatens Democracy* (London, Allan Lane, 2016)
- Taylor Owen, *Disruptive Power: The Crisis of State in the Digital Age* (Oxford, Oxford University Press, 2015)
- Scott E. Page, *Diversity and Complexity* (Princeton, Princeton University Press, 2011)
- Thomas Picketty, *Capital and Ideology* (Cambridge, The Belknap Press, 2020)
- Thomas Picketty, *Chronicles On Our Troubled Times* (New York, Viking, 2016)
- Thomas Picketty, *Capital in the 21st Century* (Cambridge, Harvard University Press, 2014)
- David Pilling, *The Growth Delusion: The Earth and Well-Being of Nations* (London, Bloomsbury, 2019)
- David H. Price, *Weaponizing Anthropology* (Petrolia, Counterpunch, 2011)
- Robert N. Proctor & Londa Schiebinger, *Agnotology: The Making and Unmaking of Ignorance* (Stanford, Stanford University Press, 2008)
- Amol Rajan (penyunting), *Rethink: Leading Voices on Life After Crisis and How We Can Make a Better World* (London, BBC Books, 2021)
- Raghuram Rajan, *The Third Pillar: How Markets and the State Leave the Community Behind* (London, Penguin, 2019)
- Martin Rees, *Our Final Century: Will Civilization Survive the Twenty-First Century* (London, Arrow, 2004)
- Jose Rizal, *Noli Me Tangere (Jangan Sentuh Aku)* (Kuala Lumpur: IKD dan Synergy Books International, 1992)
- Richard Rorty, *Pragmatism as Anti-Authoritarianism* (Cambridge, The Belknap Press, 2021)
- Franz Rosenthal, *Keagungan Ilmu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996)
- Alec Ross, *The Industries of the Future* (London, Simon & Schuster, 2016)

MEMBANGUN NEGARA MADANI

- Helen Russell, *The Atlas of Happiness* (London, Two Roads, 2018)
- Edward W. Said, *The Politics of Dispossession: The Struggle for Palestinian Self-Determination, 1069-1994* (New York, Ballentine Books, 1994)
- Edward W. Said, *Orientalism* (Oxford, Routledge & Kegan Paul, 1978)
- Michael J. Sandel, *The Tyranny of Merit: What's Become of the Common Good* (London, Allen Lane, 2020).
- Soewito Santoso (penyunting), *Babad Tanah Jawi* (Surabaya: Citra Jaya Murti, 1970)
- Ziauddin Sardar, *Future: All That Matters* (London, Hodder & Stoughton, 2013)
- Ziauddin Sardar & Jeremy Henzell-Thomas, *Rethinking Reform in Higher Education: From Islamization to Integration of Knowledge* (London, IIIT, 2017)
- Ziauddin Sardar, Jordi Serra, & Scott Jordan, *Muslim Societies in Postnormal Times: Foresight for Trends, Emerging Issues and Scenarios* (London, IIIT, 2019)
- Ziauddin Sardar (penyunting), *The Postnormal Times Reader* (London, Centre for Postnormal Policy and Futures Studies, 2017)
- Ziauddin Sardar (penyunting), *Critical Muslim 7: Muslim Archipelago* (London, Hurst, 2013)
- Ziauddin Sardar (penyunting), *Critical Muslim 29: Futures* (London, Hurst, 2019)
- Ziauddin Sardar (penyunting), Epilog oleh Anwar Ibrahim, *Emerging Epistemologies: The Changing Fabric of Knowledge in Postnormal Times* (London, IIIT, 2022)
- Samuel Scheffler, *Why Worry About Future Generations?* (Oxford, Oxford University Press, 2018)
- Klaus Schwab, *The Fourth Industrial Revolution* (London, Currency, 2017)
- Joel Sawat Selway, *Coalition of Wellbeing: How electoral rules and ethnic politics shape health policy in developing countries* (New York, Cambridge University Press, 2015)
- Will Schutz, *Profound Simplicity* (Muri Beach, WSA, 1988)
- Amartya Sen, *Collective Choice and Social Welfare* (London, Penguin, 2017)

- Amartya Sen, *The Idea of Justice* (London, Penguin, 2009)
- Amartya Sen, *Identity and Violence: The Illusion of Destiny* (Penguin, Delhi, 2006)
- Amartya Sen, *The Ethics of Economics* (Delhi, Oxford University Press, 1999)
- Sultan Nazrin Shah, *Striving for Inclusive Development (Shah Alam, Oxford University Press, 2019)*
- W.G. Shellabear (penyunting), *Sejarah Melayu* (Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1967)
- Mimi Sheller, *Mobility Justice: The Politics of Movement in an Age of Extremes* (London, Verso, 2015)
- P W Singer & Emerson T Brooking, *Like War: The Weaponization of Social Media* (Boston, Houghton, Mifflin, Harcourt, 2018)
- Adam Smith, *The Wealth of Nations* (New York, Bantam Dell, 2003)
- Huston Smith, *Agama-agama Manusia* (Jakarta, Yayasan Obor Indonesia, 1985)
- Soedjatmoko, *Dimensi Manusia Dalam Pembangunan: Pilihan Karangan* (Jakarta: LP3ES, 1983)
- David J Snowden & Mary E Boone, 'A Leader's Framework for Decision Making,' *Harvard Business Review*, November 1–8 November 2007
- Kua Kia Soong, *Racism & Racial Discrimination in Malaysia* (Petaling Jaya, Suara Inisiatif, 2015)
- Kate Soper, *Post-Growth Living* (London, Verso, 2020)
- Stephen Sterling, Larch Maxey, & Heather Lun (penyunting), *The Sustainable University: Progress and Prospects* (London, Taylor & Francis, 2014)
- Wolfgang Streeck, *How Will Capitalism End* (London, Verso, 2016)
- Donald Sull & Kathleen M Eisenhardt, *Simple Rules: How to Thrive in a Complex World* (Boston, Houghton, Mifflin, Harcourt, 2015)
- Cass R. Sunstein, *How Change Happens* (Cambridge, MIT Press, 2019)
- Richard Susskind & Daniel Susskind, *The Future of Professions: How Technology will Transform the Work of Human Experts* (New York, Oxford University Press, 2015)

MEMBANGUN NEGARA MADANI

- Jamie Sussking, *Future Politics* (Oxford, Oxford University Press, 2018)
- R.J. Swart, P. Raskin & J. Robinson, 'The problem of the future: sustainability science and scenario analysis', *Global Environmental Change* 2004, 14: 137-146
- Richard Swift, *S.O.S. Alternatives to Capitalism* (Oxford, New Internationalist Publications, 2014)
- Nassim Nicholas Taleb, *Skin in the Game: Hidden Asymmetries in Daily Life* (London, Penguin, 2019)
- Robert J. Tata, *The Poverty of Nations* (Lanham, University Press of America, 2012)
- Jonathan Taplin, *Move Fast and Break Things: How Facebook, Google and Amazon have cornered culture and undermined democracy* (London, Pan Books, 2017)
- Max Tegmark, *Life 3.0: Being Human in the Age of Artificial Intelligence* (New York, Penguin Random House, 2017)
- Khoo Boo Teik, *The Making of Anwar Ibrahim's "Humane Economy"* (Singapore, ISEAS Publishing, 2020)
- Tommy Thomas, *Anything but the Law: Essays on Politics & Economics* (Petaling Jaya, Strategic Information and Research Development Centre, 2016)
- Eric C. Thompson, *Unsettling Absence: Urbanism in Rural Malaysia* (Singapore, NUS Press, 2007)
- Helen Thompson, *Disorder: Hard Times in the 21st Century* (Oxford, Oxford University Press, 2022)
- Henry Timms & Jeremy Heimans, *New Power: How Its Changing the 21st Century and Why You Need to Know* (London, Macmillan, 2018)
- Arnold J Tonybee, *Dunia Dengan Barat* (Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1961)
- Patrick Tucker, *The Naked Future: What Happens in a World That Anticipates Your Every Move?* (London, Current, 2014)
- Colin Tudge, *The Great Re-Think: A 21st Century Renaissance* (Pari, Pari Publishing, 2021)

- UNESCO, *Transforming the Future: Anticipation in the 21st Century* (London, Routledge; Paris, UNESCO, 2018)
- Toby Walsh, *Android Dreams* (London, Hurst, 2017)
- Peter Watson, *The Age of Nothing: How We Have Sought to Live Since the Death of God* (London, Weidenfield and Nicolson, 2014)
- Daniel Yergin, *The New Map: Energy, Climate, and the Clash of Nations* (London, Allen Lane, 2020)
- Yeo Bee Yin, *The Unfinished Business* (Kuala Lumpur, REFSA, 2022)
- Kunio Yoshihara, *The Rise of Ersatz Capitalism in South-East Asia* (Singapore, Oxford University Press, 1988)
- Ed Young, 'How the Pandemic Defeated America', *The Atlantic*, September 2020
- Muhammad Yunus, *A World of Three Zeroes* (London, Scribe, 2017)
- Imtiyaz Yusuf (penyunting), *Multiculturalism in Asia: Peace and Harmony* (Bangkok, Konrad Adenauer Stiftung, 2018)
- Fareed Zakaria, *Ten Lessons for a Post-Pandemic World* (New York, W.W. Norton, 2020)
- Shoshana Zuboff, *The Age of Surveillance Capitalism: The Fight for a Human Future at the New Frontier of Power* (New York, Public Affairs, 2019)

Rencana Akhbar

- The Guardian*, 'The Anthropocene epoch: scientists declare dawn of human-influenced age', 29 Ogos 2016
- New Scientist*, 'Ten Discoveries that would transform what it means to be human', 8 Ogos 2015
- Newsweek*, "The Future of Farming", 30 Oktober – 6 November 2015
- Popular Science*, "The Future of Food", Oktober 2015
- Wired*, GMOs, Oktober 2015 (www.wired.com/tag/gmos)
- Wired*, Virtual Reality, September 2018 (www.wired.com/tag/virtual-reality)

MEMBANGUN NEGARA MADANI

Andy Plump, 'Luck is not a strategy. The world needs to start preparing for the next pandemic', Stat, 18 Mei 2021: <https://www.statnews.com/2021/05/18/luck-is-not-a-strategy-the-world-needs-to-start-preparing-now-for-the-next-pandemic/>

Laporan

Ungku Abdul Aziz, S.B. Chew, K.H. Lee, & B.K. Sanyal, *University education and employment in Malaysia*, International Institute for Educational Planning (IIEP) Research. Report No. 66. 1988

Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid, 'Population Aging in Malaysia: A Mosaic of Issues', *Challenges and Prospects*, University Putra Malaysia Press, Serdang, 2015

Boston Consulting Group, *Advancing an Inclusive Malaysia: Redeeming Malaysia's Lost Decades*, 11 Disember 2018.

Chartered Institute of Personnel and Development, 'The Future of Talent in Malaysia 2035', London, Januari 2019

Future Timeline.net, The last job on Earth: imagining a fully automated world, 2016 (www.futuretimeline.net/videos/40.htm#.VtHX0VLmyYP)

Noor Azlan Ghazali, Re-Designing Malaysia's Economic Growth, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018

International Labour Organization, Labour market trends analysis and labour migration from South Asia to Gulf Cooperation Council countries, India and Malaysia, 2015 (www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---ed_protect/--protrav/---migrant/documents/publication/wcms_378239.pdf)

Martin Prosperity Institute, The Global Creativity Index 2015, 2015 (martinprosperity.org/media/Global-Creativity-Index-2015.pdf)

Suresh Naidu, Dani Rodrick & Gabriel Zucman, Economics for Inclusive Prosperity, Januari 2019

OECD, Innovation and Growth: Rationale for an Innovation Strategy, 2017 (www.oecd.org/science/inno/39374789.pdf)

PEW Research Centre, "Nearly all Muslims, Jews, Hindus live in countries their group was harassed in 2015", 2017 (www.pewforum.org/2017/04/11/nearly-all-muslims-jews-hindus-live-in-countries-where-their-group-was-harassed-in-2015)

The Royal Society et al., *The Atlas of Islamic World Science and Innovation*, 2014 (royalsociety.org/-/media/policy/projects/atlas-islamic-world/atlas-final-report.PDF)

Runnymede Trust, "A 20th Anniversary Report: Islamophobia still a challenge for us all", 2017 (www.runnymedetrust.org/uploads/Islamophobia%20Report%202018%20FINAL.pdf)

United Nations Human Development Program (UNDP), *Human Development Report*, 2014 (www.undp.org/content/dam/undp/library/corporate/HDR/2014HDR/HDR-2014-English.pdf)

UNESCO, *The Future of Scientific Advancement to the United Nations*, 2016 (unesdoc.unesco.org/images/0024/002458/245801e.pdf)

UNESCO, *Learning to live together*, 2016 (www.unesco.org)

World Economic Forum, *The Future of Jobs*, 2016 (www3.weforum.org/docs/WEF_Future_of_Jobs.pdf)

Matthieu De Clercq, Anshu Vats & Alvaro Biel, 'Agriculture 4.0: The Future of Farming Technology', World Government Summit, 2019, worldgovernmentssummit.org

Dokumentari

HyperNormalisation, Diarahkan dan Diterbitkan oleh Adam Curtis (London, BBC, 2016)

Dirty Money, Diterbitkan oleh Adam Del Deo dan lain-lain (Netflix, 2018, 6 Episod)

The Great Beast That is the Global Economy, Diarahkan oleh Adam McKay (Amazon Prime Video, 2019)

The Social Dilemma, Diarahkan oleh Jeff Orlowski (Netflix, 2020)

Makalah

- Ungku Abdul Aziz, S.B. Chew & J.S. Singh, *Proceedings of the Seminar on Higher Education and Employment in Malaysia*. (Kuala Lumpur, Institute of Graduate Studies, University of Malaya, 1987)
- Ungku Abdul Aziz, *The Social Responsibility of the University in Asian Countries*. Prosiding dalam Seminar, International Association of Universities (Paris, International Association of Universities, 1972)
- Anne Alexander, "Digital Generation," *Critical Muslim 1: The Arabs are Alive* (London, Hurst, 2012)
- Andrew Burt, 'The law is adapting to a world that has been eaten by software,' *Financial Times*, 27 Mac 2017
- Carole Cadwalladr, "Is democracy itself threatened by tech disruption?" *The Observer*, 18 Disember 2016
- Carole Cadwalladr, "Google is not 'just' a platform. It frames, shapes and distorts how we see the world," *The Observer*, 11 Disember 2016
- Aditya Chakraborty, "Your new iPhone's features include oppression, inequality – and vast profit," *The Guardian*, 20 September 2016
- Arundhati Roy, "The pandemic is a portal," *The Financial Times*. 4 April 2020. <https://www.ft.com/content/10d8f5e8-74eb-11ea-95fe-fcd274e920ca>
- Nejatullah Siddiqui, 'My life in Islamic economics,' *Critical Muslim 15: Educational Reform* (London, Hurst, 2015)
- David Wallace-Wells. "The Uninhabitable Earth: Famine, economic collapse, a sun that cooks us: What climate change could wreck – sooner than you think", *New York Magazine*, Julai 2017
- Arjen E.J. Wals, Michael Brody, Justin Dillon, Robert B. Stevenson, "Convergence between science and environmental education", *Science*, 344:583-584, Mei 2014
- Jim Dator, Ray Yeh & Seongwon Park, "Campuses 2060: Four Futures of Higher Education in Four Alternative Futures of Society", Dalam *Developments in Higher Education: National Strategies and Global Perspectives*. Academic Imprint Series / Penerbit USM. [Glugor], Pulau Pinang: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara, Penerbit Universiti Sains Malaysia. 198. 2013

Jess Staufenberg, 'Political cyberhacker Andrés Sepúlveda reveals how he digitally rigged elections across Latin America', *The Independent*, 2 April 2016

Azly Rahman, *Controlled Chaos: Essay son Malaysia's New Politics Beyond Mahathirism and the Multimedia Super Corridor* (Petaling Jaya, Strategic Information and Research Development Centre, 2015)

Daniel R. DeNicola, "The Construction of Ignorance", *The Philosopher's Magazine*.79. Oktober 2017

Lisa Firth (penyunting), *Issues 218: A Sustainable Future* (Cambridge, Independence, 2012)

Silvio Funtowicz & Jerome Ravetz, 'Science for the Postnormal Age', *Futures* 31 (7) 735-755 1993

Colleen Flaherty, "Doing Away With Departments", *Inside Higher Education* 17 November 2017 (www.insidehighered.com/news/2017/11/17/southernillinois-u-carbondale-wants-dissolve-academic-departments-all-them/)

Ylenia Gostoli, 'How the Internet "punishes" Palestinians', *Aljazeera*. 2 Februari 2018



Anwar Ibrahim adalah Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia, Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) dan Pengerusi Pakatan Harapan. Beliau juga merupakan Pengerusi Emeritus, Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT) dan Pengerusi, Centre for Islam in the Contemporary World (CICW). Beliau pernah memegang portfolio sebagai Menteri Pendidikan, Menteri Pertanian dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ketika menjadi penjawat awam, Anwar Ibrahim memegang beberapa jawatan penting seperti Presiden Kehormat Account Ability, Ahli Lembaga Penasihat, Kumpulan Krisis Antarabangsa, Pengerusi Jawatkuasa Pembangunan, Dana Kewangan Antrabangsa (IMF) dan Bank Dunia dan juga Presiden Persidangan Umum UNESCO. Beliau pernah menjadi pengajar di Kolej St. Anthony di Universiti Oxford, Sekolah Pengajian Antrabangsa Lanjutan di Universiti John Hopkins dan School of Foreign Service di Universiti Georgetown

Kerangka MADANI merupakan suatu ikhtiar yang bersepadu dan holistik: kesemua enam komponennya tidak berfungsi secara berasingan; ada kesalinghubungan yang rapat antara setiap komponen, sementara ketergantungan mereka antara satu sama lain menjadikan segala dasar yang digubal menjadi lebih manusiawi, yang sentiasa ditambahbaik menerusi musyawarah dan maklum balas rakyat. Justeru secara kolektifnya, kerangka ini akan meletakkan asas untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang madani, maju, terampil dan terangkum. Anjakan demi anjakan yang berlaku begitu pantas memaksa kita untuk mengambil kira keadaan persekitaran yang sentiasa berubah-ubah. Namun kita tidak akan bermula dengan sifar. Sejarah Malaysia yang panjang dan kaya menjadi landasan utama, dan daripadanya kita belajar memperbetul kesilapan serta membuka jalan menuju kejayaan.